Kandungan

Kemudahan Dalam Ibadah

Asas kepada agama Islam ialah ia memudahkan urusan umatnya. Di dalam hukum hakam yang digariskan oleh Allah Ta'ala melalui al-Quran dan as-Sunnah, akan kita temui pelbagai pengecualian dan keringanan yang diberikan kepada mereka yang memerlukan hal tersebut.

Islam sebagai satu agama yang mudah untuk umatnya terbukti dengan beberapa dalil daripada al-Quran dan al-Hadis.

Dalil daripada al-Quran:

يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمُ الْيُسْرَ وَلا يُرِيدُ بِكُمُ الْعُسْرَ

"…Allah menghendaki kemudahan bagimu, dan tidak menghendaki kesukaran bagimu…" [Al-Baqarah: 185]

مَا يُرِيدُ اللَّهُ لِيَجْعَلَ عَلَيْكُمْ مِنْ حَرَجٍ وَلَكِنْ يُرِيدُ لِيُطَهِّرَكُمْ وَلِيُتِمَّ نِعْمَتَهُ عَلَيْكُمْ لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ

"…Allah tidak mahu menyulitkan kamu, tetapi Dia hendak membersihkan kamu dan menyempurnakan nikmatNya bagimu, agar kamu bersyukur." [Al-Maidah: 6]

وَمَا جَعَلَ عَلَيْكُمْ فِي الدِّينِ مِنْ حَرَجٍ

"… Dan Dia tidak menjadikan kesukaran untukmu dalam agama …" [Al-Hajj: 78]

Dalil daripada al-Hadis:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، عَنِ النَّبِيِّ صلى الله عليه وسلم قَالَ " إِنَّ الدِّينَ يُسْرٌ، وَلَنْ يُشَادَّ الدِّينَ أَحَدٌ إِلاَّ غَلَبَهُ، فَسَدِّدُوا وَقَارِبُوا وَأَبْشِرُوا، وَاسْتَعِينُوا بِالْغَدْوَةِ وَالرَّوْحَةِ وَشَىْءٍ مِنَ الدُّلْجَةِ " .

Daripada Abu Hurairah Radiallahu 'anhu bahawa Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wassalam bersabda: Sesungguhnya agama (Islam) ini mudah. Tidaklah seseorang mempersulit (berlebih-lebihan) dalam agamanya kecuali dia akan dikalahkan (tidak dapat melaksanakannya dengan sempurna). Oleh kerana itu, berlaku luruslah, sederhana (tidak melampaui batas), dan bergembiralah (kerana memperoleh pahala) serta memohon pertolongan (kepada Allah) dengan ibadah pada waktu pagi, petang dan sebahagian malam." [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Iman, hadis no: 39]

عَنْ أَنَسٍ، عَنِ النَّبِيِّ صلى الله عليه وسلم قَالَ " يَسِّرُوا وَلاَ تُعَسِّرُوا، وَبَشِّرُوا وَلاَ تُنَفِّرُوا

Daripada Anas bin Malik Radiallahu 'Anhu bahawa Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam bersabda: Permudahkan, jangan susahkan. Berikan khabar gembira, jangan membuatkan orang lari [Sahih al-Bukhari, Kitab al-'Ilm, hadis no: 69]

Menyapu di atas khuf

عَنْ عُرْوَةَ بْنِ الْمُغِيرَةِ ، عَنْ أَبِيهِ ، قَالَ : كُنْتُ مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي سَفَرٍ فَأَهْوَيْتُ لِأَنْزِعَ خُفَّيْهِ ، فَقَالَ : " دَعْهُمَا ، فَإِنِّي أَدْخَلْتُهُمَا طَاهِرَتَيْنِ ، فَمَسَحَ عَلَيْهِمَا

Al-Mughirah radiallahu 'anhu berkata: Aku bersama nabi sallallahu 'alaihi wasallam dalam permusafiran, aku ingin membuka kedua khufnya, baginda lalu berkata: Biarkan ia, sesungguhnya aku memakainya dalam keadaan bersuci. Lalu baginda menyapu di atas keduanya.[Sahih Muslim, Kitab al-Wudhu, hadis no: 201]

عَنْ شُرَيْحِ بْنِ هَانِئٍ ، قَالَ : أَتَيْتُ عَائِشَةَ ، أَسْأَلُهَا عَنِ الْمَسْحِ عَلَى الْخُفَّيْنِ ؟ فَقَالَتْ : عَلَيْكَ بِابْنِ أَبِي طَالِبٍ ، فَسَلْهُ ، فَإِنَّهُ كَانَ يُسَافِرُ مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، فَسَأَلْنَاهُ ، فَقَالَ : جَعَلَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ " ثَلَاثَةَ أَيَّامٍ وَلَيَالِيَهُنَّ لِلْمُسَافِرِ ، وَيَوْمًا وَلَيْلَةً لِلْمُقِيمِ"

Syuraih bin Hani' berkata: Aku datang kepada 'Aisyah radiallahu 'anha dan bertanya tentang menyapu di atas khuf. Beliau menjawab: Engkau pergilah tanya kepada Ali bin Abi Talib. Sesungguhnya dia pernah bermusafir bersama Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam, lalu kami bertanya kepadanya, dan beliau menjawab: Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam (membolehkan menyapu di atas khuf) tiga hari tiga malam untuk musafir dan satu hari satu malam untuk orang bermukim. [Sahih Muslim, Kitab at-Taharah, hadis no: 419]

- Di sisi mazhab Syafie, dibenarkan untuk menyapu di atas khuf sama ada ketika musafir dan bermukim. Ini merupakan pendapat majoriti ulama. Manakala golongan Syiah dan Khawarij berpendapat ia tidak dibenarkan.

- Di sisi mazhab Syafie, menyapu di atas khuf adalah dibolehkan akan tetapi membasuh kaki dengan sempurna ketika berwudhu adalah lebih afdhal. Ini kerana membasuh kaki adalah hukum asal. Ini juga pendapar mazhab Abu Hanifah dan Malik.

- Adapun di sisi mazhab Ahmad, menyapu lebih afdhal. Ini juga pendapat Al-Sya'bi, Al-Hakam dan Hammad.

  Yang menyatakan afdhal berhujah dengan hadis berikut:

  عَنْ صَفْوَانَ بْنِ عَسَّالٍ ، قَالَ : كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ " يَأْمُرُنَا إِذَا كُنَّا سَفَرًا أَنْ لَا نَنْزِعَ خِفَافَنَا ثَلَاثَةَ أَيَّامٍ وَلَيَالِيهِنَّ إِلَّا مِنْ جَنَابَةٍ ، وَلَكِنْ مِنْ غَائِطٍ وَبَوْلٍ وَنَوْمٍ " . قَالَ أَبُو عِيسَى : هَذَا حَسَنٌ صَحِيحٌ

Safwan bin ‘Assal radiallahu ‘anhu berkata: Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam menyuruh kami apabila musafir untuk tidak menanggalkan khuf kami selama tiga hari tiga malam kecuali jika mengalami junub. Akan tetapi jika buang air besar, kencing dan tidur (tidak perlu membuka khuf untuk berwudhu) [Sunan at-Tirmizi, Abwab at-Taharah, hadis no: 89, hasan sahih].

Hadis ini hadir dalam bentuk suruhan. Jadi suruhan membawa maksud samaada wajib atau sunat. Adapun di sisi mazhab Syafie suruhan dalam hadis ini bermaksud harus dan rukhsah.

- Ulama bersepakat bahawa tidak boleh menyapu di atas sarung tangan di tangan dan purdah di wajah.
- Menyapu di atas khuf tidak boleh dilakukan ketika mandi wajib. Ini berdasarkan hadis Safwan di atas. Ulama bersepakat tentang hal ini.

Had masa boleh menyapu di atas khuf

- Pendapat yang sahih di sisi mazhab Syafie adalah terdapatnya had masa untuk membolehkan menyapu di atas khuf. Ini merupakan pendapat majoriti ulama. Manakala sebahagian ulama menyatakan tiada had waktu. Ini Al-Sya’bi, Rabi’ah, Al-Laith dan kebanyakan ulama Maliki. Hadis Ali radiallahu ‘anhu menunjukkan wujudnya had waktu.
- Had masa untuk mukim adalah 1 hari 1 malam, dan untuk musafir pula adalah 3 hari 3 malam.
- Orang yang menyapu di atas khuf boleh solat sebanyak mungkin menggunakan wudhu yang disapu di atas khuf.

Bilakah had masa boleh menyapu khuf bermula?

- Di sisi mazhab Syafie, had masanya bermula apabila seseorang mula berhadas selepas berwudhu dengan sempurna dan kemudiannya memakai khuf. Ini jua pendapat mazhab Abu Hanifah, Sufyan at-Tsauri, salah satu riwayat Ahmad dan majoriti ulama.
- Sebahagian ulama menyatakan tempoh masa itu bermula pada kali pertama seseorang menyapu di atas khuf ketika berwudhu. Ini pendapat Al-Awza’ie dan Abu Tsaur dan salah satu riwayat Ahmad. Imam an-Nawawi menyatakan ini pendapat yang kuat jika melihat daripada sudut dalil.
- Sebahagian ulama pula berpendapat tempoh masa itu bermula pada saat memakai khuf selepas berwudhu. Ini pendapat Al-Mawardi, Al-Syasyi dan Al-Hasan Al-Basri.

Syarat khuf yang boleh disapu

- Ulama mazhab Syafie bersepakat tidak disyaratkan khuf itu diperbuat daripada kulit.

- Khuf atau kasut yang boleh disapu di atasnya hendaklah yang boleh dibawa berjalan dengan memakainya dan ia menutupi kawasan yang wajib di basuh apabila berwudhu seperti biasa.

- Seandainya kasut itu berlubang pada bahagian atas buku lali maka ia masih boleh disapu kerana lubang itu diluar kawasan wudhu. Ulama mazhab Syafie sepakat dalam hal ini.

- Seandainya wujud lubang yang besar pada kawasan yang wajib dibasuh ketika wudhu, maka pendapat paling kuat dalam mazhab Syafie tidak boleh menyapu di atas kasut itu.

- Seandainya lubang itu kecil sehingga tidak kelihatan anggota kaki yang wajib dibasuh, maka boleh menyapu di atas kasut itu tanpa khilaf menurut mazhab Syafie.

Perbandingan mazhab berkaitan kasut yang berlubang

- Tidak boleh menyapu di atas khuf yang mempunyai lubang yang besar pada bahagian yang wajib dibasuh ketika wudhu biasa. Ini pendapat mazhab Syafie, Ma'mar bin Rasyid, dan Ahmad bin Hanbal.

- Boleh menyapu di atas keseluruhan khuf. Ini pendapat Sufyan at-Tsauri, Ishaq dan Abu Tsaur.

- Di sisi Al-Awzaie pula, boleh menyapu di atas khuf yang berlubang, dan pada bahagian yang berlubang itu disapu pula pada bahagian kaki yang kelihatan.

- Di sisi Abu Hanifah, jika lubang itu sebesar tiga jari, tidak boleh disapu, jika kurang, boleh.

Adakah boleh menyapu di atas stokin?

- Di sisi mazhab Syafie, stokin yang boleh disapu hendaklah menutup sehingga ke buku lali, tebal dan boleh berjalan dengan memakai stokin itu semata-mata.

- Sebahagian ulama memakruhkan menyapu di atas stokin. Ini pendapat Mujahid, Malik dan Al-Awza'ie.

- Diriwayatkan Umar al-Khattab membenarkan untuk menyapu di atas stokin walaupun nipis. Akan tetapi diriwayatkan beliau telah menarik balik pendapat itu.

Kasut atau stokin hendaklah dipakai dalam keadaan suci

Dalam hadis Al-Mughirah radiallahu 'anhu, Nabi sallallahu 'alaihi wa sallam bersabda:

دَعْهُمَا ، فَإِنِّي أَدْخَلْتُهُمَا طَاهِرَتَيْنِ ، فَمَسَحَ عَلَيْهِمَا

Biarkan ia, sesungguhnya aku memakainya dalam keadaan bersuci. Lalu baginda menyapu di atas keduanya.[Sahih Muslim, Kitab al-Wudhu, hadis no: 201]

- Tidak sah untuk menyapu di atas khuf kecuali jika kita memakainya dalam keadaan kita berwudhu yang sempurna. Ini pendapat mazhab Syafie, Malik dan salah satu riwayat Ahmad.

- Jika seseorang berwudhu, kemudian membasuh satu kaki lalu memakai kasut di kaki itu, kemudian membasuh kaki yang lagi satu, lalu memakai kasut. Maka sah wudhunya akan tetapi jika berhadas dia tidak boleh menyapu di atas khuf kerana dia memakai khuf dalam keadaan wudhu belum sempurna.

- Sebahagian ulama berpendapat boleh menyapu di atasnya walau memakainya dalam keadaan berhadas iaitu belum sempurna wudhu. Ini pendapat Abu Hanifah, Sufyan at-Tsauri, Yahya bin Adam, Al-Muzani dan Daud.

Bahagian yang perlu disapu

عَنْ عَلِيٍّ، – رضى الله عنه – قَالَ لَوْ كَانَ الدِّينُ بِالرَّأْيِ لَكَانَ أَسْفَلُ الْخُفِّ أَوْلَى بِالْمَسْحِ مِنْ أَعْلاَهُ وَقَدْ رَأَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم يَمْسَحُ عَلَى ظَاهِرِ خُفَّيْهِ .

‘Ali radiallahu ‘anhu berkata: Seandainya agama ini dengan akal fikiran sahaja, nescaya bahagian bawah khuf lebih utama untuk disapu berbanding bahagian atasnya. Sesungguhnya aku melihat Rasulullah sallallahu ‘alaihi wa sallam menyapu di bahagian atas khufnya. [Sunan Abi Daud, Kitab at-Taharah, Bab Kaif al-Mash, hadis no: 162].

- Ulama mazhab Syafie bersepakat bahawa wajib menyapu di atas khuf. Manakala bahagian bawah khuf hukumnya sunat. Ini juga pendapat Az-Zuhri, Makhul, Malik, Ibn Mubarak, dan Ishaq.

- Seandainya seseorang bukan sekadar menyapu tetapi membasuh khuf itu, maka sah wudhu itu akan tetapi makruh hukumnya menurut pendapat paling sahih dalam mazhab Syafie.

- Sebahagian ulama berpendapat tidak disunatkan menyapu di bawah khuf. Ini pendapat Ashab al-Ra’yi, Ahmad.

- Di sisi mazhab Syafie hanya sebahagian atas khuf sahaja wajib disapu. Ini juga pendapat At-Tsauri, Abu Tsaur dan Daud.

- Sebahagian ulama berpendapat wajib menyapu sebahagian besar atas khuf. Ini pendapat Ahmad.

Adakah batal wudhu jika kasut dibuka atau tamat tempoh had sapuan?

- Ulama mazhab Syafie berbeza pendapat adakah perlu berwudhu semula atau hanya sekadar membasuh kaki sahaja. Pendapat yang paling kuat dalam mazhab Syafie ialah membasuh kaki sahaja. Membasuh kedua kaki sahaja adalah pendapat ‘Atho, ‘Alqamah, An-Nakhaie, Abu Hanifah, At-Tsauri, Abu Tsaur, Al-Muzani dan salah satu riwayat Ahmad.

- Hendaklah berwudhu semula. Ini pendapat Makhul, Az-Zuhri, Ibn Abi Laila, Al-Awzaie, Ishak dan salah satu riwayat Ahmad.

- Dibasuh kaki sahaja sejurus membuka kasut. Seandainya dibiarkan lama selepas membuka kasut, hendaklah berwudhu semula. Ini pendapat Malik dan Al-Laits.

- Tidak perlu lakukan apa-apa kerana wudhu belum terbatal. Ini Al-Hasan Al-Basri, Qatadah, Sulaiman bin Harb. Imam an-Nawawi menyatakan pendapat ini yang terpilih dan paling kuat.

Menyapu di atas penutup kepala

عَنْ عُرْوَةَ بْنِ الْمُغِيرَةِ بْنِ شُعْبَةَ، عَنْ أَبِيهِ، قَالَ تَخَلَّفَ رَسُولُ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم وَتَخَلَّفْتُ مَعَهُ فَلَمَّا قَضَى حَاجَتَهُ قَالَ " أَمَعَكَ مَاءٌ " . فَأَتَيْتُهُ بِمِطْهَرَةٍ فَغَسَلَ كَفَّيْهِ وَوَجْهَهُ ثُمَّ ذَهَبَ يَحْسِرُ عَنْ ذِرَاعَيْهِ فَضَاقَ كُمُّ الْجُبَّةِ فَأَخْرَجَ يَدَهُ مِنْ تَحْتِ الْجُبَّةِ وَأَلْقَى الْجُبَّةَ عَلَى مَنْكِبَيْهِ وَغَسَلَ ذِرَاعَيْهِ وَمَسَحَ بِنَاصِيَتِهِ وَعَلَى الْعِمَامَةِ وَعَلَى خُفَّيْهِ

Al-Mughirah bin Syu’bah berkata Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam tertinggal di belakang bersama aku. Apabila baginda selesai menunaikan hajatnya, baginda berkata: Adakah engkau mempunyai air? Aku pun membawakan air yang suci kepada baginda, lalu baginda membasuh kedua tapak tangannya, wajahnya, kemudian baginda cuba mengeluarkan lengannya (dari pakaian) tetapi terlalu ketat, lalu baginda mengeluarkan tangannya dari bawah bajunya, lalu bajunya diletakkan atas bahunya, lalu baginda membasuh kedua lengannya, dan menyapu ubun-ubun kepalanya dan di atas serban serta khuf. [Sahih Muslim, Kitab at-Taharah, hadis no: 531].

- Di sisi mazhab Syafie, jika seseorang memakai serban dan dia tidak mahu membukanya kerana ada keuzuran mahupun tanpa keuzuran, maka dia boleh menyapu ubun-ubunnya. Digalakkan untuk disempurnakan dengan menyapu di atas serban. Hukum ini turut terpakai untuk kopiah, dan songkok menurut mazhab Syafie.

- Hukum ini juga diguna pakai untuk wanita yang berwudhu tanpa membuka tudung. Untuk wanita, seandainya tangan mereka basah, dan jika disapu di atas tudung, airnya masih tetap akan sampai ke rambut kerana tudung yang nipis kainnya, maka sah. Jika tidak, hendaklah dia menyapu sebahagian rambut atau kepalanya.

- Tidaklah disyaratkan untuk serban itu dipakai dalam keadaan suci kerana hukumnya tidak sama dengan sapuan di atas khuf. Ini pendapat mazhab Syafie. Sebahagian daripada

ulama mensyaratkan ia dipakai dalam keadaan suci sebagaimana khuf. Sebahagian lagi mensyaratkan agar penutup kepala itu ketat atau sukar dibuka dan dipasang kembali.

- Seandainya seseorang sekadar menyapu di atas serban/kopiah/tudung dan tidak menyapu sebahagian daripada kepala, maka tidak sah wudhunya menurut mazhab Syafie, dan ini adalah pendapat majoriti ulama. Ini berdasarkan hadis di atas.

- Sebahagian ulama membenarkan untuk menyapu di atas serban tanpa menyapu sedikit pun kepala. Ini pendapat Sufyan at-Tsauri, Al-Awzaie, Ahmad, Abu Tsaur, Ishaq, Ibn Jarir dan Daud. Mereka berdalilkan keumuman hadis-hadis berikut:

عَنْ بِلاَلٍ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم مَسَحَ عَلَى الْخُفَّيْنِ وَالْخِمَارِ .

Daripada Bilal radiallahu ‘anhu, Rasulullah sallallahu ‘alaihi wa sallam menyapu di atas khuf dan penutup kepala. [Sahih Muslim, Kitab at-Taharah, Bab al-Mash ‘Ala al-Nasiyah wa al-Imamah, hadis no: 275].

Daripada ‘Amru bin Umayyah radiallahu ‘anhu:

رَأَيْتُ النَّبِيَّ صلى الله عليه وسلم يَمْسَحُ عَلَى عِمَامَتِهِ وَخُفَّيْهِ.

Aku melihat Nabi sallallahu ‘alaihi wa sallam menyapu di atas serbannya dan khufnya. [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Wudhu, Bab al-Mash ‘ala al-Khuffain, hadis no: 205].

Adapun ulama mazhab Syafie berhujah dengan ayat al-Quran dalam surah al-Maidah ayat 5 yang mewajibkan menyapu sebahagian kepala ketika berwudhu. Manakala hadis-hadis di atas adalah hadis yang ringkas yang diperjelaskan oleh riwayat Al-Mughirah di atas.

Tayamum

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا قُمْتُمْ إِلَى الصَّلاةِ فَاغْسِلُوا وُجُوهَكُمْ وَأَيْدِيَكُمْ إِلَى الْمَرَافِقِ وَامْسَحُوا بِرُءُوسِكُمْ وَأَرْجُلَكُمْ إِلَى الْكَعْبَيْنِ وَإِنْ كُنْتُمْ جُنُبًا فَاطَّهَّرُوا وَإِنْ كُنْتُمْ مَرْضَى أَوْ عَلَى سَفَرٍ أَوْ جَاءَ أَحَدٌ مِنْكُمْ مِنَ الْغَائِطِ أَوْ لامَسْتُمُ النِّسَاءَ فَلَمْ تَجِدُوا مَاءً فَتَيَمَّمُوا صَعِيدًا طَيِّبًا فَامْسَحُوا بِوُجُوهِكُمْ وَأَيْدِيكُمْ مِنْهُ مَا يُرِيدُ اللَّهُ لِيَجْعَلَ عَلَيْكُمْ مِنْ حَرَجٍ وَلَكِنْ يُرِيدُ لِيُطَهِّرَكُمْ وَلِيُتِمَّ نِعْمَتَهُ عَلَيْكُمْ لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ

Hai orang-orang yang beriman, apabila kamu hendak mengerjakan solat, maka basuhlah mukamu dan tanganmu sampai ke siku, dan sapulah kepalamu dan (basuhlah) kakimu sehingga dengan kedua tumit, dan jika kamu junub maka bersucilah, dan jika kamu sakit atau dalam perjalanan atau kembali daripada tempat buang air atau menyentuh perempuan, lalu kamu tidak memperolehi air, maka bertayammumlah dengan tanah yang baik (bersih); sapulah mukamu dan tanganmu dengan tanah itu. Allah tidak hendak menyulitkan kamu, tetapi Dia hendak membersihkan kamu dan menyempurnakan nikmat-Nya bagimu, supaya kamu bersyukur. [al-Maidah:6].

عَنْ عَمَّارِ بْنِ يَاسِرٍ رضي الله عنهما قَالَ : بَعَثَنِي رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي حَاجَةٍ ، فَأَجْنَبْتُ فَلَمْ أَجِد الْمَاءَ ، فَتَمَرَّغْتُ فِي الصَّعِيدِ كَمَا تَمَرَّغُ الدَّابَّةُ ، فَذَكَرْتُ ذَلِكَ لِلنَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، فَقَالَ : " إِنَّمَا كَانَ يَكْفِيكَ أَنْ تَصْنَعَ هَكَذَا ، فَضَرَبَ بِكَفِّهِ ضَرْبَةً عَلَى الْأَرْضِ ، ثُمَّ نَفَضَهَا ، ثُمَّ مَسَحَ بِهَا ظَهْرَ كَفِّهِ بِشِمَالِهِ أَوْ ظَهْرَ شِمَالِهِ بِكَفِّهِ ، ثُمَّ مَسَحَ بِهِمَا وَجْهَهُ

Daripada ‘Ammar bin Yasir radiallahu’anhu bahawa dia berkata; Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam mengutusku untuk sesuatu urusan lalu aku mengalami junub dan ketika itu aku tidak menemui air. Oleh kerana itu aku pun berguling-guling di tanah (untuk bersuci) sebagaimana haiwan berguling-guling. Aku menceritakan kepada Nabi sallallahu ‘alaihi wa sallam. Hal tersebut Nabi bersabda” Sebenarnya sudah cukup bagimu bersuci dengan cara seperti ini. Nabi sallallahu ‘alaihi wa sallam memukulkan kedua tapak tangannya di atas tanah dengan sekali pukulan. Kemudian baginda meniupnya, kemudian baginda sallallahu ‘alaihi wasallam menyapu belakang tapak tangan kanan dengan tapak tangan kirinya, dan menyapu belakang tapak tangan kiri dengan tapak tangan kanannya, kemudian baginda sallallahu ‘alaihi wasallam menyapu wajahnya’ [Sahih al-Bukhari, Kitab at-Tayammum, hadis no: 337].

- Ulama sepakat disyariatkan tayamum. Begitu juga ulama ijma’ tayamum melibatkan wajah dan tangan sahaja.

- Ulama sepakat ia mengangkat hadas kecil.

- Majoriti ulama menyatakan ia jua dibolehkan untuk hadas besar. Tiada khilaf dalam hal ini dalam mazhab Syafie. Sebahagian kecil seperti Umar al-Khattab, ‘Abdullah bin Mas’ud, An-Nakhaie tidak membenarkan. Dikatakan ‘Umar dan Ibn Mas’ud telah menarik balik pendapat ini. Mereka yang tidak membenarkan berhujah bahawa ayat tersebut adalah untuk hadas kecil sahaja. Majoriti ulama menyatakan ia merangkumi hadas besar kerana ayat tersebut berbunyi ‘dan jika kamu junub maka bersucilah’. Ini juga berdalilkan hadis ‘Ammar bin Yasir di atas.

- Apabila seseorang bertayamum daripada hadas besar, apabila dia sudah mampu menggunakan air hendaklah dia mandi. Ini merupakan pendapat mazhab Syafie dan majoriti ulama.

  Ini berdalilkan hadis daripada ‘Imran bin Hussein radiallahu ‘anhu di bawah:

فَلَمَّا انْفَتَلَ مِنْ صَلاَتِهِ إِذَا هُوَ بِرَجُلٍ مُعْتَزِلٍ لَمْ يُصَلِّ مَعَ الْقَوْمِ قَالَ " مَا مَنَعَكَ يَا فُلاَنُ أَنْ تُصَلِّيَ مَعَ الْقَوْمِ ". قَالَ أَصَابَتْنِي جَنَابَةٌ وَلاَ مَاءَ. قَالَ " عَلَيْكَ بِالصَّعِيدِ، فَإِنَّهُ يَكْفِيكَ ".

  Apabila selesai menunaikan solat, baginda terlihat seorang lelaki yang duduk terasing dan tidak mendirikan solat bersama orang ramai. Baginda bertanya: Apa yang menghalang engkau wahai fulan daripada solat bersama orang ramai. Beliau menjawab: Aku mengalami janabah dan tiada air. Baginda lalu berkata: Engkau gunakanlah tanah. Sesungguhnya itu cukup untuk engkau.

Kemudian selepas menemui air:

وَنُودِيَ فِي النَّاسِ اسْقُوا وَاسْتَقُوا. فَسَقَى مَنْ شَاءَ، وَاسْتَقَى مَنْ شَاءَ، وَكَانَ آخِرَ ذَاكَ أَنْ أَعْطَى الَّذِي أَصَابَتْهُ الْجَنَابَةُ إِنَاءً مِنْ مَاءٍ قَالَ " اذْهَبْ، فَأَفْرِغْهُ عَلَيْكَ ".

Orang ramai dipanggil untuk minum dan memberi minum (haiwan-haiwan mereka). Maka sesiapa yang mahu pun minum dan memberi minum kepada haiwan. Akhirnya bekas berisi air itu diberi kepada lelaki yang mengalami janabah tersebut, baginda berkata: Pergi dan siramlah atas tubuhmu. [Sahih al-Bukhari, Kitab at-Tayamum, Bab al-So'id at-Thoyyib Wadhu' al-Muslim, hadis no: 344].

Bolehkah melakukan jima' apabila tiada air?

- Ulama mazhab Syafie berpendapat tidak makruh menggauli isteri dalam keadaan tiada air. Jika dia dapat mencuci kemaluannya dan bertayamum, maka dia boleh solat dan sah solatnya. Akan tetapi jika dia hanya bertayamum tetapi tidak dapat mencuci kemaluannya, hendaklah dia mengulangi solat tersebut kerana cairan faraj wanita adalah najis menurut mazhab Syafie. Ini pendapat majoriti ulama kerana tiada dalil memakruhkan jima' ketika tiada air.

- Imam Malik berpendapat tidak disukai untuk menggauli pasangan dalam keadaan tiada air. 'Atho pula berpendapat bahawa jika air tiada dalam masa 3 hari, janganlah dia menggauli pasangannya, akan tetapi jika lebih 3 hari maka boleh.

Tatacara tayamum

Berapa tepukan?

- Pendapat yang benar di sisi mazhab Syafie adalah dua tepukan. 1 tepukan untuk wajah dan 1 tepukan untuk tangan. Jika dua tepukan tidak cukup untuk rata ke bahagian yang wajib diratakan, maka perlu ditambah tepukan yang lain. 2 tepukan ini juga adalah pendapat majoriti ulama.

- Sebahagian ulama berpendapat hanya wajib 1 tepukan untuk wajah dan tangan sekaligus. Ini pendapat 'Atho, Makhul, Al-Awza'ie, Ishaq, dan Daud. Mereka berhujahkan hadis 'Ammar bin Yasir di atas. Kata Imam An-Nawawi bahawa pendapat ini lemah di sisi mazhab Syafie akan tetapi kuat daripada sudut dalil dan lebih dekat dengan sunnah yang sahih.

Anggota yang perlu disapu

- Ulama sepakat yang perlu disapu hanyalah wajah dan tangan. Akan tetapi mereka berbeza pendapat pada had tangan yang perlu disapu.

- Di sisi mazhab Syafie wajib hingga ke siku sebagaimana wudhu. Ini juga pendapat Malik, Abu Hanifah dan majoriti ulama.

- Sebahagian ulama berpendapat dua pergelangan tangan sahaja. Ini pendapat 'Atho'. Mereka berdalilkan hadis 'Ammar di atas.

- Kesemua hadis-hadis yang menyebut menyapu hingga ke siku dan lengan adalah hadis-hadis yang bermasalah. Imam Al-Baihaqi berkata bahawa hadis ‘Ammar di atas adalah lebih sahih daripada hadis-hadis menyatakan menyapu hingga ke siku. Akan tetapi hadis-hadis menyapu lengan atau hingga ke sikut diperkuatkan dengan syawahid-syawahid yang ada. Ini juga kerana ia lebih selari dengan al-Quran yang menyebutkan membasuh tangan hingga ke siku dan lebih berhati-hati.

Alat untuk tayamum

Jabir radiallahu ‘anhu berkata, Nabi sallallahu ‘alaihi wa sallam bersabda:

أُعْطِيتُ خَمْسًا لَمْ يُعْطَهُنَّ أَحَدٌ قَبْلِي نُصِرْتُ بِالرُّعْبِ مَسِيرَةَ شَهْرٍ، وَجُعِلَتْ لِيَ الأَرْضُ مَسْجِدًا وَطَهُورًا، فَأَيُّمَا رَجُلٍ مِنْ أُمَّتِي أَدْرَكَتْهُ الصَّلاَةُ فَلْيُصَلِّ، وَأُحِلَّتْ لِيَ الْمَغَانِمُ وَلَمْ تَحِلَّ لأَحَدٍ قَبْلِي، وَأُعْطِيتُ الشَّفَاعَةَ، وَكَانَ النَّبِيُّ يُبْعَثُ إِلَى قَوْمِهِ خَاصَّةً، وَبُعِثْتُ إِلَى النَّاسِ عَامَّةً ".

Aku diberikan lima perkara yang tidak diberikan kepada sesiapa pun sebelum ku. 1- Aku dibantu dengan perasaan takut (ke atas musuh ku) sejauh perjalanan satu bulan, 2- dijadikan untuk bumi ini sebagai masjid dan alat bersuci, di mana sahaja seseorang daripada umat ku berada ketika masuk waktu solat maka solatlah, 3- dihalalkan untuk ku harta rampasan perang dan tidak pernah dihalalkan kepada sesiapa sebelum ku, 4- dikurniakan kepada aku syafa’at, dan 5- para nabi diutus untuk umatnya sahaja sedangkan aku diutus untuk keseluruhan manusia. [Sahih al-Bukhari, Kitab at-Tayamum, hadis no: 335].

- Di sisi mazhab Syafie tidak sah tayamum kecuali dengan tanah yang berdebu. Ini juga pendapat Ahmad, Daud dan majoriti ulama.
- Tanah itu juga hendaklah suci daripada najis. Tiada khilaf dalam bab ini dalam mazhab Syafie.
- Abu Hanifah dan Malik pula berpendapat sah dengan setiap jenis daripada bumi termasuk batu yang telah dibasuh.
- Sebahagian ulama Maliki berpendapat sah dengan setiap sesuatu yang bersambung dengan bumi seperti kayu, salji dan selainnya.
- Al-Awzaie dan At-Tsauri berpendapat boleh dengan salji dan setiap sesuatu yang berada di atas muka bumi.

Rukun Tayamum menurut mazhab Syafie

1- Niat

2- Menyapu wajah dan kedua tangan hingga siku dengan dua kali tepukan pada tanah.

3- Tertib

Syarat-Syarat tayamum

1- Telah masuk waktu solat

2- Mencari tanah untuk tayamum selepas masuk waktu solat

3- Tanah yang suci

Pembatal tayamum

1- Semua perkara yang membatalkan wudhu.

2- Wujudnya air bagi sesiapa yang bertayamum kerana ketiadaan air.

3- Mampu menggunakan air bagi sesiapa yang bertayamum kerana tidak boleh menggunakan air.

4- Murtad.

Sebab-sebab yang membolehkan tayamum

1- Ketiadaan air.

- Air ada dijual tetapi melebihi harga pasaran.
- Air ada tetapi perlu digunakan untuk minum dan haiwan minum.

2- Air ada tetapi terlalu jauh (lebih 2.5 km).

3- Air ada tetapi tidak dapat mengambilnya kerana faktor keselamatan.

4- Sakit. Sama ada ia akan menyebabkan sakit, atau menyebabkan sakit bertambah teruk atau menyebabkan lambat sembuh.

5- Terlalu sejuk.

Solat di atas kenderaan

عَنْ مُحَمَّدِ بْنِ عَبْدِ الرَّحْمَنِ، أَنَّ جَابِرَ بْنَ عَبْدِ اللَّهِ، أَخْبَرَهُ أَنَّ النَّبِيَّ صلى الله عليه وسلم كَانَ يُصَلِّي التَّطَوُّعَ وَهْوَ رَاكِبٌ فِي غَيْرِ الْقِبْلَةِ

Jabir bin ‘Abdullah radiallahu ‘anhu menceritakan bahawa Nabi sallallahu ‘alaihi wasallam solat sunat di atas haiwan tunggangan tanpa menghadap kiblat. [Sahih al-Bukhari, Kitab at-Taqsir, hadis no: 1094]

عَنِ ابْنِ عُمَرَ، قَالَ كَانَ النَّبِيُّ صلى الله عليه وسلم يُصَلِّي فِي السَّفَرِ عَلَى رَاحِلَتِهِ، حَيْثُ تَوَجَّهَتْ بِهِ، يُومِئُ إِيمَاءً، صَلاَةَ اللَّيْلِ إِلاَّ الْفَرَائِضَ، وَيُوتِرُ عَلَى رَاحِلَتِهِ

Ibn ‘Umar radiallahu ‘anhu berkata: Nabi sallallahu ‘alaihi wasallam solat ketika musafir di atas kenderaan/haiwan tunggangannya dan menghadap ke arah mana haiwan itu bergerak. Baginda mengisyaratkan dengan kepalanya. Baginda melakukan solat malam dan bukannya solat fardhu. Baginda mendirikan solat witir di atas kenderaannya. [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Witr, hadis no: 1000]

- Solat sunat atas kenderaan tanpa hadap kiblat untuk musafir- Ulama sepakat/ijma’ ia dibenarkan.
- Solat sunat atas kenderaan tanpa hadap kiblat untuk bukan musafir- Jumhur tidak membenarkan. Manakala sebahagian ulama seperti Abu Said al-Istakhri daripada mazhab Syafie, dan Abu Yusuf membenarkan.
- Adapun solat fardhu- ulama mazhab Syafie tidak membenarkan kecuali dalam keadaan tidak mampu turun daripada kenderaan. Dan solat itu perlu diulangi kerana ia dikira solat hormat waktu.

Akan tetapi sebahagian ulama seperti Shaikh Muhammad al-Amin al-Shanqitee, di dalam bukunya bertajuk: الإجابة الصادرة

في صحة الصلاة في الطائرة (Boleh dan Sahnya Solat Di Atas Kapal Terbang) menyatakan boleh. Akan tetapi perlu dilihat kepada tatacara berikut:

1- Jika kenderaan bergerak selepas masuk waktu pertama. Contoh keretapi bergerak jam 2.30 petang dan akan sampai selepas selepas waktu Isya’. Maka solat Zuhur dan Asar hendaklah dilakukan jama’ taqdim *sebelum* menaiki kenderaan supaya segala rukun dan syarat sah solat dapat dipenuhi. Manakala solat Maghrib dan Isya dilakukan jama’ takhir *selepas* turun dari kenderaan agar segala syarat sah solat dan rukun dapat dipenuhi.

2- Oleh kerana itu, solat atas kenderaan adalah pilihan terakhir, apabila masa perjalanan di dalam kenderaan melangkaui masa solat yang boleh dijama’kan, contohnya perjalanan sebelum masuk waktu Zuhur, dan sampai pada Subuh esok harinya, maka ketika itu barulah dilakukan solat di atas kenderaan.

3- Apabila solat di dalam kenderaan, selagi mampu menghadap kiblat, berdiri dan lain-lain rukun dan syarat solat, maka wajib melakukan dengan sempurna. Jika tidak mampu, maka solatlah pada kadar yang mampu dan solat itu sah.

4- Jika kenderaan yang dipandu sendiri, *wajib berhenti* supaya dapat solat dengan sempurna. Jika menaiki bas, hendaklah memohon kepada pemandu bas untuk berhenti.

Qasar

وَإِذَا ضَرَبْتُمْ فِي الأَرْضِ فَلَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ أَنْ تَقْصُرُوا مِنَ الصَّلاةِ إِنْ خِفْتُمْ أَنْ يَفْتِنَكُمُ الَّذِينَ كَفَرُوا إِنَّ الْكَافِرِينَ كَانُوا لَكُمْ عَدُوًّا مُبِينًا

Dan apabila kamu musafir di muka bumi, maka kamu tidaklah berdosa "mengqasarkan" (memendekkan) sembahyang jika kamu takut diserang oleh orang-orang kafir. Sesungguhnya orang-orang kafir itu adalah musuh yang amat nyata bagi kamu [An-Nisa’: 101].

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا ، قَالَتْ : " فُرِضَتِ الصَّلَاةُ رَكْعَتَيْنِ , ثُمَّ هَاجَرَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَفُرِضَتْ أَرْبَعًا وَتُرِكَتْ صَلَاةُ السَّفَرِ عَلَى الْأُولَى

'Aisyah radiallahu 'anha berkata: Solat difardhukan dua rakaat. Kemudian baginda sallallahu 'alaihi wasallam berhijrah, lalu difardhukan solat empat rakaat, dan dibiarkan solat musafir seperti yang awal [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Manaqib, hadis no: 3667]

عَنْ يَعْلَى بْنِ أُمَيَّةَ، قَالَ قُلْتُ لِعُمَرَ بْنِ الْخَطَّابِ { لَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ أَنْ تَقْصُرُوا، مِنَ الصَّلاَةِ إِنْ خِفْتُمْ أَنْ يَفْتِنَكُمُ الَّذِينَ كَفَرُوا} فَقَدْ أَمِنَ النَّاسُ فَقَالَ عَجِبْتُ مِمَّا عَجِبْتَ مِنْهُ فَسَأَلْتُ رَسُولَ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم عَنْ ذَلِكَ . فَقَالَ " صَدَقَةٌ تَصَدَّقَ اللَّهُ بِهَا عَلَيْكُمْ فَاقْبَلُوا صَدَقَتَهُ "

Daripada Ya'la bin Umayyah Aku bertanya kepada 'Umar radiallahu 'anhu tentang firman Allah: ((Dan apabila kamu musafir di muka bumi, maka kamu tidaklah berdosa "mengqasarkan" (memendekkan) sembahyang jika kamu takut diserang oleh orang-orang kafir.)) Sekarang manusia sudah berasa aman. Umar menjawab: Aku juga pernah berasa pelik dengan apa yang engkau rasa pelik. Lalu aku bertanya kepada Rasulullah sallallahu 'alaihi wa sallam tentang hal itu. Baginda sallallahu 'alaihi wa sallam menjawab: Ia merupakan sedekah yang Allah sedekah dengannya kepada kalian. Terimalah sedekahnya. [Sahih Muslim, Kitab Solat al-Musafirin wa Qasriha, hadis no: 686].

- Ulama bersepakat bahawa dibenarkan mengqasarkan solat bagi musafir untuk solat Zuhur, Asar dan Isya'.
- Ulama berbeza pendapat tentang hukumnya. Di sisi mazhab Syafie dibenarkan untuk seorang musafir mengqasarkan solatnya dan qasar adalah lebih afdhal. Ini adalah pendapat majoriti ulama. Sebahagian ulama berpendapat qasar solat ketika musafir adalah wajib. Ini pendapat Abu Hanifah, Al-Tsauri dan lain-lain.

Jarak yang dibenarkan qasar solat

- Di sisi mazhab Syafie, musafir yang dibenarkan mengqasarkan solat ialah apabila jarak musafirnya dua marhalah atau kira-kira 80 kilometer. Ini pendapat Ibn 'Umar, Ibn 'Abbas, Al-Hasan Al-Basri, Az-Zuhri, Malik, Ahmad dan lain-lain. Ulama mazhab Syafie berhujah begini kerana tidak pernah dinukilkan Nabi sallallahu 'alaihi wa sallam mengqasarkan solat pada perjalanan yang kurang daripada 2 marhalah.
- Sebahagian ulama berpendapat hanya boleh diqasarkan untuk perjalanan yang memakan masa 3 hari. Ini pendapat Ibn Mas'ud, Al-Sya'bi, An-Nakhaie, At-Tsauri dan Abu Hanifah.
- Al-Awza'ie berpendapat boleh qasar untuk perjalanan yang memakan masa satu hari penuh.
- Daud az-Zahiri pula berpendapat boleh diqasarkan solat untuk musafir secara mutlak.

Jumlah hari yang dibenarkan mengqasarkan solat

- Dalam mazhab Syafie jika seseorang bermusafir dan berniat untuk tinggal di satu tempat 4 hari atau lebih (tidak termasuk hari tiba dan pulang), maka hendaklah dia solat tamam di tempat tersebut kerana dia sudah dikira bermukim. Jika 3 hari atau kurang boleh qasar. Ini pendapat Uthman radiallahu ‘anhu, Ibn al-Musayyib, Malik dan Abu Tsaur.
- Di sisi Abu Hanifah, jika seseorang berniat untuk tinggal di satu tempat selama 15 hari termasuk hari tiba, maka tidak boleh qasar. Jika kurang boleh qasar.
- Jika berniat untuk tinggal selama 12 hari atau lebih, tidak boleh qasar. Jika kurang boleh qasar. Ini pendapat Ibn Umar, Al-Awza’ie.
- Jika berniat untuk tinggal selama 19 hari atau lebih, tidak boleh qasar. Jika kurang boleh qasar. Ini pendapat Ibn ‘Abbas, Ishaq bin Rahawiah.
- Jika berniat 10 hari atau lebih tidak boleh qasar. Ini pendapat Al-Hasan bin Soleh.
- Jika berniat 16 hari atau lebih, tidak boleh qasar. Ini pendapat Anas, Sa’id bin Jubair, Al-Laits.
- Jika berniat 5 hari atau lebih, tidak boleh qasar. Ini pendapat Ahmad dan Daud.
- Jika berniat untuk tinggal 1 hari 1 malam, tidak boleh qasar. Ini pendapat Rabi’ah.
- Boleh qasar selamanya sehingga pulang ke tempat asalnya. Ini pendapat Ishaq bin Rahawiah.
- Jika seseorang tidak tahu berapa lama dia akan berada di satu tempat, maka dia boleh mengqasarkan solat selama 18 hari (tidak termasuk hari tiba). Ini pendapat mazhab Syafie.
- Imam Abu Hanifah, Malik dan Ahmad pula berpendapat dia boleh qasar selamanya. Abu Yusuf dan Muhammad pula berpendapat dia sudah dikira mukim.

Solat musafir berimamkan mukim

- Ulama ijma’/sepakat bahawa apabila seorang musafir berimamkan seorang mukim, maka wajib bagi musafir itu solat tamam iaitu 4 rakaat.

عَنْ مُوسَى بْنِ سَلَمَةَ ، قَالَ : كُنَّا مَعَ ابْنِ عَبَّاسٍ بِمَكَّةَ ، فَقُلْتُ : " إِنَّا إِذَا كُنَّا مَعَكُمْ صَلَّيْنَا أَرْبَعًا ، وَإِذَا رَجَعْنَا إِلَى رِحَالِنَا صَلَّيْنَا رَكْعَتَيْنِ ، قَالَ : تِلْكَ سُنَّةُ أَبِي الْقَاسِمِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

Musa bin Salamah berkata: Kami bersama-sama Ibn ‘Abbas di Mekah, lalu aku berkata: Sesungguhnya apabila kami bersama kalian, kami solat empat rakaat, dan apabila kami pulang ke rumah, kami solat dua rakaat. Ibn ‘Abbas radiallahu ‘anhuma berkata: Itulah sunnah Abu al-Qasim sallallahu ‘alaihi wasallam [Musnad Ahmad, Musnad Ibn ‘Abbas, hadis no: 1792]

- Seandainya seseorang solat di tempat yang kebiasaannya orang mengqasarkan solat, contohnya surau RnR, maka apabila dia menjadi makmum, hendaklah dia berniat

mengqasarkan solat. Akan tetapi jika imam itu tamam, hendaklah dia ikut menyempurnakan 4 rakaat.

- Begitu juga jika dia solat bersama seorang imam musafir akan tetapi tidak diketahui imam itu mengqasarkan solat atau tamam. Lalu makmum tadi menggantungkan niatnya mengikut imam iaitu jika imam qasar dia qasar, jika imam tamam dia tamam, maka sah solatnya, dan dia mengikut bagaimana imam itu solat. Ini pendapat paling kuat dalam mazhab Syafie.

- Seandainya dia tidak tahu imam itu musafir atau mukim, maka hendaklah dia berniat solat tamam mengikut imam itu. Jika imam itu mengqasarkan solat, hendaklah makmum menyempurnakan solatnya 4 rakaat kerana tadi dia berniat tamam.

- Jika seorang musafir menjadi imam pula, hendaklah makmum yang mukim menyempurnakan solat mereka menjadi 4 rakaat. Digalakkan imam yang musafir tadi selepas memberi salam berkata: Sempurnakan solat kalian, sesungguhnya kami musafir.

‘Abdullah bin ‘Umar radiallahu ‘anhu meriwayatkan:

أَنَّ عُمَرَ بْنَ الْخَطَّابِ، كَانَ إِذَا قَدِمَ مَكَّةَ صَلَّى بِهِمْ رَكْعَتَيْنِ ثُمَّ يَقُولُ يَا أَهْلَ مَكَّةَ أَتِمُّوا صَلاَتَكُمْ فَإِنَّا قَوْمٌ سَفْرٌ .

Apabila ‘Umar al-Khattab tiba di Mekah, beliau akan mengimami solat sebanyak dua rakaat, kemudian beliau akan berkata: Wahai penduduk Mekah, sempurnakan solat kalian, sesungguhnya kami musafir. [Al-Muwatta’, Kitab Qasr al-Solat Fi Al-Safar, no: 349]

Perbandingan mazhab berkaitan makmum musafir berimamkan imam mukim

- Di sisi mazhab Syafie, jika seorang musafir berimamkan seorang mukim walaupun hanya sekadar mendapat sebahagian solat bersama imam, wajib makmum itu menyempurnakan solat menjadi 4 rakaat. Ini pendapat majoriti ulama seperti Abu Hanifah, Ahmad, Al-Awzaie, Al-Tsauri dan lain-lain.

عَنْ أَبِي مِجْلَزٍ ، قَالَ : قُلْتُ لابْنِ عُمَرَ : الْمُسَافِرُ يُدْرِكُ رَكْعَتَيْنِ مِنْ صَلاةِ الْقَوْمِ ، يَعْنِي الْمُقِيمِينَ ، أَتُجْزِيهُ الرَّكْعَتَانِ أَوْ يُصَلِّي بِصَلاتِهِمْ ؟ قَالَ : فَضَحِكَ ، وَقَالَ : " يُصَلِّي بِصَلاتِهِمْ

Abu Mijlaz bertanya kepada Ibn ‘Umar radiallahu ‘anhuma: Seorang musafir mendapat dua rakaat bersama jemaah mukim. Adakah cukup dia solat dua rakaat atau dia solat seperti solat mereka (iaitu empat rakaat). Lalu Ibn ‘Umar ketawa lalu berkata: Dia solat dengan solat mereka (iaitu empat rakaat) [al-Sunan al-Kubra Lil Baihaqi, Kitab al-Haidhi, hadis no: 5070]

- Jika mendapat 1 rakaat atau lebih bersama imam, hendaklah tamam. Jika tidak sempurna 1 rakaat bersama imam hendaklah qasar. Ini pendapat Al-Hasan Al-Basri, An-Nakhaie, Az-Zuhri, Qatadah dan Malik.

- Jika mendapat lebih daripada 2 rakaat bersama imam hendaklah tamam. Jika dapat 2 rakaat atau kurang bersama imam, hendaklah qasar. Ini pendapat Thowus, dan Al-Sya'bi.

- Hendaklah qasar tidak bagaimana pun. Ini pendapat Ishaq. Ini bermaksud apabila makmum tersebut sudah cukup 2 rakaat, hendaklah dia mufaraqah dan menyelesaikan solatnya sendiri.

Jenis musafir yang dibenarkan qasar solat

- Di sisi mazhab Syafie hanya musafir yang bukan bertujuan maksiat sahaja dibenarkan untuk mengqasarkan solat sama ada itu musafir yang wajib, ketaatan, atau harus. Ini juga pendapat Ahmad, Malik dan majoriti ulama.

- Hanya dibenarkan qasar untuk musafir yang wajib seperti haji dan peperangan. Ini pendapat Ibn Mas'ud.

- Hanya dibenarkan qasar untuk musafir yang bertujuan mentaati Allah sama ada ia hal wajib atau sunat. Ini pendapat 'Atho.

- Qasar untuk semua jenis musafir tidak kira maksiat atau tidak. Ini pendapat Abu Hanifah, At-Tsauri dan Al-Muzani.

Di mana boleh bermulanya mengqasarkan solat?

- Mazhab Syafie, Malik, Ahmad dan majoriti ulama menyatakan hanya boleh mengqasarkan solat selepas keluar daripada kawasan seseorang bermukim.

  ، عَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ ، قَالَ : " صَلَّيْتُ الظُّهْرَ مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِالْمَدِينَةِ أَرْبَعًا وَبِذِي الْحُلَيْفَةِ رَكْعَتَيْنِ. "

  Anas bin Malik radiallahu 'anhu berkata: Aku solat Zuhur bersama nabi sallallahu 'alaihi wasallam di Madinah sebanyak empat rakaat, dan di Dzul Hulaifah dua rakaat [Sahih al-Bukahri, Kitab al-Jumu'ah, hadis no: 1032].

- Diriwayatkan bahawa apabila Al-Harith bin Abi Rabi'ah mahu bermusafir, dia akan mengqasarkan solat di rumahnya.

Musafir selepas masuk waktu solat

Seandainya telah masuk waktu solat dan seseorang mampu untuk mendirikan solat itu sebelum bermusafir, akan tetapi dia memilih untuk melakukannya dalam perjalanan, adakah dia perlu tamam atau qasar? Pendapat yang kuat dalam mazhab Syafie ialah orang tersebut boleh mengqasarkan solat. Ini adalah pendapat Imam Al-Syafie sendiri dan majoriti ulama mazhab Syafie.

Solat Jama'

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ ، قَالَ صَلَّى رَسُولُ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم الظُّهْرَ وَالْعَصْرَ جَمِيعًا بِالْمَدِينَةِ فِي غَيْرِ خَوْفٍ وَلاَ سَفَرٍ . قَالَ أَبُو الزُّبَيْرِ فَسَأَلْتُ سَعِيدًا لِمَ فَعَلَ ذَلِكَ فَقَالَ سَأَلْتُ ابْنَ عَبَّاسٍ كَمَا سَأَلْتَنِي فَقَالَ أَرَادَ أَنْ لاَ يُحْرِجَ أَحَدًا مِنْ أُمَّتِهِ

Ibn 'Abbas berkata: Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam mendirikan solat Zuhur, dan Asar secara jama' ketika berada di Madinah, bukan sebab bahaya atau musafir. Abu az-Zubair berkata: Aku bertanya kepada Sa'id kenapa baginda melakukan sedemikian. Sa'id berkata: Aku bertanya kepada kepada Ibn 'Abbas sebagaimana engkau bertanya kepada aku, lalu beliau menjawab: Baginda mahu untuk tidak membebankan seorang pun daripada umatnya. [Sahih Muslim, Kitab Solat al-Musafirin, hadis no: 705]

Dalam riwayat lain disebutkan:

فِي غَيْرِ خَوْفٍ وَلاَ مَطَرٍ .

Tanpa bahaya dan tidak juga hujan.
[Sahih Muslim, Kitab Solat al-Musafirin, hadis no: 705]

Solat Jama' kerana musafir

Ibn 'Umar radiallahu 'anhu berkata:

إِنِّي رَأَيْتُ النَّبِيَّ صلى الله عليه وسلم إِذَا جَدَّ بِهِ السَّيْرُ أَخَّرَ الْمَغْرِبَ، وَجَمَعَ بَيْنَهُمَا.

Sesungguhnya aku pernah melihat apabila Nabi sallallahu 'alaihi wa sallam ingin mempercepatkan perjalanannya, baginda akan menunda solat Maghrib dan menjama'kan antara keduanya (iaitu Maghrib dan Isya'). [Sahih al-Bukhari, Kitab al-'Umrah, Bab al-Musafir Iza Jaddi bihi …, hadis no: 1805].

- Ulama mazhab Syafie sepakat bahawa untuk musafir yang boleh diqasarkan solat, maka boleh dijama'kan solat.
- Ulama mazhab Syafie berbeza pendapat untuk musafir yang kurang 2 marhalah. Pendapat yang kuat di sisi mazhab Syafie adalah tidak boleh jama'.
- Antara jama' dan solat pada waktunya, maka yang paling afdhal ialah tidak jama'. Ini berbeza dengan qasar di mana lebih afdhal qasar.

Perbandingan mazhab berkaitan jama' ketika safar

- Boleh jama' dan bebas memilih untuk melakukan jama' takhir atau taqdim. Ini pendapat mazhab Syafie dan majoriti ulama.

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ ، قَالَ : "كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا ارْتَحَلَ قَبْلَ أَنْ تَزِيغَ الشَّمْسُ أَخَّرَ الظُّهْرَ إِلَى وَقْتِ الْعَصْرِ ثُمَّ يَجْمَعُ بَيْنَهُمَا ، وَإِذَا زَاغَتْ صَلَّى الظُّهْرَ ثُمَّ رَكِبَ

Anas bin Malik radiallahu ‘anhu berkata: Nabi sallallahu ‘alaihi wasallam apabila bertolak sebelum tergelincirnya matahari, baginda akan mengakhirkan solat Zuhur ke waktu Asar, kemudian menjama’kan keduanya, dan apabila matahari telah tergelincir, baginda akan solat Zuhur dan baru berangkat [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Jumu’ah, hadis no: 1050]

- Tidak boleh. Hanya boleh jama’ di ‘Arafah pada waktu Zuhur, waktu Isya’ di Muzdalifah. Sebab membolehkan jama’ adalah sebab sedang melakukan manasik haji, tidak kira sama ada dia musafir atau tidak musafir.

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ ، قَالَ : " مَا رَأَيْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ صَلَّى صَلَاةً بِغَيْرِ مِيقَاتِهَا إِلَّا صَلَاتَيْنِ جَمَعَ بَيْنَ الْمَغْرِبِ وَالْعِشَاءِ ، وَصَلَّى الْفَجْرَ قَبْلَ مِيقَاتِهَا

‘Abdullah bin Mas’ud radiallahu ‘anhu berkata: Aku tidak pernah lihat Nabi sallallahu ‘alaihi wasallam solat di luar waktunya kecuali pada dua solat yang dijamakkan antara Maghrib dan Isya’, dan solat Subuh sebelum waktunya [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Haj, hadis no: 1576]

Syarat-syarat jika mahu melakukan jama’ taqdim

- Dalam mazhab Syafie terdapat beberapa syarat yang perlu dipenuhi apabila mahu melakukan jama’ taqdim.

1- Tertib. Iaitu mendahulukan solat waktu yang pertama sebelum waktu yang kedua. Zuhur sebelum Asar, Maghrib sebelum Isya’. Jika seseorang melakukan solat waktu kedua sebelum solat waktu pertama, kedua-dua solat itu tidak sah dan wajib diulangi.

2- Niat. Wajib niat untuk jama’ menurut pendapat dalam mazhab Syafie. Ini untuk membezakan antara orang yang jama’ dengan orang yang tersilap solat Asar di waktu Zuhur. Sebahagian ulama mazhab Syafie seperti Al-Muzani dan lain-lain menyatakan tidak perlu niat kerana tidak dinukilkan daripada Rasulullah sallallahu ‘alaihi wa sallam.

3- Al-Muwalat (Berturut-turut). Ini kerana dua solat itu dikira satu solat.

Syarat-syarat jika mahu melakukan jama’ takhir

- Hanya terdapat satu syarat untuk jama’ takhir iaitu seseorang mestilah telah berniat untuk melakukan jama’ takhir pada waktu solat yang pertama. Ini untuk membezakan mereka yang memang mahu melakukan jama’ dengan mereka yang lalai sehingga lupa solat pada waktunya.

- Adapun syarat-syarat lain dalam jama’ taqdim hanyalah sunat dalam jama’ takhir.

Solat Jama’ Kerana Hujan

Berdasarkan riwayat Ibnu ‘Abbas di atas, ia menunjukkan bahawa hujan merupakan salah satu sebab dibolehkan menjama’kan solat.

- Imam al-Syafie dan ulama-ulama mazhab Syafie menyatakan bahawa boleh dijama’kan zuhur dan asar, maghrib dan isya’ kerana hujan tidak kira hujan itu lebat atau tidak lebat.
- Majoriti ulama mazhab Syafie menyatakan bahawa jika salji atau cuaca yang terlalu sejuk menyebabkan pakaian akan basah, maka dibenarkan juga jama’ sebagaimana hujan.
- Solat jama’ kerana hujan ini hanya dibenarkan untuk mereka yang mendirikan solat di masjid pada waktu yang pertama dan berazam untuk melakukan solat di masjid juga pada waktu kedua yang mana dia akan basah apabila berulang alik ke masjid kerana hujan.
- Adapun sesiapa yang solat di rumah, ataupun masjid berada di pintu rumahnya sehingga tidak perlu menempuh hujan, atau seorang lelaki yang solat di masjid tetapi bersendirian; tidak boleh jama’ menurut pendapat paling kuat dalam mazhab Syafie. Ini kerana jama’ tersebut dibenarkan kerana kesusahan untuk mendirikan solat jemaah pada waktu kedua di masjid.
- Jama’ yang dibenarkan hanyalah jama’ taqdim menurut mazhab Syafie.
- Syarat-syarat jama’nya sama seperti jama’ taqdim ketika musafir dan ditambah 1 syarat iaitu hendaklah hujan ketika memulakan kedua-dua solat.

Perbandingan mazhab berkaitan jama’ kerana hujan

- Mazhab Syafie membenarkannya sebagaimana telah disebutkan. Ini juga pendapat Abu Tsaur.
- Abu Hanifah, Al-Muzani: Tidak boleh.
- Malik, Ahmad: Hanya boleh untuk Maghrib dan Isya’.

Bolehkah menjama’kan solat selain daripada hujan dan musafir

- Di sisi Imam Al-Syafie dan pendapat yang masyhur dalam mazhab Syafie ialah tidak boleh jama’ kecuali untuk safar dan hujan.
- Sebahagian ulama mazhab Al-Syafie seperti Al-Khattabi, Al-Qadhi Hussain membenarkan jama’ apabila ada keuzuran seperti sakit. Kata Imam An-Nawawi pendapat ini sangat kuat.
- Imam Malik dan Ahmad turut membenarkan jama’ apabila ada keuzuran. Mereka yang membenarkan jama’ untuk selain hujan dan musafir berdalilkan hadis Ibnu ‘Abbas yang menyebutkan baginda sallallahu ‘alaihi wa sallam menjama’kan solat bukan kerana hujan, bukan kerana takut dan bukan kerana musafir.

- Mereka yang membenarkan berhujah bahawa keperluan untuk membolehkan jama’ bagi orang yang sakit lebih kuat daripada keperluan membolehkan jama’ disebabkan hujan.

  Ulama mazhab Syafie pula berhujah bahawa baginda sallallahu ‘alaihi wa sallam pernah jatuh sakit tetapi tidak dinukilkan satu pun hadis baginda sallallahu ‘alaihi wa sallam menjama’kan solat baginda.

Bolehkah jama’ ketika mukim dalam keadaan sihat tanpa rasa takut bukan jua hujan ?

Di sisi majoriti ulama tidak boleh. Ini pendapat mazhab Syafie, Abu Hanifah, Malik dan Ahmad. Ibnu Sirin membenarkannya apabila ada hajat dan tidak menjadikannya kebiasaan.

Istihadah

Orang yang istihadhah dan kencing tidak lawas mempunyai hukum yang sama.

عَنْ عَائِشَةَ ، قَالَتْ : جَاءَتْ فَاطِمَةُ بِنْتُ أَبِي حُبَيْشٍ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، فَقَالَتْ : يَا رَسُولَ اللَّهِ ، إِنِّي امْرَأَةٌ أُسْتَحَاضُ فَلَا أَطْهُرُ ، أَفَأَدَعُ الصَّلَاةَ ؟ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " لَا ، إِنَّمَا ذَلِكِ عِرْقٌ وَلَيْسَ بِحَيْضٍ ، فَإِذَا أَقْبَلَتْ حَيْضَتُكِ فَدَعِي الصَّلَاةَ ، وَإِذَا أَدْبَرَتْ فَاغْسِلِي عَنْكِ الدَّمَ ثُمَّ صَلِّي " ، قَالَ : وَقَالَ أَبِي : ثُمَّ تَوَضَّئِي لِكُلِّ صَلَاةٍ حَتَّى يَجِيءَ ذَلِكَ الْوَقْتُ.

‘Aisyah radiallahu ‘anha menceritakan: Fatimah bte Abu Hubaisy datang kepada Nabi sallallahu ‘alaihi wasallam dan bertanya: Ya Rasulullah, aku perempuan yang sentiasa haidh dan tidak pernah suci. Adakah aku perlu meninggalkan solat? Baginda sallallahu ‘alaihi wasallam menjawab: Tidak, sesungguhnya ia merupakan (darah) daripada urat. Ia bukan haidh. Apabila engkau mengalami haidh, tinggalkanlah solat. Apabila telah selesai haidh, basuhlah darah daripada diri mu, dan solatlah. Urwah berkata: Kemudian berwudhu’lah untuk setiap solat apabila masuknya waktu. [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Wudhu, hadis no: 223]

عَنْ أُمِّهِ حَمْنَةَ بِنْتِ جَحْشٍ ، قَالَتْ : كُنْتُ أُسْتَحَاضُ حَيْضَةً كَثِيرَةً شَدِيدَةً ، فَأَتَيْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَسْتَفْتِيهِ وَأُخْبِرُهُ ، فَوَجَدْتُهُ فِي بَيْتِ أُخْتِي زَيْنَبَ بِنْتِ جَحْشٍ ، فَقُلْتُ : يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنِّي أُسْتَحَاضُ حَيْضَةً كَثِيرَةً شَدِيدَةً فَمَا تَأْمُرُنِي فِيهَا قَدْ مَنَعَتْنِي الصِّيَامَ وَالصَّلَاةَ ,

Hamnah bte Jahsy berkata: Aku mengalami haidh yang sangat banyak. Aku pergi berjumpa dengan Nabi sallallahu ‘alaihi wasallam lalu meminta fatwa dan menceritakan apa yang berlaku. Ketika itu baginda berada di rumah saudaraku Zainab bte Jahsy. Aku pun berkata: Ya Rasulullah, sesungguhnya aku mengalami haidh yang sangat banyak. Apa yang akan engkau suruh aku lakukan? Sesungguhnya hal ini telah menghalang aku daripada puasa dan solat.

قَالَ : " أَنْعَتُ لَكِ الْكُرْسُفَ فَإِنَّهُ يُذْهِبُ الدَّمَ " , قَالَتْ : هُوَ أَكْثَرُ مِنْ ذَلِكَ ، قَالَ : " فَتَلَجَّمِي " , قَالَتْ : هُوَ أَكْثَرُ مِنْ ذَلِكَ ، قَالَ : " فَاتَّخِذِي ثَوْبًا " , قَالَتْ : هُوَ أَكْثَرُ مِنْ ذَلِكَ إِنَّمَا أَثُجُّ ثَجًّا ، فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " سَآمُرُكِ بِأَمْرَيْنِ أَيَّهُمَا صَنَعْتِ أَجْزَأَ عَنْكِ ، فَإِنْ قَوِيتِ عَلَيْهِمَا فَأَنْتِ أَعْلَمُ " ,

Pakailah kain kapas, ia akan menghalang darah itu. Hamnah menjawab: Darah itu lebih banyak daripada itu. Baginda menjawab: Maka ketatkan ia. Hamnah menjawab: Darah itu lebih banyak daripada itu. Baginda menjawab: Gunakan kain. Hambag berkata: Darah itu lebih banyak daripada itu, ia banyak keluar. Nabi sallallahu ‘alaihi wasallam pun berkata: Aku menyuruh engkau melakukan dengan memilih antara dua cara. Mana sahaja yang engkau lakukan, maka ia cukup untuk engkau. Engkau lebih tahu mana satu yang engkau mampu lakukan.

فَقَالَ : " إِنَّمَا هِيَ رَكْضَةٌ مِنَ الشَّيْطَانِ ، فَتَحَيَّضِي سِتَّةَ أَيَّامٍ أَوْ سَبْعَةَ أَيَّامٍ فِي عِلْمِ اللَّهِ ، ثُمَّ اغْتَسِلِي ، فَإِذَا رَأَيْتِ أَنَّكِ قَدْ طَهُرْتِ وَاسْتَنْقَأْتِ ، فَصَلِّي أَرْبَعًا وَعِشْرِينَ لَيْلَةً أَوْ ثَلَاثًا وَعِشْرِينَ لَيْلَةً وَأَيَّامَهَا وَصُومِي وَصَلِّي ، فَإِنَّ ذَلِكِ يُجْزِئُكِ ، وَكَذَلِكِ فَافْعَلِي كَمَا تَحِيضُ النِّسَاءُ وَكَمَا يَطْهُرْنَ لِمِيقَاتِ حَيْضِهِنَّ وَطُهْرِهِنَّ ،

Baginda berkata: Ia merupakan pukulan daripada syaitan. Engkau haidhlah selama enam atau tujuh hari, yang mana ia pada ilmu Allah. Kemudian mandilah. Apabila engkau mendapati engkau telah suci, solatlah selama dua puluh empat atau dua puluh tiga hari, berpuasa dan solatlah. Sesungguhnya ia sah. Begitulah lakukan sebagaimana yang dilakukan oleh wanita yang haidh ketika mereka haidh, dan suci ketika mereka suci.

فَإِنْ قَوِيتِ عَلَى أَنْ تُؤَخِّرِي الظُّهْرَ وَتُعَجِّلِي الْعَصْرَ ، ثُمَّ تَغْتَسِلِينَ حِينَ تَطْهُرِينَ وَتُصَلِّينَ الظُّهْرَ وَالْعَصْرَ جَمِيعًا ، ثُمَّ تُؤَخِّرِينَ الْمَغْرِبَ وَتُعَجِّلِينَ الْعِشَاءَ ، ثُمَّ تَغْتَسِلِينَ وَتَجْمَعِينَ بَيْنَ الصَّلَاتَيْنِ ، فَافْعَلِي وَتَغْتَسِلِينَ مَعَ الصُّبْحِ وَتُصَلِّينَ ، وَكَذَلِكِ فَافْعَلِي وَصُومِي إِنْ قَوِيتِ عَلَى ذَلِكَ " , فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " وَهُوَ أَعْجَبُ الْأَمْرَيْنِ إِلَيَّ"

Apabila engkau mampu untuk melambatkan Zuhur dan mencepatkan Asar, kemudian mandi ketika engkau telah suci, maka dirikanlah solat Zuhur dan Asar bersama-sama. Kemudian lambatkan solat Maghrib dan segerakan solat Isya’, kemudian engkau mandi dan mendirikan dua solat ini bersama-sama. Lakukanlah hal ini, dan mandilah ketika hendak solat Subuh, dan solatlah. Begitulah, lakukan hal ini dan puasalah apabila kau mampu melakukannya. Baginda berkata: Ia merupakan cara yang lebih aku sukai daripada dua cara yang ada. [Sunan at-Tirmizi, Kitab at-Taharah, hadis no: 118]

Daripada hadis di atas diketahui bahawa tatacara bersuci dan solat orang yang mempunyai penyakit istihadah, kencing tidak lawas dan sebagainya ialah:

- Membersihkan kemaluan setiap kali hendak solat. Menukar seluar dalam atau membersihkannya.
- Memakai pad atau kapas atau sebagainya untuk menghalang darah daripada keluar.

- Berwudhu dan tidak perlu mengendahkan sebarang darah atau najis yang keluar selepas berwudhu dan ketika solat.
- Semua di atas dilakukan setiap kali mahu mendirikan solat fardhu. Satu wudhu itu boleh digunakan untuk satu solat fardhu dan banyak solat sunat dalam tempoh waktu itu menurut mazhab Syafie.
- Boleh menjama'kan solat kerana kesukaran untuk membersihkan kemaluan setiap kali solat sebagaimana dalam hadis di atas. Ini merupakan pendapat mazhab Ahmad.
- Wudhu ini juga sah untuk digunakan untuk menyentuh al-Quran dan sebagainya.

Solat Ketika Sakit

عَنْ عِمْرَانَ بْنِ حُصَيْنٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ ، قَالَ : كَانَتْ بِي بَوَاسِيرُ فَسَأَلْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنِ الصَّلَاةِ ، فَقَالَ : " صَلِّ قَائِمًا ، فَإِنْ لَمْ تَسْتَطِعْ فَقَاعِدًا ، فَإِنْ لَمْ تَسْتَطِعْ فَعَلَى جَنْبٍ . "

Daripada 'Imran Bin Husain radiallahu 'anhu bahawa: Aku mengalami sakit buasir, lalu aku bertanya kepada Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wassalam tentang solat. Maka jawab Baginda Sallallahu 'Alaihi Wassalam: Solatlah dengan berdiri, jika tidak mampu, hendaklah dengan duduk, jika tidak mampu, hendaklah dengan berbaring di atas sisi. [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Jumu'ah, hadis no: 1056]

- Ulama telah sepakat/ijma' bahawa mereka yang tidak mampu berdiri dalam solat fardhu dibolehkan untuk solat dalam keadaan duduk. Solat tersebut sah dan tidak perlu diulangi.

- Solatnya dalam keadaan duduk itu tidak akan mengurangkan pahalanya sebagaimana dia solat dalam keadaan berdiri.

- Sakit yang diambil kira ialah sakit yang benar-benar serius tidak boleh berdiri. Begitu juga jika seseorang berdiri akan membuatkan sakitnya bertambah teruk, atau takut sampan akan tenggelam, atau pitam.

- Tiada cara yang khusus untuk solat duduk kerana keuzuran. Akan tetapi di sisi pendapat paling kuat dalam mazhab Syafie, duduk yang menggantikan berdiri itu, digalakkan duduk secara iftirasy. Ini juga pendapat Abu Hanifah dan Zufar. Sebahagian ulama menggalakkan duduk bersila. Ini pendapat Malik, At-Tsauri, Al-Laith, Ahmad, Ishaq dan lain-lain.

- Untuk ruku' pula, hendaklah mereka yang solat duduk menundukkan badan sehingga dahi selari dengan kedua lututnya. Yang paling sempurna adalah dia menundukkan badan sehingga dahi selari dengan tempat sujud.

- Adapun untuk sujud pula adalah seperti sujud mereka yang solat berdiri.

- Jika dia tidak mampu ruku' dan sujud seperti disebutkan, hendaklah dia membongkokkan badan sekadar paras yang dia mampu. Jika tidak mampu jua, cukuplah sekadar dia berisyarat.

  Ini berdasarkan hadis nabi sallallahu 'alaihi wa sallam:

  فَإِذَا نَهَيْتُكُمْ عَنْ شَيْءٍ فَاجْتَنِبُوهُ، وَإِذَا أَمَرْتُكُمْ بِأَمْرٍ فَأْتُوا مِنْهُ مَا اسْتَطَعْتُمْ ".

  Apabila aku melarang kalian daripada sesuatu, jauhilah ia. Apabila aku menyuruh kalian dengan satu arahan, lakukanlah ia semampu kalian. [Sahih al-Bukhari, Kitab al-I'tisom bi al-Quran wa al-Sunnah, hadis no: 7288].

Solat Hormat Waktu

Antara masalah yang sering dihadapi pesakit terutama yang terlantar di hospital, tidak dapat bangun, atau yang bersendirian di rumah dan tiada orang membantu ialah:

- Tidak dapat bersuci sama ada dengan tayamum mahupun wudhu.
- Pakaian atau tempat solat mempunyai najis dan tidak mampu membersihkannya.
- Tidak dapat menghadap kiblat kerana tidak mampu bergerak.

Menurut pendapat yang kuat dalam mazhab Syafie, kesemua ini mewajibkan seseorang untuk menunaikan solat hormat waktu. Kemudian mereka wajib menunaikan semula solat tersebut apabila sudah mampu melaksanakannya. Sebahagian ulama mazhab Syafie berpendapat tidak perlu diulang solat tersebut kerana solat itu sah. Ini juga pendapat mazhab Ahmad.

Cara Solat Orang Sakit (Ringkasan daripada tulisan Shaikh Muhammad bin Soleh al-Uthaimin طهارة المريض وصلاته)

1) Orang sakit wajib melakukan solat fardu dengan keadaan berdiri meskipun dalam keadaan bongkok, bersandar mahupun bertongkat

2) Jika tidak mampu melakukannya dengan keadaan berdiri, maka solatlah dengan posisi duduk. Duduk boleh dilakukan dengan cara duduk bersila mahupun duduk seperti duduk iftirasy

3) Jika tidak mampu duduk, maka solatlah sambil berbaring menghadap kiblat dengan berbaring di atas sisi kanan dan ini lebih afdhal daripada berbaring di atas sisi kiri. Jika tidak mampu untuk menghadap kiblat maka solatlah sesuai dengan arah posisinya dan tidak perlu diulang.

4) Jika tidak mampu berbaring di sisi tubuh, maka solatlah menelentang, kedua kakinya diarahkan ke arah kiblat dan lebih afdhal kepalanya diangkat sedikit untuk mengarahkan ke kiblat. Jika kakinya tidak mampu diarahkan ke arah kiblat maka solatlah sesuai dengan posisinya dan tidak perlu diulang.

5) Orang sakit dalam melaksanakan solat hendaklah ruku' dan sujud, jika tidak mampu maka mengisyaratkannya dengan kepala (menundukkan). Maka dia menjadikan isyarat sujud lebih

rendah daripada ruku. Jika dia mampu untuk melaksanakan ruku’ saja tanpa sujud maka dia ruku’ di waktu ruku’ adapun sujud diisyaratkan dengan menundukkan kepala. Jika dia mampu untuk melaksanakan sujud saja tanpa ruku’ maka dia sujud di waktu sujud adapun ruku’ diisyaratkan dengan menundukkan kepala.

6) Jika tidak mampu untuk mengisyaratkan dengan kepala pada waktu ruku dan sujud, maka mengisyaratkannya dengan mata. Caranya; dengan memejamkan sekejap jika melakukan ruku’ dan kalau sujud mata dipejamkan lebih lama.

7) Jika tidak mampu mengisyaratkan dengan kepala dan mata, maka solatlah dengan hatinya. Maka dia meniatkan ruku sujud, berdiri, duduk, dengan hatinya. Dan setiap orang sesuai dengan apa yang dia niatkan.

8) Orang sakit hendaklah melakukan setiap solat tepat pada waktunya, sesuai dengan kemampuannya yang telah diterangkan di atas tadi. Dan tidak boleh mengakhirkannya sampai keluar waktu.

9) Jika melaksanakan setiap solat tepat pada waktunya memberatkannya, maka boleh menjama’ antara Zohor dan Asar, Maghrib dan Isya’ dengan jama’ takdim atau jama’ takhir bergantung kepada keadaan yang sesuai dengan dirinya

Solat Jemaah

Terdapat banyak dalil-dalil yang sahih yang menunjukkan pensyariatan solat jemaah. Ulama Islam bersepakat bahawa ia adalah perkara yang disyariatkan. Akan tetapi mereka berbeza pendapat dalam menentukan hukumnya sama ada fardhu ‘ain, fardhu kifayah, atau sunat.

Hukum Solat Jemaah

Ulama berbeza pendapat dalam menentukan hukum solat berjemaah bagi lelaki. Imam an-Nawawi menyatakan bahawa dalam mazhab Syafie, terdapat tiga pendapat berkaitan hukum solat jemaah bagi lelaki.

Ada ulama mazhab Syafie yang berpendapat ia adalah fardhu kifayah, ada yang berpendapat ia adalah sunat muakkad dan makruh meninggalkannya, dan ada pula yang berpendapat ia adalah fardhu ain akan tetapi ia bukan syarat sah solat. Akan tetapi pendapat yang sahih menurut mazhab Syafie adalah fardhu kifayah.

Apakah maksud hukumnya fardhu kifayah? Ia bermaksud apabila penduduk sesuatu tempat secara total tidak mendirikannya sehingga luput syiar solat jemaah ini daripada masyarakat maka pemerintah mempunyai hak untuk memerangi mereka.

Di sisi mazhab Syafie, hukum solat jemaah bagi wanita adalah mustahab (digalakkan/sunat) dan bukannya fardhu ain atau fardhu kifayah.

Perbandingan pendapat antara mazhab:

- Fardhu kifayah: Mazhab Syafie dan sekelompok ulama yang lain.
- Fardhu ‘ain tetapi bukan syarat sah solat: Atho’, Al-Awzaie’, Ahmad, Abu Tsaur, Ibn al-Munzir, Ibn Khuzaimah.
- Fardhu ‘ain dan syarat sah solat: Daud az-Zahiri, sebahagian ulama mazhab Hanbali.
- Sunat muakkad: Majoriti ulama.

Dalil-dalil setiap pendapat

<u>Hujah Ia Adalah Fardhu ain</u>

Daripada Abu Hurairah radiallahu ‘anhu, Nabi sallallahu ‘alaihi wa sallam bersabda:

لَيْسَ صَلاَةٌ أَثْقَلَ عَلَى الْمُنَافِقِينَ مِنَ الْفَجْرِ وَالْعِشَاءِ، وَلَوْ يَعْلَمُونَ مَا فِيهِمَا لأَتَوْهُمَا وَلَوْ حَبْوًا، لَقَدْ هَمَمْتُ أَنْ آمُرَ الْمُؤَذِّنَ فَيُقِيمَ، ثُمَّ آمُرَ رَجُلاً يَؤُمُّ النَّاسَ، ثُمَّ آخُذَ شُعَلاً مِنْ نَارٍ فَأُحَرِّقَ عَلَى مَنْ لاَ يَخْرُجُ إِلَى الصَّلاَةِ بَعْدُ

Tiada solat yang lebih berat ke atas kaum munafiq daripada solat Subuh dan ‘Isya’. Seandainya mereka tahu apa yang ada pada kedua solat tersebut, nescaya mereka akan datang kepadanya walau dengan merangkak. Sesungguhnya aku berazam agar muazzin melaungkan iqamah, kemudian aku mengarahkan seorang lelaki untuk mengimami manusia. Kemudian aku akan menyalakan api lalu aku membakar (rumah) sesiapa yang tidak keluar menunaikan solat.

[Sahih al-Bukhari, Kitab al-Azan, Bab Fadhl al-‘Isya’ fi al-Jama’ah, hadis no: 657].

'Abdullah bin Mas'ud radiallahu 'anhu berkata:

لَقَدْ رَأَيْتُنَا وَمَا يَتَخَلَّفُ عَنْ الصَّلَاةِ إِلَّا مُنَافِقٌ قَدْ عُلِمَ نِفَاقُهُ أَوْ مَرِيضٌ إِنْ كَانَ الْمَرِيضُ لَيَمْشِي بَيْنَ رَجُلَيْنِ حَتَّى يَأْتِيَ الصَّلَاةَ وَقَالَ: إِنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَّمَنَا سُنَنَ الْهُدَى وَإِنَّ مِنْ سُنَنِ الْهُدَى الصَّلَاةَ فِي الْمَسْجِدِ الَّذِي يُؤَذَّنُ فِيهِ

Aku telah melihat di zaman kami yang mana tiada seorang pun yang akan meninggalkan solat (jemaah) kecuali orang munafiq yang dikenali kemunafiqannya atau orang yang sakit. Orang yang sakit akan berjalan dengan dipimpin dua orang lain sehingga dapat menghadiri solat (jemaah). Sesungguhnya Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam telah mengajar kepada kami jalan kebenaran. Sesungguhnya antara jalan kebenaran itu itu solat di masjid yang dilaungkan azan padanya.

Dalam riwayat seterusnya disebutkan:

وَلَوْ أَنَّكُمْ صَلَّيْتُمْ فِي بُيُوتِكُمْ كَمَا يُصَلِّي هَذَا الْمُتَخَلِّفُ فِي بَيْتِهِ لَتَرَكْتُمْ سُنَّةَ نَبِيِّكُمْ وَلَوْ تَرَكْتُمْ سُنَّةَ نَبِيِّكُمْ لَضَلَلْتُمْ

Seandainya kalian mendirikan solat (fardhu) di rumah-rumah kalian sebagaimana orang yang tidak hadir solat jemaah lalu solat dirumahnya, nescaya kalian akan meninggalkan sunnah nabi kalian. Seandainya kalian meninggalkan sunnah nabi kalian, kalian akan sesat.

وَمَا مِنْ رَجُلٍ يَتَطَهَّرُ فَيُحْسِنُ الطُّهُورَ ثُمَّ يَعْمِدُ إِلَى مَسْجِدٍ مِنْ هَذِهِ الْمَسَاجِدِ إِلاَّ كَتَبَ اللَّهُ لَهُ بِكُلِّ خَطْوَةٍ يَخْطُوهَا حَسَنَةً وَيَرْفَعُهُ بِهَا دَرَجَةً وَيَحُطُّ عَنْهُ بِهَا سَيِّئَةً

Tidaklah seseorang itu bersuci dan memperbaguskan bersucinya (iaitu wudhu) kemudian dia pergi ke salah satu masjid yang ada, melainkan Allah akan merekodkan untuk setiap langkahnya itu satu kebaikan dan meninggikan darjatnya dengan kebaikan itu, dan menghapuskan pula daripada orang itu satu kejahatan.

[Sahih Muslim, Kitab al-Masajid wa Mawadhi' as-Solat, Bab Solat al-Jama’ah min Sunan al-Huda, no: 654]

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، قَالَ أَتَى النَّبِيَّ صلى الله عليه وسلم رَجُلٌ أَعْمَى فَقَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنَّهُ لَيْسَ لِي قَائِدٌ يَقُودُنِي إِلَى الْمَسْجِدِ . فَسَأَلَ رَسُولَ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم أَنْ يُرَخِّصَ لَهُ فَيُصَلِّيَ فِي بَيْتِهِ فَرَخَّصَ لَهُ فَلَمَّا وَلَّى دَعَاهُ فَقَالَ " هَلْ تَسْمَعُ النِّدَاءَ بِالصَّلاَةِ " . فَقَالَ نَعَمْ . قَالَ " فَأَجِبْ " .

Abu Hurairah radiallahu ‘anhu berkata: Seorang lelaki buta datang kepada Nabi sallallahu ‘alaihi wa sallam lalu berkata: Ya Rasulullah, sesungguhnya aku tidak mempunyai orang yang akan membantu ku untuk ke masjid. Beliau meminta agar Rasulullah sallallahu ‘alaihi wa sallam memberikan rukhsah kepadanya untuk solat di rumahnya. Lalu baginda pun memberikan rukhsah

tersebut. Ketika lelaki itu beredar, baginda memanggilnya lalu bertanya: Adakah engkau mendengar seruan azan? Beliau menjawab: Ya. Lalu baginda berkata: Jika begitu, sahutlah seruan itu.

[Sahih Muslim, Kitab al-Masajid wa Mawadhi' as-Solat, Bab Yajib Ityan al-Masjid 'ala Man Sami'a al-Nida', hadis no: 653].

Dalil-dalil di atas menunjukkan bahawa solat jemaah adalah fardhu ain kerana:

- Nabi sallallahu 'alaihi wa sallam mahu membakar rumah orang yang tidak hadir solat jemaah.
- Meninggalkan jemaah adalah ciri munafiq.
- Nabi sallallahu 'alaihi wa sallam tidak memberikan rukhsah kepada lelaki buta.

Hujah Ia Bukan Fardhu 'Ain

Daripada 'Abdullah bin 'Umar radiallahu 'anhuma, Nabi sallallahu 'alaihi wa sallam bersabda:

صَلاَةُ الْجَمَاعَةِ أَفْضَلُ مِنْ صَلاَةِ الْفَذِّ بِسَبْعٍ وَعِشْرِينَ دَرَجَةً " .

Solat jemaah lebih afdhal daripada solat sendirian sebanyak 27 darjat. [Sahih Muslim, Kitab al-Masajid wa Mawadhi' as-Solat, Bab Fadhl Solat al-Jama'ah…, hadis no: 650].

Dalam riwayat daripada Abu Hurairah radiallahu 'anhu, Nabi sallallahu 'alaihi wa sallam bersabda:

صَلاَةُ الْجَمَاعَةِ أَفْضَلُ مِنْ صَلاَةِ أَحَدِكُمْ وَحْدَهُ بِخَمْسَةٍ وَعِشْرِينَ جُزْءًا

Solat berjemaah lebih afdhal daripada solat salah seorang kalian bersendirian sebanyak 25 darjat. [Sahih Muslim, Kitab al-Masajid wa Mawadhi' as-Solat, Bab Fadhl Solat al-Jama'ah…, hadis no: 649].

Ini menunjukkan bahawa solat jemaah tidak wajib kerana dalil di atas menunjukkan bahawa ia lebih afdhal sahaja.

Apakah hujah menunjukkan ia adalah fardhu kifayah?

Ini berdasarkan riwayat berikut:

عَنْ أَبِي سُلَيْمَانَ، مَالِكِ بْنِ الْحُوَيْرِثِ قَالَ أَتَيْنَا النَّبِيَّ صلى الله عليه وسلم وَنَحْنُ شَبَبَةٌ مُتَقَارِبُونَ، فَأَقَمْنَا عِنْدَهُ عِشْرِينَ لَيْلَةً، فَظَنَّ أَنَّا اشْتَقْنَا أَهْلَنَا، وَسَأَلَنَا عَمَّنْ تَرَكْنَا فِي أَهْلِنَا، فَأَخْبَرْنَاهُ، وَكَانَ رَفِيقًا رَحِيمًا فَقَالَ " ارْجِعُوا إِلَى أَهْلِيكُمْ فَعَلِّمُوهُمْ وَمُرُوهُمْ، وَصَلُّوا كَمَا رَأَيْتُمُونِي أُصَلِّي، وَإِذَا حَضَرَتِ الصَّلاَةُ فَلْيُؤَذِّنْ لَكُمْ أَحَدُكُمْ، ثُمَّ لِيَؤُمَّكُمْ أَكْبَرُكُمْ ".

Daripada Malik bin al-Huwairits radiallahu 'anhu, beliau berkata: Kami datang kepada Nabi sallallahu 'alaihi wa sallam. . Ketika itu kami adalah anak muda yang mempunyai umur hampir sebaya. Kami tinggal bersama baginda selama 20 malam. Kemudian, baginda dapat merasakan

bahawa kami mula rindu kepada keluarga kami. Baginda pun bertanya kepada kami tentang siapakah yang kami tinggalkan untuk menjaga keluarga kami lalu kami pun menceritakannya. Baginda adalah seorang yang lembut dan penyayang. Baginda berkata: Pulanglah kepada keluarga kalian, ajarlah mereka dan suruhlah mereka (membuat kebaikan). Solatlah sebagaimana kalian melihat aku solat. Apabila masuknya waktu solat, hendaklah salah seorang daripada kalian mendirikan solat, kemudian hendaklah yang paling tua mengimami kalian.

[Sahih al-Bukhari, Kitab al-Adab, Bab Rahmah Li an-Nas wa al-Bahaim, hadis no: 6008].

Daripada Abu ad-Darda' radiallahu 'anhu, Nabi sallallahu 'alaihi wa sallam bersabda:

مَا مِنْ ثَلاَثَةٍ فِي قَرْيَةٍ وَلاَ بَدْوٍ لاَ تُقَامُ فِيهِمُ الصَّلاَةُ إِلاَّ قَدِ اسْتَحْوَذَ عَلَيْهِمُ الشَّيْطَانُ فَعَلَيْكَ بِالْجَمَاعَةِ فَإِنَّمَا يَأْكُلُ الذِّئْبُ الْقَاصِيَةَ "

Tidaklah ada tiga orang di sebuah kampung atau padang pasir yang tidak didirikan di situ solat (jemaah) kecuali mereka pasti akan dikuasai syaitan. Hendaklah kalian berjemaah. Sesungguhnya seriga memakan kambing yang sendirian. [Sunan Abi Daud, Kitab as-Solat, Bab Fi at-Tasydid Fi Tarki al-Jama'ah, hadis no: 547].

Jumlah minima mendapat pahala jemaah

Jumlah minimanya adalah 2 orang iaitu 1 orang imam dan 1 orang makmum. Tiada khilaf dalam bab ini. Akan tetapi tidak boleh 1 orang lelaki berjemaah dengan 1 orang wanita bukan mahram kerana itu termasuk khulwah yang terlarang.

Adakah boleh lelaki solat jemaah selain daripada di masjid?

Boleh, akan tetapi lebih afdhal di masjid kerana terdapat dalil-dalil menunjukkan kelebihan ke masjid. Ini juga kerana ia akan menzahirkan syiar Islam.

Adakah wanita afdhal ke masjid?

Solatnya wanita di rumah lebih afdhal daripada di masjid. Ini berdasarkan hadis berikut:

عَنِ ابْنِ عُمَرَ، قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم " لاَ تَمْنَعُوا نِسَاءَكُمُ الْمَسَاجِدَ وَبُيُوتُهُنَّ خَيْرٌ لَهُنَّ " .

Daripada Ibnu 'Umar radiallahu 'anhu, Rasulullah sallallahu 'alaihi wa sallam bersabda: Janganlah kalian menghalang wanita kalian daripada pergi ke masjid. Akan tetapi rumah mereka lebih baik untuk mereka. [Sunan Abi Daud, Kitab as-Solat, Bab Ma Jaa Fi Khuruj an-Nisa' Ila al-Masjid, hadis no: 567].

Di sisi mazhab Syafie, makruh wanita yang muda untuk ke masjid. Akan tetapi sebahagian ulama seperti Ibnu Hazm dan dipersetujui oleh Shaikh Mustafa al-'Adawiy tidak bersetuju kerana tiada dalil untuk memakruhkan wanita muda ke masjid.

Oleh itu, di sisi mazhab Syafie adalah mustahab/digalakkan untuk suami atau bapa membenarkan ahli keluarga yang perempuan ke masjid apabila mereka meminta izin dengan syarat mereka pergi dalam keadaan patuh syariat. Sebahagian ulama seperti Ibnu Hazm dan dirajihkan pula oleh

Shaikh Mustafa al-Adawiy dalam Jami' Ahkam an-Nisa berpendapat wajib suami mengizinkan isteri ke masjid apabila si isteri meminta izin dan dia dalam keadaan patuh syariat.

Suami atau bapa berhak menghalang wanita daripada ke masjid apabila dia keluar dalam keadaan tidak menutup aurat, berwangi-wangian, tabarruj atau apa-apa yang melanggar syariat.

عَنْ زَيْنَبَ امْرَأَةِ عَبْدِ اللَّهِ ، قَالَتْ : قَالَ لَنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " إِذَا شَهِدَتْ إِحْدَاكُنَّ الْمَسْجِدَ ، فَلَا تَمَسَّ طِيبًا

Zainab radiallahu 'anha yang merupakan isteri kepada 'Abdullah bin Mas'ud radiallahu 'anhu berkata: Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam berkata kepada kami: Apabila salah seorang daripada kalian pergi ke masjid, janganlah dia memakai wangian [Sahih Muslim, Kitab as-Solat, hadis no: 679]

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ، أَنّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، قَالَ : " لَا تَمْنَعُوا إِمَاءَ اللَّهِ مَسَاجِدَ اللَّهِ ، وَلَكِنْ لِيَخْرُجْنَ وَهُنَّ تَفِلَاتٌ

Abu Hurairah radiallahu 'anhu meriwayatkan Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: Janganlah kalian menghalang hamba-hamba wanita Allah daripada pergi ke masjid-masjid Allah. Akan tetapi hendaklah mereka keluar tanpa memakai wangian [Sunan Abi Daud, Kitab as-Solat, hadis no: 477]

Makmum perlu berniat jemaah

- Untuk mendapatkan pahala berjemaah. Seseorang perlulah berniat untuk menjadi makmum bagi membolehkan dia mengikut solat seseorang.
- Niat ini hendaklah wujud sejak dia memulakan solat iaitu ketika takbiratul ihram. Seandainya dia tidak berniat melakukan solat jemaah tetapi dia solat dengan mengikut solat orang lain, maka solatnya terbatal.
- Begitu juga terbatalnya solat seseorang apabila dia menjadikan seorang makmum sebagai imam. Ulama bersepakat dalam hal ini.
- Hendaklah seorang imam itu berniat menjadi imam. Jika dia tidak berniat solat jemaah atau menjadi imam, solatnya sah dan solat makmum yang mengikutnya tadi turut sah. Akan tetapi si imam hanya memperolehi ganjaran solat sendirian.

Perbandingan pendapat ulama berkaitan niat:

- Niat imam untuk solat jemaah atau menjadi imam bukanlah syarat sahnya jemaah itu. Ini merupakan pendapat mazhab Syafie, Malik, salah satu riwayat Ahmad dan selain mereka.
- Wajib niat untuk menjadi imam: Ini merupakan pendapat Al-Awzai'e, At-Tsauri, Ishaq dan salah satu riwayat Ahmad.
- Jika dia solat bersama lelaki sahaja, tidak wajib niat menjadi imam. Jika solat bersama wanita, maka wajib niat menjadi imam. Ini pendapat Abu Hanifah.

Perlukah tergesa-gesa jika imam sudah takbiratul ihram.

- Adalah digalakkan untuk kita hadir awal ke masjid sebelum iqamah dilaungkan agar kita dapat memelihara takbiratul ihram bersama imam. Berusaha mendapatkan takbiratul ihram bersama imam ini dapat dilihat daripada kesungguhan generasi salaf.

- Akan tetapi jika kita terlewat dan ditakuti terlepas takbiratul ihram bersama imam, ulama berbeza pendapat sama ada kita perlu tergesa-gesa atau kekal berjalan dengan tenang.

Dalil di bawah menunjukkan bahawa kita tetap perlu kekal bergerak dengan tenang walaupun imam sudah memulakan solat.

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ أَبِي قَتَادَةَ ، عَنْ أَبِيهِ ، قَالَ : بَيْنَمَا نَحْنُ نُصَلِّي مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذْ سَمِعَ جَلَبَةَ رِجَالٍ ، فَلَمَّا صَلَّى ، قَالَ : مَا شَأْنُكُمْ ؟ ، قَالُوا : اسْتَعْجَلْنَا إِلَى الصَّلَاةِ ، قَالَ : " فَلَا تَفْعَلُوا ، إِذَا أَتَيْتُمُ الصَّلَاةَ فَعَلَيْكُمْ بِالسَّكِينَةِ ، فما أدركْتُمْ فَصَلُّوا ، وَمَا فَاتَكُمْ فَأَتِمُّوا. "

Abu Qatadah radiallahu ‘anhu berkata: Ketika kami sedang solat bersama Nabi sallallahu ‘alaihi wasallam, kami mendengar bunyi bising orang ramai. Selesai sahaja solat, baginda bertanya; Apa hal kalian? Mereka menjawab: Kami tergesa-gesa untuk solat. Baginda bersabda: Jangan lakukan begitu. Apabila kalian datang mendirikan solat, hendaklah dalam keadaan tenang. Apa yang kalian sempat, solatlah, apa yang terlepas, sempurnakan [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Azan, hadis no: 602]

- Di sisi mazhab Syafie, hendaklah bertenang dan tidak tergesa-gesa tidak kira dalam keadaan takut terlepas takbiratul ihram atau tidak. Ini juga pendapat majoriti ulama.

- Sebahagian generasi salaf pula seperti ‘Abdullah bin Mas’ud, Ibn ‘Umar, Al-Aswad bin Yazid dan ulama seterusnya seperti Ishaq bin Rahawiah berpendapat jika takut terlepas takbiratul ihram hendaklah bersegera bergerak ke tempat solat.

Jika masjid tiada imam

- Jika telah masuk waktu solat, dan imam masih belum kelihatan di masjid. Menurut mazhab Syafie, ia bergantung kepada jenis masjid tersebut. Jika masjid tersebut memang tidak memiliki imam rawatib, maka salah seorang jemaah yang hadir hendaklah ke depan untuk mengimami solat.

- Jika masjid tersebut memiliki imam rawatib dan rumah imam rawatib dekat dengan masjid. Hendaklah diutus seseorang untuk memanggil imam tersebut ke masjid atau meminta izinnya agar mereka boleh memulakan solat jemaah dengan orang lain.

- Jika rumah imam rawatib itu jauh atau tidak diketahui di mana, akan tetapi diketahui bahawa imam tersebut tidak kisah jika ada orang lain yang mengimami solat, maka hendaklah salah seorang jemaah yang ada ke depan mengimami solat.

- Jika ditakuti timbulnya fitnah jika solat diimami oleh orang lain, maka hendaklah menunggu kehadiran imam rawatib. Jika telah lama menunggu dan ditakuti tamatnya waktu solat, maka hendaklah salah seorang jemaah mengimami solat tersebut.

Perlukah imam menunggu jemaah menjadi ramai?

Di sisi mazhab Syafie, jika imam telah hadir dan telah hadir beberapa orang jemaah, maka tidak perlu menunggu kehadiran jemaah yang lain. Ini kerana solat berjemaah di awal waktu dengan jemaah yang sedikit lebih afdhal daripada solat berjemaah di akhir waktu dengan jemaah yang ramai.

Jika iqamah dilaungkan ketika sedang mendirikan solat sunat, apakah yang perlu dilakukan?

Di sisi mazhab Syafie; jika diyakini tidak akan terlepas solat jemaah, maka hendaklah dia menyempurnakan solat sunat tersebut. Jika ditakuti terlepas solat jemaah, hendaklah dia menamatkan solat sunat tersebut dengan memberi salam.

Jika sedang mendirikan solat fardhu bersendirian, tiba-tiba kelihatan ada kumpulan sedang menunaikan solat secara berjemaah.

- Jika seseorang sedang solat fardhu secara bersendirian, tiba-tiba dia melihat ada orang yang sedang berjemaah atau baru mahu mula berjemaah, maka dia digalakkan untuk menyempurnakan solat tadi sebanyak dua rakaat kemudian memberi salam. Solat itu dikira solat sunat. Kemudian dia hendaklah menyertai jemaah tadi lalu mendirikan solat fardhu secara berjemaah.
- Akan tetapi jika baki rakaatnya kurang daripada dua rakaat, hendaklah dia menyempurnakan solat fardhu itu. Kemudian digalakkan untuknya menyertai jemaah tadi. Solatnya yang kedua dikira solat sunat.
- Dia juga boleh terus masuk ke dalam jemaah dengan berniat untuk berjemaah tanpa menghentikan solat tadi lalu menyempurnakan solat fardhunya secara berjemaah. Akan tetapi cara ini makruh di sisi mazhab Syafie. Adakah solatnya sah jika melakukan cara ini? Di sisi mazhab Malik dan Abu Hanifah solat ini tidak sah. Di sisi pendapat yang masyhur dalam mazhab Syafie pula, solat ini sah akan tetapi makruh.

Bagaimana jika rakaat imam kurang daripada rakaat makmum?

- Ini sering berlaku ketika solat terawih di mana imam sedang mendirikan solat terawih manakala makmum mahu mendirikan solat Isya', maka makmum boleh mengikut imam tersebut. Apabila imam memberi salam hendaklah dia bangun menyempurnakan lagi dua rakaat secara bersendirian.
- Makmum tadi juga boleh juga berniat menyempurnakan baki dua rakaat tadi bersama imam apabila imam tadi sudah bangun takbiratul ihram untuk 2 rakaat seterusnya solat terawih. Menurut pendapat yang paling sahih dalam mazhab Syafie, solat ini sah.

Bagaimana jika rakaat imam lebih banyak daripada makmum?

Jika seorang makmum telah selesai solatnya lebih awal daripada imam, maka makmum tersebut tidak boleh untuk bangun mengikut imam pada rakaat selebihnya kerana itu dikira menambah rakaat dengan sengaja. Makmum tersebut mempunyai dua pilihan:

1- Berniat mufaraqah iaitu berniat untuk meninggalkan jemaah dan menyempurnakan solat sendirian. Solatnya sah tanpa khilaf.

2- Makmum itu juga boleh duduk melakukan tasyahud akhir, kemudian membanyakkan doa sambil menunggu untuk imam menyempurnakan solatnya. Kemudian dia menamatkan solat tersebut bersama imam.

Tidak boleh mendirikan solat sunat apabila iqamah telah dilaungkan.

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، عَنِ النَّبِيِّ صلى الله عليه وسلم قَالَ " إِذَا أُقِيمَتِ الصَّلاَةُ فَلاَ صَلاَةَ إِلاَّ الْمَكْتُوبَةُ

Daripada Abu Hurairah radiallahu ‘anhu, Nabi sallallahu ‘alaihi wa sallam bersabda: Apabila telah dilaungkan iqamah. Tidak ada solat kecuali solat fardhu. [Sahih Muslim, Kitab Solat al-Musafirin wa Qasriha, Bab Karahah al-Syuru’ Fi Nafilah Ba’da Syuru’ al-Muazzin, hadis no: 710]

- Di sisi mazhab Syafie, makruh untuk seseorang mendirikan solat sunat apabila solat fardhu sudah bermula. Ini berdasarkan keumuman hadis ini.

- Sebahagian ulama memberikan pengecualian untuk solat sunat fajar. Mereka membenarkan seseorang yang belum solat sunat lalu mendapati imam sedang solat Subuh, mereka boleh menunaikan solat sunat fajar di luar masjid. Kemudian masuk ke masjid untuk solat Subuh bersama imam. Ini merupakan pendapat ‘Abdullah bin Mas’ud, Masruq, Makhul, Al-Hasan, dan lain-lain. Imam Malik pula mensyaratkan ia boleh dilakukan apabila tidak takut terlepas satu rakaat bersama imam. Sebahagian ulama pula menyatakan ia boleh dilakukan apabila yakin masih sempat solat berjemaah bersama imam. Ini pendapat Abu Hanifah, Al-Awzaie, dan Sa’id bin ‘Abdul Aziz.

Adakah makmum yang masbuq digalakkan membaca doa istiftah?

Apabila seorang makmum terlewat masuk jemaah atau masbuq dan dia mendapati imam sedang membaca surah. Hendaklah dia terus membaca surah al-Fatihah tanpa doa istiftah dan taawuz kerana ditakuti imam telah ruku’ tanpa dia sempat menghabiskan fatihahnya. Seandainya pada keyakinannya bahawa dia masih sempat menghabiskan fatihah walau membaca doa istiftah, maka digalakkannya membaca doa istiftah.

Bagaimana jika makmum masbuq tidak sempat menghabiskan bacaan al-Fatihah?

Seandainya dia tidak membaca bacaan lain selain al-Fatihah akan tetapi tetap tidak sempat menghabiskannya, maka hendaklah dia ruku’ bersama imam dan gugurlah kewajipan Al-Fatihah ke atasnya.

Seandainya dia tidak sempat membaca al-Fatihah kerana sebelum itu dia membaca doa istiftah, maka hendaklah dia menyempurnakan bacaan al-Fatihahnya sebelum ruku’.

Bagaimana jika masbuq ketika imam sedang ruku’?

- Apabila seorang makmum masbuq mendapati imam sedang ruku’, hendaklah dia melakukan takbiratul ihram dalam keadaan berdiri. Kemudian dia terus melafazkan takbir intiqal dan ruku’. Jika dia melafazkan takbiratul ihram dalam keadaan bukan berdiri, maka

tidak sah solat fardhunya tanpa khilaf, begitu juga solat sunat menurut pendapat yang paling kuat.

- Menurut mazhab Malik, jika seorang makmum masbuq mendapati imam sedang ruku', lalu makmum masbuq itu melakukan takbiratul ihram dalam keadaan ruku', maka sah solat fardhunya.

- Seandainya seseorang hanya melafazkan takbiratul ihram sahaja dan tidak bertakbir untuk ruku', maka sah solatnya.

Bilakah makmum masbuq dikira mendapat rakaat?

- Menurut mazhab Syafie, makmum yang masbuq dikira mendapat rakaat apabila dia sempat ruku' dengan sempurna sebelum imam bangun daripada ruku', maka dia mendapat rakaat tersebut.

- Jumhur ulama menyatakan makmum masbuq mendapat rakaat apabila sempat ruku' bersama imam. Zufar pula berpendapat rakaat diperolehi apabila sempat I'tidal bersama imam.

- Sebahagian ulama berkata rakaat hanya dikira apabila dapat membaca al-Fatihah. Ini merupakan pendapat Imam al-Bukhari, Ibn Hazm, Taqiuddin as-Subki daripada mazhab Syafie, al-Syaukani. Ini kerana al-Fatihah merupakan rukun solat. [Rujuk Sahih Fiqh as-Sunnah].

Apakah yang dikira sebagai rakaat pertama makmum masbuq?

- Ulama berbeza pendapat dalam hal ini. Adakah rakaat yang awal yang sempat makmum bersama imam dikira rakaat pertamanya, atau ia dikira rakaat imam tersebut.

- Contoh, seorang makmum masbuq masuk ke solat isya' ketika imam sudah rakaat ketiga. Di sisi mazhab Syafie, rakaat ketiga imam ini adalah rakaat pertama makmum. Selesai imam memberi salam, makmum ini bangun ke rakaat ketiganya. Ini merupakan pendapat mazhab Syafie, Sa'id bin al-Musayyib, Al-Hasan Al-Basri, 'Atho' dan lain-lain.

- Abu Hanifah, Malik, At-Tsauri dan Ahmad pula berpendapat bahawa apa yang makmum masbuq dapat bersama imam itu adalah rakaat-rakaat akhir solatnya seperti rakaat imam, manakala rakaat awalnya ialah apa yang luput daripada bersama imam yang mana ia akan dilakukan selepas imam memberi salam.

Mazhab Syafie dan yang sependapat dengannya berhujah dengan hadis berikut:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، عَنِ النَّبِيِّ صلى الله عليه وسلم قَالَ " إِذَا سَمِعْتُمُ الإِقَامَةَ فَامْشُوا إِلَى الصَّلاَةِ، وَعَلَيْكُمْ بِالسَّكِينَةِ وَالْوَقَارِ وَلاَ تُسْرِعُوا، فَمَا أَدْرَكْتُمْ فَصَلُّوا وَمَا فَاتَكُمْ فَأَتِمُّوا ".

Daripada Abu Hurairah radiallahu 'anhu, Nabi sallallahu 'alaihi wa sallam bersabda: Apabila kalian mendengar iqamah, berjalanlah ke tempat solat. Hendaklah kalian bertenang dan jangan tergesa-gesa. Apabila yang kalian dapat maka solatlah, dan apa yang terluput daripada kalian, sempurnakanlah. [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Azan, Bab La Yas'a Ila as-Solah.., hadis no: 636].

Mereka yang berpendapat sebaliknya menggunakan riwayat lain yang berbunyi:

وَمَا فَاتَكُمْ فَاقْضُوا

Apa yang kalian terlepas, gantikanlah ia. [Sunan an-Nasaie, Kitab al-Imamah, Bab al-Sa'y Ila as-Solat, hadis no: 861].

Kebanyakan riwayat menggunakan perkataan فَأَتِمُّوا yang bermaksud sempurnakanlah.

Bolehkah membuat jemaah kedua di masjid?

Di sisi mazhab Syafie, ia bergantung kepada keadaan masjid. Jika masjid tersebut mempunyai imam rawatib, makruh seseorang membuat jemaah selepas imam rawatib selesai menunaikan solat kecuali selepas mendapat keizinan imam tersebut. Ini adalah pendapat jumhur ulama seperti Syafie, Malik, Al-Awzaie, Al-Laith, At-Tsauri dan Abu Hanifah. Sebahagian ulama berpendapat tidak makruh. Ini pendapat Ahmad, Ishaq, Daud dan Ibn al-Munzir.

Jika masjid itu tidak mempunyai imam rawatib, maka tidak makruh melakukannya. Ini merupakan ijma' ulama.

Digalakkan mengulangi solat agar yang lewat dapat berjemaah

Jika seseorang telah mendirikan solat fardhu secara berjemaah, kemudian datang seseorang yang terlepas jemaah lalu mendirikan solat fardhu secara bersendirian. Digalakkan untuk yang telah solat tadi berjemaah dengan yang baru sampai agar dia turut mendapat pahala jemaah.

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم أَبْصَرَ رَجُلاً يُصَلِّي وَحْدَهُ فَقَالَ " أَلاَ رَجُلٌ يَتَصَدَّقُ عَلَى هَذَا فَيُصَلِّيَ مَعَهُ " .

Daripada Abu Sa'id al-Khudri radiallahu 'anhu bahawa Rasulullah sallallahu 'alaihi wa sallam melihat seorang lelaki solat bersendirian. Lalu baginda sallallahu 'alaihi wa sallam bersabda: Adakah ada sesiapa yang mahu bersedekah ke atas lelaki ini lalu mendirikan solat bersamanya? [Sunan Abi Daud, Kitab as-Solat, Bab Fi al-Jam' fi al-Masjid marratain, hadis no: 574].

Digalakkan mengulangi solat untuk berjemaah jika sebelum itu sudah solat sendirian

حَدَّثَنَا جَابِرُ بْنُ يَزِيدَ بْنِ الأَسْوَدِ الْعَامِرِيُّ، عَنْ أَبِيهِ، قَالَ شَهِدْتُ مَعَ النَّبِيِّ صلى الله عليه وسلم حَجَّتَهُ فَصَلَّيْتُ مَعَهُ صَلاَةَ الصُّبْحِ فِي مَسْجِدِ الْخَيْفِ . قَالَ فَلَمَّا قَضَى صَلاَتَهُ وَانْحَرَفَ إِذَا هُوَ بِرَجُلَيْنِ فِي أُخْرَى الْقَوْمِ لَمْ يُصَلِّيَا مَعَهُ فَقَالَ " عَلَىَّ بِهِمَا " . فَجِيءَ بِهِمَا تُرْعَدُ فَرَائِصُهُمَا فَقَالَ " مَا مَنَعَكُمَا أَنْ تُصَلِّيَا مَعَنَا " . فَقَالاَ يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنَّا كُنَّا قَدْ صَلَّيْنَا فِي رِحَالِنَا . قَالَ فَلاَ تَفْعَلاَ إِذَا صَلَّيْتُمَا فِي رِحَالِكُمَا ثُمَّ أَتَيْتُمَا مَسْجِدَ جَمَاعَةٍ فَصَلِّيَا مَعَهُمْ فَإِنَّهَا لَكُمَا نَافِلَةٌ " .

Daripada Yazid bin al-Aswad al-'Amiriy radiallahu 'anhu: Aku pernah menunaikan haji bersama Nabi sallallahu 'alaihi wa sallam lalu aku solat Subuh bersama baginda di masjid al-Khaif. Apabila

baginda telah menunaikan solat tersebut, baginda berpaling dari arah kiblat lalu terlihat dua lelaki di belakang jemaah yang tidak solat bersama baginda. Baginda berkata: Bawa mereka kepada ku. Mereka dibawa dan mereka berdua dalam keadaan sangat takut. Baginda lalu bertanya: Apakah yang menghalang kalian daripada solat bersama kami? Mereka berdua menjawab: Ya Rasulullah, sesungguhnya kami telah solat di khemah kami. Baginda bersabda: Jangan lakukan begini. Apabila kalian berdua telah solat di tempat kalian, kemudian kalian datang ke masjid bersama jemaah, hendaklah kalian solat bersama mereka. Sesungguhnya itu dikira solat sunat untuk kalian. [Jami' at-Tirmizi, Kitab as-Solat, Bab Ma Jaa Fi ar-Rajul Yusolli Wahdah Thumma Yudriku al-Jama'ah, hadis no: 219, hasan sahih].

- Di sisi mazhab Syafie, apabila seseorang telah solat fardhu secara bersendirian kemudian dia melihat adanya jemaah, maka disunatkan untuknya mengulangi solat itu secara berjemaah. Solat yang kedua itu dikira solat sunat. Ia umum kepada semua solat fardhu 5 waktu menurut pendapat yang lebih kuat dalam mazhab Syafie.

- Jika seseorang telah mendirikan solat secara berjemaah pula, adakah dia masih digalakkan mengulanginya secara berjemaah? Terdapat beberapa pendapat dalam mazhab Syafie, yang paling benar ialah ia tetap digalakkan sebagaimana hadis yang menyebutkan: 'Adakah ada sesiapa yang mahu bersedekah ke atas lelaki ini lalu mendirikan solat bersamanya'.

Perbandingan pendapat mazhab dalam bab mengulangi solat jemaah

- Mazhab Syafie: Digalakkan untuk diulangi secara berjemaah untuk semua jenis solat fardhu 5 waktu, tidak kira sama ada solat yang pertama dilakukan secara berjemaah atau bersendirian. Pendapat ini disepakati oleh Sa'id bin al-Musayyib, Ibn Jubair, Az-Zuhri.

- Ali bin Abi Talib, Huzaifah dan Anas turut berpegang kepada pendapat yang sama akan tetapi untuk solat Maghrib mereka menyatakan bahawa orang yang solat kali ke 2 itu perlu menggenapkan menjadi 4 rakaat. Ini juga pendapat mazhab Ahmad. Akan tetapi di sisi mazhab Syafie solat Maghrib kali ke 2 itu tetap 3 rakaat.

- Diulangi semua solat kecuali solat Maghrib supaya solat Maghrib itu tidak menjadi genap. Ini merupakan pendapat 'Abdullah bin Mas'ud, Malik, Al-Awzai'e, dan At-Tsauri.

- Diulangi kecuali solat Subuh dan Asar. Ini merupakan pendapat Al-Hasan Al-Basri.

- Abu Hanifah: Yang diulangi hanyalah solat Zuhur dan Isya' sahaja.

- An-Nakhaie: Diulangi solat kecuali solat Subuh dan Maghrib.

Imam an-Nawawi menyatakan kesemua pendapat ini dhaif, yang benar ialah diulangi secara mutlak kesemua jenis solat 5 waktu berdasarkan keumuman hadis.

Imam hendaklah memastikan saf sempurna sebelum solat

Daripada Abu Hurairah radiallahu 'anhu, Nabi sallallahu 'alaihi wa sallam bersabda:

وَأَقِيمُوا الصَّفَّ فِي الصَّلاَةِ، فَإِنَّ إِقَامَةَ الصَّفِّ مِنْ حُسْنِ الصَّلاَةِ

Sempurnakan saf solat. Sesungguhnya saf yang sempurna sebahagian daripada kecantikan solat. [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Azan, Bab Iqamah al-Saff min Tamami al-Solat, hadis no: 722].

Daripada Anas radiallahu ‘anhu, Nabi sallallahu ‘alaihi wa sallam bersabda:

سَوُّوا صُفُوفَكُمْ فَإِنَّ تَسْوِيَةَ الصُّفُوفِ مِنْ إِقَامَةِ الصَّلاَةِ

Luruskan saf-saf kalian. Sesungguhnya saf yang lurus sebahagian daripada mendirikan solat. [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Azan, Bab Iqamah al-Saff min Tamami al-Solat, hadis no: 723].

Dalam riwayat Muslim pula:

سَوُّوا صُفُوفَكُمْ فَإِنَّ تَسْوِيَةَ الصَّفِّ مِنْ تَمَامِ الصَّلاَةِ " .

Luruskan saf kalian. Sesungguhnya saf yang lurus sebahagian daripada kesempurnaan solat. [Sahih Muslim, Kitab as-Solat, Bab Taswiyah as-Sufuf wa Iqamatiha…, hadis no: 433]

عَنْ أَنَسٍ، عَنِ النَّبِيِّ صلى الله عليه وسلم قَالَ " أَقِيمُوا صُفُوفَكُمْ فَإِنِّي أَرَاكُمْ مِنْ وَرَاءِ ظَهْرِي ". وَكَانَ أَحَدُنَا يُلْزِقُ مَنْكِبَهُ بِمَنْكِبِ صَاحِبِهِ وَقَدَمَهُ بِقَدَمِهِ.

Daripada Anas radiallahu ‘anhu, Nabi sallallahu ‘alaihi wa sallam bersabda: Sempurnakan saf-saf kalian. Sesungguhnya aku melihat kalian dari belakang ku. Anas berkata: Salah seorang daripada kami merapatkan bahunya dengan bahu sahabatnya, kakinya dengan kaki sahabatnya. [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Azan, Bab Ilzaq Mankib bi al-Mankib wa al-Qadami bi al-Qadami fi as-Saf, hadis no: 725]

Dalam riwayat lain daripada Anas jua, Nabi sallallahu ‘alaihi wa sallam bersabda:

أَقِيمُوا صُفُوفَكُمْ وَتَرَاصُّوا، فَإِنِّي أَرَاكُمْ مِنْ وَرَاءِ ظَهْرِي

Luruskan saf-saf kalian, rapatkan saf. Sesungguhnya aku melihat kalian daripada belakangku. [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Azan, Bab Iqbal al-Imam ‘Ala an-Nas ‘Inda Taswiyah as-Sufuf, hadis no: 719].

Daripada Anas radiallahu ‘anhu, Nabi sallallahu ‘alaihi wa sallam bersabda:

رُصُّوا صُفُوفَكُمْ وَقَارِبُوا بَيْنَهَا وَحَاذُوا بِالأَعْنَاقِ فَوَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ إِنِّي لأَرَى الشَّيْطَانَ يَدْخُلُ مِنْ خَلَلِ الصَّفِّ كَأَنَّهَا الْحَذَفُ "

Rapatkan saf kalian, dekatkan antaranya, rapatkan antara leher. Demi tuhan yang diri ku di tanganNya, sesungguhnya aku melihat syaitan masuk ke dalam ruang kosong sebagaimana anak kambing hitam. [Sunan Abi Daud, Kitab as-Solat, Bab Taswiyah as-Sufuf, hadis no: 667].

Daripada Nu’man bin Basyir radiallahu ‘anhu

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم يُسَوِّي صُفُوفَنَا حَتَّى كَأَنَّمَا يُسَوِّي بِهَا الْقِدَاحَ حَتَّى رَأَى أَنَّا قَدْ عَقَلْنَا عَنْهُ ثُمَّ خَرَجَ يَوْمًا فَقَامَ حَتَّى كَادَ يُكَبِّرُ فَرَأَى رَجُلاً بَادِيًا صَدْرُهُ مِنَ الصَّفِّ فَقَالَ " عِبَادَ اللَّهِ لَتُسَوُّنَّ صُفُوفَكُمْ أَوْ لَيُخَالِفَنَّ اللَّهُ بَيْنَ وُجُوهِكُمْ " .

Nabi sallallahu ‘alaihi wa sallam akan meluruskan saf-saf kami seolah-olah meluruskan anak panah sehinggalah apabila baginda melihat kami telah faham akan hal itu. Pada satu hari, baginda keluar lalu berdiri untuk mendirikan solat dan hampir-hampir baginda mahu melafazkan takbir tiba-tiba baginda terlihat seorang lelaki yang dadanya terkeluar dari saf. Baginda lalu bersabda: Wahai hamba Allah, luruskan saf kalian atau Allah akan mencerai-beraikan kalian. [Sahih Muslim, Kitab as-Solat, Bab Taswiyah as-Sufuf wa Iqamatiha…, hadis no: 436].

عَنْ أَبِي مَسْعُودٍ، قَالَ كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم يَمْسَحُ مَنَاكِبَنَا فِي الصَّلاَةِ وَيَقُولُ " اسْتَوُوا وَلاَ تَخْتَلِفُوا فَتَخْتَلِفَ قُلُوبُكُمْ لِيَلِنِي مِنْكُمْ أُولُو الأَحْلاَمِ وَالنُّهَى ثُمَّ الَّذِينَ يَلُونَهُمْ ثُمَّ الَّذِينَ يَلُونَهُمْ " . قَالَ أَبُو مَسْعُودٍ فَأَنْتُمُ الْيَوْمَ أَشَدُّ اخْتِلاَفًا .

Daripada Abu Mas’ud radiallahu ‘anhu, Rasulullah sallallahu ‘alaihi wa sallam menyentuh bahu-bahu kami ketika hendak solat dan bersabda: Luruskan, jangan biarkan ia berbeza nescaya akan bercerai berai hati kalian. Hendaklah yang dewasa dan berakal paling hampir dengan ku. Kemudian yang seterusnya, kemudian yang seterusnya. [Sahih Muslim, Kitab as-Solat, Bab Taswiyah as-Sufuf, hadis no: 432].

عَنِ الْبَرَاءِ بْنِ عَازِبٍ، قَالَ كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم يَتَخَلَّلُ الصَّفَّ مِنْ نَاحِيَةٍ إِلَى نَاحِيَةٍ يَمْسَحُ صُدُورَنَا وَمَنَاكِبَنَا وَيَقُولُ " لاَ تَخْتَلِفُوا فَتَخْتَلِفَ قُلُوبُكُمْ " . وَكَانَ يَقُولُ " إِنَّ اللَّهَ وَمَلاَئِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى الصُّفُوفِ الأُوَلِ " .

Daripada Al-Bara’ bin ‘Azib, Rasulullah sallallahu ‘alaihi wa sallam masuk ke dalam saf daripada hujung saf ke hujung yang lain. Baginda menyentuh dada dan bahu kami. Baginda bersabda: Janganlah kalian saling berbeza nescaya nanti hati-hati kalian akan berpecah. Baginda bersabda: Sesungguhnya Allah dan malaikatNya berselawat kepada saf yang awal. [Sunan Abi Daud, Kitab as-Solat, Bab Taswiyah as-Sufuf, hadis no: 664].

Daripada ‘Abdullah bin ‘Umar radiallahu ‘anhu, Nabi sallallahu ‘alaihi wa sallam bersabda:

أَقِيمُوا الصُّفُوفَ وَحَاذُوا بَيْنَ الْمَنَاكِبِ وَسُدُّوا الْخَلَلَ وَلِينُوا بِأَيْدِي إِخْوَانِكُمْ " . " وَلاَ تَذَرُوا فُرُجَاتٍ لِلشَّيْطَانِ وَمَنْ وَصَلَ صَفًّا وَصَلَهُ اللَّهُ وَمَنْ قَطَعَ صَفًّا قَطَعَهُ اللَّهُ " .

Sempurnakan saf, rapatkan antara bahu, tutuplah ruang kosong, dan berlembutlah dengan tangan saudara-saudara kalian. Jangan biarkan ruang kosong untuk syaitan. Sesiapa yang

menyambung saf, maka Allah akan menyambungnya. Sesiapa yang memutuskan saf, Allah akan memutuskannya. [Sunan Abi Daud, Kitab as-Solat, Bab Taswiyah as-Sufuf, hadis no: 666].

Daripada Anas radiallahu ‘anhu, Nabi sallallahu ‘alaihi wa sallam bersabda:

أَتِمُّوا الصَّفَّ الأَوَّلَ ثُمَّ الَّذِي يَلِيهِ وَإِنْ كَانَ نَقْصٌ فَلْيَكُنْ فِي الصَّفِّ الْمُؤَخَّرِ " .

Sempurnakan saf yang awal, kemudian yang seterusnya. Jika ada saf yang tidak sempurna (iaitu tidak penuh), hendaklah ia berlaku pada saf yang akhir. [Sunan an-Nasaie, Kitab al-Imamah, Bab As-Saf Al-Muakhar, hadis no: 818].

Di sisi mazhab Syafie, disunatkan untuk imam menyuruh makmum meluruskan saf sebelum memulakan solat. Digalakkan seandainya masjid itu besar untuk imam menyuruh wakilnya atau orang lain untuk mengarahkan makmum menyempurnakan saf dengan cara pergi memeriksa setiap saf atau mengeluarkan arahan merapatkan saf. Begitu juga digalakkan untuk setiap jemaah untuk mengarahkan agar saf disempurnakan apabila melihat ada saf yang bengkok, ruangan kosong dan sebagainya. Ia termasuk dalam Al-Amr bi Al-Ma’ruf dan bertolong-tolongan dalam kebaikan dan ketaqwaan.

Yang dimaksudkan dengan menyempurnakan saf ialah:

- Memenuhkan saf yang hadapan sebelum dibuat saf yang baru.
- Memastikan saf rapat dan tiada ruang kosong antara jemaah.
- Memastikan saf lurus dan tidak bengkang-bengkok.

Imam hendaklah meringankan solatnya

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم قَالَ " إِذَا صَلَّى أَحَدُكُمْ لِلنَّاسِ فَلْيُخَفِّفْ، فَإِنَّ مِنْهُمُ الضَّعِيفَ وَالسَّقِيمَ وَالْكَبِيرَ، وَإِذَا صَلَّى أَحَدُكُمْ لِنَفْسِهِ فَلْيُطَوِّلْ مَا شَاءَ

Daripada Abu Hurairah radiallahu ‘anhu, Rasulullah sallallahu ‘alaihi wa sallam bersabda: Apabila seseorang solat mengimami manusia, hendaklah dia meringankan solat itu. Sesungguhnya di kalangan mereka terdapat orang yang lemah, sakit dan tua. Apabila dia solat bersendirian, panjangkanlah solat itu semahunya. [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Azan, Bab Iza Solla Li nafsihi Falyuthowwil Ma Syaa, hadis no: 703].

- Di sisi mazhab Syafie, digalakkan untuk imam meringankan solatnya dengan memendekkan bacaan al-Quran dan zikir dalam keadaan tidak pula meninggalkan sebarang sunat ab’adh dan haiah.
- Seandainya dia mengimami satu kumpulan jemaah yang diketahui lebih menyukai agar solat dipanjangkan, maka tidak makruh untuk imam memanjangkan solat.
- Seandainya jemaah yang ada bercampur baur antara yang suka solat dipanjangkan dan yang berat jika ia dipanjangkan, maka hendaklah solat itu diringankan. Ini disepakati oleh ulama mazhab Syafie. Ini berdasarkan hadis berikut:

Daripada Anas bin Malik radiallahu ‘anhu, Nabi sallallahu ‘alaihi wa sallam bersabda:

إِنِّي لأَدْخُلُ فِي الصَّلاَةِ وَأَنَا أُرِيدُ إِطَالَتَهَا، فَأَسْمَعُ بُكَاءَ الصَّبِيِّ، فَأَتَجَوَّزُ فِي صَلاَتِي مِمَّا أَعْلَمُ مِنْ شِدَّةِ وَجْدِ أُمِّهِ مِنْ بُكَائِهِ ".

Sesungguhnya ketika aku memulakan solat, aku mahu memanjangkannya. Lalu aku terdengar tangisan bayi. Aku memendekkan solat ku kerana aku tahu kesusahan yang dirasai si ibu akibat tangisan anaknya. [Sahih Muslim, Kitab al-Azan, Bab Man Akhoffa as-Solat ‘Inda Baka’ al-Sobiy, hadis no: 709].

Seandainya jemaah menyukai solat dipanjangkan akan tetapi masjid itu ialah masjid yang menjadi persinggahan orang ramai yang dalam perjalanan, maka tidak dipanjangkan solat.

Adakah imam perlu menunggu makmum?

Ulama mazhab Syafie berbeza pendapat dalam hal menunggu makmum ketika ruku’ dan tasyahud akhir. Ia menghasilkan beberapa pandangan:

1- Disunatkan menunggu makmum.

2- Dimakruhkan menungguh makmum.

3- Tidak sunat dan tidak jua makruh.

4- Makruh jika imam memanjangkan ruku’ untuk menunggu orang-orang yang khusus.

5- Jika orang yang ditunggu adalah orang yang selalu hadir solat berjemaah, maka imam boleh menunggu, jika tidak, maka tidak perlu.

Pendapat yang kuat di sisi mazhab Syafie adalah digalakkan menunggu makmum ketika ruku’ secara mutlak dengan syarat makmum yang masbuq itu telah masuk ke masjid ketika itu dan diniatkan memanjangkan ruku’ itu untuk mendekatkan diri kepada Allah dan bukan untuk mengambil hati orang yang datang.

Adapun pada selain ruku’ dan tasyahud akhir, makruh untuk imam menunggu jemaah kerana tiada keperluan untuk melakukannya.

Perbandingan pendapat mazhab

- Digalakkan menunggu makmum: Ini pendapat mazhab Syafie, Al-Sya’bi, An-Nakhaie, Abdul Rahman bin Abi Laila, Abu Mijlaz.
- Menunggu makmum selagi mana tidak memberatkan jemaah yang lain: Ini pendapat Ahmad, Ishaq dan Abu Tsaur.
- Imam tidak perlu menunggu makmum. Ini pendapat Abu Hanifah, Malik, Al-Awza’ie, Abu Yusuf, Al-Muzani dan Daud.

Kewajipan Mengikut Imam

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، قَالَ قَالَ النَّبِيُّ صلى الله عليه وسلم " إِنَّمَا جُعِلَ الإِمَامُ لِيُؤْتَمَّ بِهِ، فَإِذَا كَبَّرَ فَكَبِّرُوا، وَإِذَا رَكَعَ فَارْكَعُوا، وَإِذَا قَالَ سَمِعَ اللَّهُ لِمَنْ حَمِدَهُ. فَقُولُوا رَبَّنَا وَلَكَ الْحَمْدُ. وَإِذَا سَجَدَ فَاسْجُدُوا، وَإِذَا صَلَّى جَالِسًا فَصَلُّوا جُلُوسًا أَجْمَعُونَ ".

Daripada Abu Hurairah radiallahu 'anhu, Nabi sallallahu 'alaihi wa sallam bersabda: Imam itu adalah untuk diikuti. Apabila dia bertakbir, maka bertakbirlah, apabila dia ruku' maka ruku'lah. Apabila dia menyebut samillahu liman hamidah, sebutlah robbana walakal hamdu. Apabila dia sujud, maka sujudlah. Apabila dia solat dalam keadaan duduk, maka solatlah kalian semua dalam keadaan duduk. [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Azan, Bab Ijab at-Takbir wa iftitah as-Solat, hadis no: 734]

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، قَالَ كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم يُعَلِّمُنَا يَقُولُ " لاَ تُبَادِرُوا الإِمَامَ إِذَا كَبَّرَ فَكَبِّرُوا وَإِذَا قَالَ وَلاَ الضَّالِّينَ . فَقُولُوا آمِينَ . وَإِذَا رَكَعَ فَارْكَعُوا وَإِذَا قَالَ سَمِعَ اللَّهُ لِمَنْ حَمِدَهُ . فَقُولُوا اللَّهُمَّ رَبَّنَا لَكَ الْحَمْدُ . "

Daripada Abu Hurairah radiallahu 'anhu, Rasulullah sallallahu 'alaihi wa sallam mengajar kami, baginda bersabda: Janganlah kalian berlumba dengan imam. Apabila dia bertakbir, maka kalian bertakbirlah. Apabila dia menyebut 'waladhdollin' maka sebutlah amin. Apabila dia ruku', maka ruku'lah. Apabila dia menyebut 'samiallahu liman hamidah' maka sebutlah 'Allahumma rabbana lakal hamdu'. [Sahih Muslim, Kitab as-Solat, Bab an-Nahy 'an Mubadarah al-Imam bi at-Takbir wa Ghairuhu, hadis no: 415]

Dalam riwayat lain yang seterusnya dalam Sahih Muslim disebutkan:

وَلاَ تَرْفَعُوا قَبْلَهُ

Janganlah bangun sebelum imam.

Ulama-ulama mazhab Syafie menyatakan bahawa wajib makmum mengikut imam dan haram untuk makmum mendahului imam dalam perbuatan solat. Imam al-Syafie telah menyebutkan pengharaman mendahului imam dalam menunaikan rukun solat.

Mengikut imam bermaksud mengikut apa yang telah imam lakukan. Ia bermaksud imam yang akan melakukan sesuatu perbuatan solat terlebih dahulu sebelum makmum. Begitu wajib mengikut imam dalam perkataan di mana imam yang akan menyebutkan terlebih dahulu kemudian baru diikuti makmum. Dikecualikan pada ucapan amin di mana digalakkan untuk bacaan amin makmum serentak dengan bacaan amin imam.

Apakah yang akan berlaku jika makmum tidak mengikut atau tidak mutaba'ah imam?

- Seandainya makmum melafazkan dengan serentak ucapan takbiratul ihram bersama imam, maka tidak sah solatnya. Ini sepakat para ulama mazhab Syafie. Inilah yang dinyatakan oleh Imam al-Syafie. Ini juga pendapat Malik, Abu Yusuf, Ahmad dan Daud.

  Abu Hanifah, At-Tsauri, Zufar dan Muhammad berpendapat sah solatnya sebagaimana jika serentak dengan imam ketika ruku'.

- Adapun jika serentak dengan imam dalam perlakuan solat selain daripada takbiratul ihram, maka makruh hukumnya walau sah solatnya. Hal ini disepakati mazhab Syafie.

- Tertinggal daripada imam. Jika tertinggal 1 rukun daripada imam, maka tidak batal solatnya menurut pendapat paling kuat dalam mazhab Syafie.

Menegur Imam Apabila Imam Tersilap

Daripada Sahl bin Sa'id radiallahu 'anhu, Nabi sallallahu 'alaihi wa sallam bersabda:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ مَا لَكُمْ حِينَ نَابَكُمْ شَىْءٌ فِي الصَّلاَةِ أَخَذْتُمْ بِالتَّصْفِيحِ إِنَّمَا التَّصْفِيحُ لِلنِّسَاءِ، مَنْ نَابَهُ شَىْءٌ فِي صَلاَتِهِ فَلْيَقُلْ سُبْحَانَ اللَّهِ ".

Wahai sekalian manusia, kenapa apabila sesuatu berlaku dalam solat kalian, kalian bertepuk tangan. Sesungguhnya bertepuk tangan adalah untuk wanita. Sesiapa yang berlaku sesuatu dalam solatnya, hendaklah dia menyebut Subhanallah. [Sahih al-Bukhari, Kitab al-'Amal fi as-Solat, Bab Raf'I al-Yad fi as-Solat Li Amri Yanzilu Bihi, hadis no: 1218]

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ، أَنَّ النَّبِيَّ صلى الله عليه وسلم صَلَّى صَلاَةً فَقَرَأَ فِيهَا فَلُبِسَ عَلَيْهِ فَلَمَّا انْصَرَفَ قَالَ لأُبَىٍّ " أَصَلَّيْتَ مَعَنَا " . قَالَ نَعَمْ . قَالَ " فَمَا مَنَعَكَ " .

Daripada 'Abdullah bin 'Umar radiallahu 'anhu, Nabi sallallahu 'alaihi wa sallam mendirikan solat dan membaca al-Quran di dalamnya. Baginda terkeliru dalam bacaannya. Apabila selesai, baginda bertanya kepada Ubay bin Ka'ab: Adakah engkau solat bersama kami? Ubay menjawab: Ya. Baginda lalu berkata: Apa yang menghalang engkau (daripada membetulkan bacaan aku?) [Sunan Abi Daud, Kitab as-Solat, Bab al-Fath 'Ala al-Imam Fi as-Solat, hadis no: 907].

- Apabila imam tersilap dalam bacaan solat, digalakkan dalam mazhab Syafie untuk makmum menegur dengan membetulkan bacaan imam. Hendaklah makmum membetulkan dengan suara yang kuat agar imam dapat mendengarnya.

- Apabila imam tersilap dalam perbuatan solat, digalakkan makmum menegurnya dengan menyebut kalimah Subhanallah.

- Seandainya imam yakin bahawa dia benar walaupun ditegur oleh makmum, maka tidak perlu imam mengikut pembetulan yang dilakukan makmum bahkan wajib dia melakukan dengan apa yang dia yakini walaupun yang menegur itu ramai. Inilah pendapat yang benar dalam mazhab Syafie.

- Apabila imam meninggalkan sesuatu perbuatan yang wajib, dan tetap meneruskannya walau ditegur makmum, maka tidak boleh makmum mengikut imam tersebut dalam meninggalkan perkara wajib itu, tidak kira sama ada imam sengaja ataupun lupa. Hendaklah makmum berpisah atau mufaraqah daripada imam dan menyempurnakan solatnya sendirian.

- Seandainya imam meninggalkan perkara yang sunat seperti tasyahud awal, hendaklah makmum mengikut imam dan tidak boleh makmum menyibukkan diri membuat perkara sunat. Jika makmum melakukannya maka batallah solat makmum.

- Jika imam meninggalkan sujud sahwi atau salam yang kedua, makmum boleh melakukannya kerana telah tamat kewajipannya mengikut imam.

- Jika makmum yang terlupa. Contohnya imam duduk tasyahud awal, sedangkan makmum terus bangun ke rakaat ketiga, maka hendaklah makmum tersebut kembali duduk tasyahud bersama imam menurut pendapat yang paling kuat dalam mazhab Syafie.

Perbandingan mazhab dalam bab membetulkan bacaan imam

- Digalakkan membetulkan bacaan imam. Ini merupakan pendapat mazhab Syafie, Malik, Ahmad dan Ishaq.

- Makruh membetulkan bacaan imam. Ini pendapat Abdullah bin Mas'ud, Syuraih, Al-Sya'bi, At-Tsauri, dan Muhammad bin al-Hasan. Mereka berhujah dengan riwayat berikut:

عَنْ عَلِيٍّ، – رضى الله عنه – قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم " يَا عَلِيُّ لاَ تَفْتَحْ عَلَى الإِمَامِ فِي الصَّلاَةِ " .

Daripada 'Ali radiallahu 'anhu, Rasulullah sallallahu 'alaihi wa sallam bersabda: Wahai 'Ali, janganlah engkau membetulkan bacaan imam dalam solat. [Sunan Abi Daud, Kitab al-Solat, Bab an-Nahy 'An at-Talqin, hadis no: 908].

Akan tetapi hadis Ali ini sangat lemah. Imam an-Nawawi menyatakan ia dhaif jiddan dan tidak boleh berhujah dengannya. Manakala hadis Abdullah bin Umar yang dijadikan hujah sunnah membetulkan bacaan imam adalah sahih.

Pertukaran Imam Solat

Pertukaran imam solat atau istilahnya al-Istikhlaf pernah berlaku sebanyak dua kali di zaman Rasulullah sallallahu 'alaihi wa sallam ketika pada awalnya Abu Bakar mengimami solat, kemudian baginda hadir lalu menjadi imam dan Abu Bakar bertukar menjadi makmum.

Ia berlaku ketika baginda sallallahu 'alaihi wa sallam sedang sakit, lalu Abu Bakar dilantik menjadi imam solat.

عَنْ إِبْرَاهِيمَ، قَالَ الأَسْوَدُ قَالَ كُنَّا عِنْدَ عَائِشَةَ . رضى الله عنها . فَذَكَرْنَا الْمُوَاظَبَةَ عَلَى الصَّلاَةِ وَالتَّعْظِيمَ لَهَا، قَالَتْ لَمَّا مَرِضَ رَسُولُ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم مَرَضَهُ الَّذِي مَاتَ فِيهِ، فَحَضَرَتِ الصَّلاَةُ فَأُذِّنَ، فَقَالَ " مُرُوا

أَبَا بَكْرٍ فَلْيُصَلِّ بِالنَّاسِ " . فَقِيلَ لَهُ إِنَّ أَبَا بَكْرٍ رَجُلٌ أَسِيفٌ، إِذَا قَامَ فِي مَقَامِكَ لَمْ يَسْتَطِعْ أَنْ يُصَلِّيَ بِالنَّاسِ، وَأَعَادَ فَأَعَادُوا لَهُ، فَأَعَادَ الثَّالِثَةَ فَقَالَ " إِنَّكُنَّ صَوَاحِبُ يُوسُفَ، مُرُوا أَبَا بَكْرٍ فَلْيُصَلِّ بِالنَّاسِ " .

Al-Aswad berkata: Kami pernah berada bersama-sama 'Aisyah radiallahu 'anhu. kami menyebutkan kepadanya tentang ketekunan dalam berterusan mendirikan solat dan pengagungan kepadanya. 'Aisyah berkata: Ketika Rasulullah sallallahu 'alaihi wa sallam jatuh sakit yang baginda mati wafat selepas itu. Telah masuk waktu solat lalu dilaungkan azan. Baginda bersabda: Suruhlah Abu Bakar mengimami solat orang ramai. Lalu dikatakan kepada baginda: Sesungguhnya Abu Bakar seorang yang lembut hatinya. Apabila dia menggantikan tempat engkau, dia tidak akan mampu mengimami manusia. Lalu baginda mengulangi arahan tersebut dan mereka (iaitu isteri-isteri nabi) memberikan jawapan yang sama. Lalu baginda mengulangi arahan itu buat kali ketiga lalu bersabda: Sesungguhnya kalian ini seperti perangai sahabat Yusuf. Suruhlah Abu Bakar mengimami orang ramai.

فَخَرَجَ أَبُو بَكْرٍ فَصَلَّى، فَوَجَدَ النَّبِيُّ صلى الله عليه وسلم مِنْ نَفْسِهِ خِفَّةً، فَخَرَجَ يُهَادَى بَيْنَ رَجُلَيْنِ كَأَنِّي أَنْظُرُ رِجْلَيْهِ تَخُطَّانِ مِنَ الْوَجَعِ، فَأَرَادَ أَبُو بَكْرٍ أَنْ يَتَأَخَّرَ، فَأَوْمَأَ إِلَيْهِ النَّبِيُّ صلى الله عليه وسلم أَنْ مَكَانَكَ، ثُمَّ أُتِيَ بِهِ حَتَّى جَلَسَ إِلَى جَنْبِهِ.

Lalu Abu Bakar keluar dan mengimami solat. Lalu baginda mendapati sakitnya semakin kurang, lalu baginda keluar sambil diapit dua orang lelaki, dan seolah-olah aku melihat kakinya menyeret tanah kerana sakit. Lalu Abu Bakar mahu berundur ke belakang, akan tetapi nabi sallallahu 'alaihi wa sallam mengisyaratkan kepadanya untuk kekal di posisinya. Kemudian baginda di bawah duduk di tepi Abu Bakar.

[Sahih al-Bukhari, Kitab al-Azan, Bab Had al-Maridh An Yasyhada al-Jamaah, hadis no: 664].

Dalam Sahih Muslim disebutkan:

وَكَانَ النَّبِيُّ صلى الله عليه وسلم يُصَلِّي بِالنَّاسِ وَأَبُو بَكْرٍ يُسْمِعُهُمُ التَّكْبِيرَ .

Nabi sallallahu 'alaihi wa sallam mengimami orang ramai dan Abu Bakar memperdengarkan takbir kepada mereka. [Sahih Muslim, Kitab al-Solat, Bab Istikhlaf al-Imam, hadis no: 418].

Peristiwa kedua berlaku ketika Abu Bakar disuruh oleh Bilal untuk menjadi imam solat ketika baginda datang untuk menyelesaikan pertikaian dalam Bani 'Amr bin 'Auf. Ketika Abu Bakar menjadi imam, orang ramai memberikan isyarat bahawa nabi sallallahu 'alaihi wa sallam datang, lalu Abu Bakar ingin berundur walau nabi sallallahu 'alaihi wa sallam menyuruhnya kekal menjadi imam. Akan tetapi beliau tetap berundur:

وَرَجَعَ الْقَهْقَرَى وَرَاءَهُ حَتَّى قَامَ فِي الصَّفِّ، فَتَقَدَّمَ رَسُولُ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم فَصَلَّى لِلنَّاسِ

Abu Bakar berundur sehingga dia sudah berdiri di saf lalu baginda bergerak ke hadapan dan mengimami manusia. [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Sahw, Bab al-Isyarah fi as-Solat, hadis no: 1234].

- Menurut pendapat yang paling benar dalam mazhab Syafie, pertukaran imam dibolehkan untuk dilakukan di dalam solat. Ini merupakan pendapat majoriti ulama.

Makmum masbuq berimamkan makmum masbuq yang lain

Apabila imam telah memberi salam, makmum-makmum yang masbuq akan bangun untuk menyempurnakan solat mereka. Kemudian salah seorang daripada mereka akan bergerak ke hadapan untuk mengimami solat makmum yang lain. Hal ini dibenarkan mengikut pendapat paling kuat dalam mazhab Syafie. Ini berhujah dengan qias kepada pertukaran imam atau al-Istikhlaf.

Berpisah daripada imam (Mufaraqah)

عَنْ جَابِرٍ، أَنَّهُ قَالَ صَلَّى مُعَاذُ بْنُ جَبَلٍ الأَنْصَارِيُّ لأَصْحَابِهِ الْعِشَاءَ فَطَوَّلَ عَلَيْهِمْ فَانْصَرَفَ رَجُلٌ مِنَّا فَصَلَّى فَأُخْبِرَ مُعَاذٌ عَنْهُ فَقَالَ إِنَّهُ مُنَافِقٌ . فَلَمَّا بَلَغَ ذَلِكَ الرَّجُلَ دَخَلَ عَلَى رَسُولِ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم فَأَخْبَرَهُ مَا قَالَ مُعَاذٌ فَقَالَ لَهُ النَّبِيُّ صلى الله عليه وسلم " أَتُرِيدُ أَنْ تَكُونَ فَتَّانًا يَا مُعَاذُ إِذَا أَمَمْتَ النَّاسَ فَاقْرَأْ بِالشَّمْسِ وَضُحَاهَا . وَسَبِّحِ اسْمَ رَبِّكَ الأَعْلَى . وَاقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ . وَاللَّيْلِ إِذَا يَغْشَى " .

Jabir radiallahu ‘anhu berkat: Muaz bin Jabal mengimami solat Isya’ sahabat-sahabatnya lalu dia memanjangkan bacaannya. Disebabkan itu beredarlah seorang lelaki di kalangan lalu dia mendirikan solat (bersendirian). Hal itu disampaikan kepada Muaz lalu dia berkata: Sesungguhnya lelaki itu munafiq. Apabila kata-kata Muaz itu sampai kepada lelaki tersebut, dia pergi menemui Rasulullah sallallahu ‘alaihi wa sallam dan memberitahu baginda apa yang Muaz katakan. Lalu Nabi sallallahu ‘alaihi wa sallam berkata kepada Muaz: Adakah engkau mahu menjadi pencetus fitnah wahai Muaz? Apabila engkau mengimami orang ramai, bacalah surah al-Syams, ad-Dhuha, al-A’la, al-‘Alaq, dan al-Lail. [Sahih Muslim, Kitab as-Solat, Bab al-Qiraat fi as-Solat, hadis no: 645]

- Ulama mazhab Syafie sepakat menggunakan hadis ini sebagai dalil bahawa boleh seorang makmum berpisah atau mufaraqah daripada imam.
- Orang yang ingin mufaraqah hendaklah memang berniat untuk berpisah daripada jemaah. Seandainya dia tidak berniat untuk mufaraqah akan tetapi tidak lagi solat mengikut imam, maka batallah solatnya. Hal ini ijma’.
- Jika dia berniat mufaraqah, kemudian meneruskan solatnya dengan menyempurnakan apa yang berbaki bersendirian, maka solatnya sah akan tetapi hukumnya makruh.
- Apabila terbatalnya solat imam, atau imam terlebih rakaat, atau imam meninggalkan rukun solat, maka makmum hendaklah mufaraqah dan hal ini tidak merosakkan solat makmum. Tiada khilaf dalam hal ini.

Bolehkah kanak-kanak menjadi imam

Daripada ‘Amru bin Salamah radiallahu ‘anhu:

فَلَمَّا كَانَتْ وَقْعَةُ أَهْلِ الْفَتْحِ بَادَرَ كُلُّ قَوْمٍ بِإِسْلاَمِهِمْ وَبَدَرَ أَبِي قَوْمِي بِإِسْلاَمِهِمْ فَلَمَّا قَدِمَ قَالَ جِئْتُكُمْ وَاللَّهِ مِنْ عِنْدِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حَقًّا فَقَالَ صَلُّوا صَلاَةَ كَذَا فِي حِينِ كَذَا وَصَلُّوا صَلاَةَ كَذَا فِي حِينِ كَذَا فَإِذَا حَضَرَتْ الصَّلاَةُ فَلْيُؤَذِّنْ أَحَدُكُمْ وَلْيَؤُمَّكُمْ أَكْثَرُكُمْ قُرْآنًا فَنَظَرُوا فَلَمْ يَكُنْ أَحَدٌ أَكْثَرَ قُرْآنًا مِنِّي فَقَدَّمُونِي بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَأَنَا ابْنُ سِتٍّ أَوْ سَبْعِ سِنِينَ .وَكَانَتْ عَلَيَّ بُرْدَةٌ، كُنْتُ إِذَا سَجَدْتُ تَقَلَّصَتْ عَنِّي، فَقَالَتِ امْرَأَةٌ مِنَ الْحَيِّ أَلاَ تُغَطُّوا عَنَّا اسْتَ قَارِئِكُمْ. فَاشْتَرَوْا فَقَطَعُوا لِي قَمِيصًا، فَمَا فَرِحْتُ بِشَىْءٍ فَرَحِي بِذَلِكَ الْقَمِيصِ.

Ketika terjadi penaklukan kota Makkah, setiap kaum datang menyatakan keislaman mereka. Bapaku datang menyatakan keislaman kaumku. Ketika pulang beliau berkata,“Demi Allah, aku membawakan kepada kalian kebenaran daripada Rasulullah,” lalu beliau berkata,“Solatlah kalian, solat ini pada waktu ini dan solatlah ini pada waktu ini. Jika telah masuk waktu solat, hendaklah salah seorang kalian melaungkan azan dan orang yang paling banyak hafalan Al-Qurannya yang menjadi imam.” Lalu mereka mencari (imam). Ternyata tidak ada seorangpun yang lebih banyak hafalan Al-Quran daripada aku. Lalu mereka menjadikan aku sebagai imam dan aku pada waktu itu berusia enam atau tujuh tahun. Ketika itu aku memakai burdah, apabila aku sujud ia akan terselak. Lalu seorang wanita berkata: Tidakkah kalian mahu menutupi tubuh qari kalian daripada pandangan kami? Lalu mereka membeli dan memotong baju untuk ku. Tidak pernah aku bergembira seperti gembiranya aku menerima baju itu [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Maghazi, hadis no: 4302]

- Setiap kanak-kanak yang sah solatnya maka sah juga apabila dia menjadi imam selain solat Jumaat. Tiada khilaf dalam hal ini di sisi ulama mazhab Syafie. Adapun untuk solat Jumaat, ulama mazhab Syafie berbeza pendapat dan pendapat yang paling kuat ialah sah solat yang dia imami.

Perbandingan mazhab berkaitan imam kanak-kanak.

- Solat yang diimami kanak-kanak sah menurut mazhab Syafie. Ini juga pendapat Al-Hasan Al-Basri, Ishak bin Rahawiah dan Abu Tsaur.
- Makruh. Ini pendapat ‘Atho’, Al-Sya’bi, Mujahid dan lain-lain.
- Hanya boleh mengimami solat sunat. Ini pendapat Malik, Ahmad dan Abu Hanifah.
- Tidak boleh secara mutlak. Ini pendapat Daud az-Zahiri.
- Mereka yang menyatakan tidak sah berhujah dengan hadis berikut:

عَنْ عَائِشَةَ، عَنِ النَّبِيِّ صلى الله عليه وسلم قَالَ " رُفِعَ الْقَلَمُ عَنْ ثَلاَثٍ عَنِ النَّائِمِ حَتَّى يَسْتَيْقِظَ وَعَنِ الصَّغِيرِ حَتَّى يَكْبُرَ وَعَنِ الْمَجْنُونِ حَتَّى يَعْقِلَ أَوْ يَفِيقَ " .

Daripada ‘Aisyah radiallahu ‘anhu, Nabi sallallahu ‘alaihi wa sallam bersabda: Diangkatnya pena daripada tiga orang: Daripada orang yang tidur sehingga dia jaga, daripada kanak-kanak sehingga dia dewasa, daripada orang gila hingga dia berakal. [Sunan an-Nasaie, Kitab at-Thalaq, Bab Man La Yaqa’u Thalaquhu min al-Azwaj, hadis no: 3432]

Yang menyatakan solat itu sah berhujah dengan kisah ‘Amru bin Salamah. Mereka juga berhujah dengan banyak hadis menunjukkan sahnya solat kanak-kanak seperti kisah Ibnu ‘Abbas dan Anas yang solat bersama nabi. Apabila solat kanak-kanak itu sah, maka pastilah jua sah apabila dia menjadi imam. Hadis ‘Aisyah di atas pula bukanlah menunjukkan ibadah kanak-kanak tidak sah, sebaliknya ia menunjukkan bahawa ia tidak wajib.

Wanita mengimami lelaki

Ulama mazhab Syafie bersepakat bahawa tidak sahnya solat seorang lelaki sama ada dewasa atau kanak-kanak dengan berimamkan seorang wanita sama ada dalam solat fardhu mahupun solat sunat. Ini adalah pendapat majoriti ulama.

Sebahagian kecil ulama seperti Abu Tsaur, Al-Muzani dan Ibnu Jarir membenarkan wanita mengimami lelaki.

Seandainya kita melihat dalam sirah sahabiyyah, isteri-isteri nabi sallallahu ‘alaihi wa sallam dikenali sebagai wanita yang faqih khususnya ‘Aisyah radiallahu ‘anhu, akan tetapi tidak pernah ‘Aisyah mengimami solat para sahabat walaupun para sahabat datang mengambil ilmu dan hadis daripada ‘Aisyah.

- Seandainya seorang lelaki solat berimamkan wanita tanpa dia ketahui, kemudian baru dia menyedari bahawa imam itu wanita, wajib dia mengulangi solat tersebut. Tiada khilaf dalam mazhab Syafie berkaitan hal ini.

- Jika lelaki solat di belakang khunsa tanpa tahu dia adalah khunsa, kemudian baru dia sedar itu adalah khunsa. Wajib dia mengulangi solatnya seperti kes imam wanita jua.

- Jika seorang wanita mengimami jemaah lelaki dan wanita. Batal solat lelaki itu, akan tetapi solat imam wanita dan makmum wanita tetap sah.

Solat di belakang imam yang fasiq.

Ibnu ‘Umar radiallahu ‘anhu solat di belakang Al-Hajjaj bin Yusuf. Al-Hajjah bin Yusuf adalah seorang pemerintah yang sangat zalim. Dia telah menggantung mayat sahabat bernama Abdullah bin az-Zubair di Madinah. Walaupun demikian, sahabat seperti ‘Abdullah bin ‘Umar tetap solat di belakang Al-Hajjaj walau mereka mengingkari perbuatan jahat Al-Hajjaj. Ini menjadi dalil sahnya solat di belakang imam yang fasiq.

- Di sisi mazhab Syafie, sah solat di belakang imam yang fasiq, akan tetapi hukumnya makruh. Begitu juga solat di belakang ahlil bid’ah yang bid’ahnya tidak membawa kepada kekufuran. Ini merupakan pendapat majoriti ulama.

- Imam Malik berpendapat tidak sah solat di belakang imam fasiq seperti peminum arak, penzina.

Solat di belakang imam yang berhadas

- Suci daripada hadas merupakan syarat sah solat. Seseorang yang solat dalam keadaan berhadas, solatnya tidak sah apatah lagi untuk menjadi imam.

- Ulama bersepakat haram solat di belakang imam yang dalam keadaan hadas apabila makmum tahu bahawa imam tersebut tidak suci daripada hadas. Makmum yang tahu

bahawa imam dalam keadaan hadas akan tetapi masih solat mengikutnya, maka dia berdosa dan solatnya tidak sah. Ulama ijma' dalam hal ini.

- Jika makmum hanya menyedari atau ingat imam dalam keadaan hadas ketika sedang menunaikan solat, hendaklah dia mufaraqah atau berpisah daripada imam dan meneruskan solatnya sendirian. Jika dia tetap mengikut imam itu, maka solatnya tidak sah.

- Jika makmum hanya mengetahui imam dalam keadaan hadas selepas selesai mengerjakan solat, maka solat makmum adalah sah. Ini merupakan pendapat mazhab Syafie dan jumhur ulama.

- Jika seorang makmum tahu imam dalam keadaan hadas, kemudian dia terlupa lalu solat berimamkan imam yang hadas tadi. Maka hendaklah dia mengulangi solatnya.

- Jika seseorang sengaja solat dalam keadaan hadas, maka dia adalah seorang fasiq dan berdosa. Dia tidak kafir selagi dia tidak menghalalkan perbuatannya itu. Ini adalah pendapat mazhab Syafie dan majoriti ulama. Adapun di sisi Abu Hanifah, orang ini telah kufur kerana bermain-main dan menghina agama.

- Jika imam teringat ketika sedang solat bahawa dia dalam keadaan hadas, hendaklah dia berhenti solat. Seandainya tempat untuk dia bersuci dekat, dia boleh memberi isyarat kepada makmum untuk tunggu. Apabila selesai bersuci, dia kembali menunaikan solat, dan makmum boleh mengikutinya pada rakaat yang berbaki. Seandainya tempat bersuci jauh, makmum hendaklah menyempurnakan solat mereka samaada secara sendirian atau salah seorang daripada mereka naik menjadi imam untuk rakaat yang berbaki.

- Sah solat di belakang imam yang tayamum atau menyapu di atas khuf. Begitu juga sah solat di belakang imam yang istihadah, kencing tidak lawas menurut pendapat paling kuat dalam mazhab Syafie.

Perbandingan mazhab berkaitan solat dalam keadaan tidak tahu di belakang imam yang berhadas

- Sah solatnya. Ini pendapat mazhab Syafie dan majoriti ulama.

- Pendapat Maliki: Jika imam itu sengaja solat dalam keadaan berhadas, maka dia adalah fasiq maka wajib makmum mengulangi solat tersebut. Jika imam terlupa, tidak perlu ulang.

Solat di belakang imam yang duduk

عَنْ عَائِشَةَ أُمِّ الْمُؤْمِنِينَ، أَنَّهَا قَالَتْ صَلَّى رَسُولُ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم فِي بَيْتِهِ وَهْوَ شَاكٍ، فَصَلَّى جَالِسًا وَصَلَّى وَرَاءَهُ قَوْمٌ قِيَامًا، فَأَشَارَ إِلَيْهِمْ أَنِ اجْلِسُوا، فَلَمَّا انْصَرَفَ قَالَ " إِنَّمَا جُعِلَ الإِمَامُ لِيُؤْتَمَّ بِهِ، فَإِذَا رَكَعَ فَارْكَعُوا، وَإِذَا رَفَعَ فَارْفَعُوا، وَإِذَا صَلَّى جَالِسًا فَصَلُّوا جُلُوسًا ".

Daripada 'Aisyah radiallahu 'anhu, beliau berkata: Rasulullah sallallahu 'alaihi wa sallam solat di rumahnya ketika baginda sakit. Baginda mendirikan solat dalam keadaan duduk dan jemaah di

belakangnya solat dalam keadaan berdiri. Baginda memberi isyarat kepada mereka untuk duduk. Apabila selesai, baginda bersabda: Sesungguhnya imam adalah untuk diikuti. Apabila dia ruku', maka ruku'lah. Apabila dia bangun, maka bangunlah. Apabila dia solat dalam keadaan duduk, maka solatlah dalam keadaan duduk. [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Azan, Bab Innama Ju'ila al-Imam Li Yu'tamma Bihi, hadis no: 688].

Akan tetapi pada sakit di hujung hayat nabi sallallahu 'alaihi wa sallam baginda mengimami solat dalam keadaan duduk sedangkan makmum yang lain berdiri. Di hujung hadis itu disebutkan:

فَجَاءَ رَسُولُ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم حَتَّى جَلَسَ عَنْ يَسَارِ أَبِي بَكْرٍ، فَكَانَ أَبُو بَكْرٍ يُصَلِّي قَائِمًا، وَكَانَ رَسُولُ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم يُصَلِّي قَاعِدًا، يَقْتَدِي أَبُو بَكْرٍ بِصَلاَةِ رَسُولِ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم وَالنَّاسُ مُقْتَدُونَ بِصَلاَةِ أَبِي بَكْرٍ رضى الله عنه.

Lalu Rasulullah sallallahu 'alaihi wa sallam datang sehingga duduk di kiri Abu Bakar. Abu Bakar solat dalam keadaan berdiri, dan Rasulullah sallallahu 'alaihi wa sallam solat dalam keadaan duduk. Abu Bakar solat mengikut solat Rasulullah sallallahu 'alaihi wa sallam sedangkan orang ramai mengikut solat Abu Bakar. [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Azan, Bab Ar-Rajulu Ya'tamma bi al-Imam wa Ya'tammu an-Nas bi al-Ma'mum, hadis no: 713].

Yang dimaksudkan dengan Abu Bakar mengikut solat nabi, dan makmum mengikut solat Abu Bakar ialah Abu Bakar menguatkan suara ketika takbir agar makmum dapat mengikut solat nabi sallallahu 'alaihi wa sallam. Ini berdasarkan riwayat berikut:

وَكَانَ النَّبِيُّ صلى الله عليه وسلم يُصَلِّي بِالنَّاسِ وَأَبُو بَكْرٍ يُسْمِعُهُمُ التَّكْبِيرَ .

Nabi sallallahu 'alaihi wa sallam mengimami orang ramai dan Abu Bakar memperdengarkan takbir kepada mereka. [Sahih Muslim, Kitab al-Solat, Bab Istikhlaf al-Imam, hadis no: 418].

Kedua-dua hadis di atas adalah sahih, dan perbezaan yang pada kedua-dua hadis ini menghasilkan pendapat ulama yang saling berbeza.

- Di sisi imam al-Syafie dan ulama mazhab Syafie yang lain: Dibenarkan untuk mereka yang mampu berdiri dalam solat untuk mendirikan solat di belakang orang yang duduk. Begitu juga boleh orang yang duduk solat di belakang orang yang baring. Begitu juga orang yang mampu ruku' dan sujud untuk solat di belakang orang yang ruku' dan sujud dengan membongkokkan sedikit badan sahaja. Tidak boleh mereka yang mampu berdiri atau solat secara sempurna ini untuk ikut duduk atau apa-apa perbuatan yang dilakukan oleh imam yang tidak mampu solat secara sempurna.
- Di mazhab Syafie, digalakkan untuk imam apabila dia tidak mampu untuk berdiri, digantikan dengan imam yang mampu solat dengan berdiri atau solat secara sempurna. Ini untuk keluar daripada khilaf.

Perbandingan mazhab berkaitan mengikut imam yang solat duduk.

- Sah solat di belakang imam yang duduk dan makmum hendaklah berdiri. Ini pendapat mazhab Syafie, At-Tsauri, Abu Hanifah, Abu Tsaur, Al-Humaidi dan sebahagian Malikiah.

- Sah solat di belakang imam yang duduk dan makmum hendaklah duduk dan tidak boleh makmum berdiri. Ini pendapat Al-Awzaie, Ahmad, Ishaq dan Ibn al-Munzir. Mereka berdalilkan hadis yang nabi sallallahu ‘alaihi wa sallam menyuruh makmum duduk apabila imam solat duduk.

- Tidak sah secara mutlak. Ini merupakan salah satu riwayat daripada Imam Malik dan ulama Maliki. Mereka berhujah dengan riwayat berikut:

عَنِ الشَّعْبِيِّ , قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «لَا يَؤُمَّنَّ أَحَدٌ بَعْدِي جَالِسًا.

Daripada Sya’bi, Rasulullah sallallahu ‘alaihi wa sallam bersabda: Tidak boleh seseorang selepas ku mengimami solat dalam keadaan duduk. [Sunan ad-Daraquthni, no: 1485. Akan tetapi Imam ad-Daraquthni menyatakan hadis ini hanya seorang yang meriwayatkan daripada Al-Sya’bi iaitu Jabir al-Ju’fi, beliau seorang yang matruk. Cacat kedua pula ialah kerana riwayat ini mursal kerana Al-Sya’bi bukanlah sahabat nabi].

Ulama mazhab Syafie menjawab kedua-dua hujah di atas:

- Hujah mazhab Ahmad ditolak kerana hadis itu telah dimansukhkan oleh hadis yang makmum solat berdiri pada penghujung hayat nabi sallallahu ‘alaihi wa sallam

- Hujah dengan riwayat Al-Sya’bi ditolak kerana ia hadis yang sangat lemah. Imam Al-Syafie berkata tentang riwayat ini: Orang yang berhujah dengan hadis ini tahu bahawa tiada hujah pada riwayat ini. Ia riwayat yang tidak tsabit kerana ia mursal. Ini kerana ia diriwayatkan daripada perawi yang manusia berpaling daripadanya.

Manakala solat seorang yang mampu ruku’ dan sujud dengan sempurna di belakang imam yang sujud dan ruku’ sekadar dengan isyarat membongkokkan badan sahaja sah di sisi mazhab Syafie dan Zufar. Manakala Abu Hanifah, Malik, Abu Yusuf dan Muhammad berpendapat tidak sah.

Imam dan Makmum Berbeza Niat.

عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ، أَنَّ مُعَاذَ بْنَ جَبَلٍ، كَانَ يُصَلِّي مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم الْعِشَاءَ الآخِرَةَ ثُمَّ يَرْجِعُ إِلَى قَوْمِهِ فَيُصَلِّي بِهِمْ تِلْكَ الصَّلاَةَ .

Daripada Jabir bin Abdullah, Mu’az bin Jabal radiallahu ‘anhu menunaikan solat Isya’ bersama Rasulullah sallallahu ‘alaihi wa sallam, kemudian dia pulang kepada kaumnya lalu mengimami solat tersebut bersama mereka. [Sahih Muslim, Kitab al-Solat, Bab al-Qiraah fi al-Isya’, hadis no: 465]

Imam al-Syafie meriwayatkan hadis di atas dengan lafaz tambahan:

هِيَ لَهُ تَطَوُّعٌ، وَهِيَ لَهُمْ مَكْتُوبَةٌ الْعِشَاءُ.

Ia (iaitu solat yang kedua) adalah solat sunat untuk Mu’az, dan solat itu untuk mereka pula adalah solat fardhu Isya’. [Musnad Al-Syafie, no: 304, Imam an-Nawawi menyatakan ini adalah perkataan Jabir bin Abdullah]

- Di sisi mazhab Syafie, sah solat fardhu di belakang imam yang solat sunat, dan sah solat sunat di belakang imam yang solat fardhu. Tiada khilaf dalam mazhab Syafie berkaitan hal ini.

- Begitu juga sah solat fardhu di belakang imam yang sedang menunaikan solat fardhu yang lain yang sama jumlah rakaatnya atau kurang rakaatnya daripada rakaat makmum. Tiada khilaf dalam mazhab Syafie berkaitan hal ini.

- Menurut pendapat yang lebih kuat dalam mazhab Syafie, sah juga solat seorang makmum yang jumlah rakaatnya kurang daripada rakaat imam. Contoh makmum menunaikan solat Maghrib di belakang imam yang solat Isya'. Dalam kes ini, makmum mempunyai dua pilihan sama ada mufaraqah dan menamatkan solat sendirian apabila imam bangun ke rakaat seterusnya, atau dia duduk tasyahud menunggu imam, kemudian menamatkan solat bersama imam. Di sisi mazhab Syafie, lebih digalakkan duduk tasyahud menunggu imam.

- Jika tatacara solatnya berbeza, maka tidak boleh makmum mengikut imam tersebut. Contohnya tidak boleh makmum yang mahu solat fardhu berimamkan imam yang solat jenazah atau solat gerhana.

Perbandingan mazhab dalam isu imam dan makmum berbeza niat

- Di sisi mazhab Syafie ia sah. Ini juga pendapat Thowus, 'Atho', Al-Awzai'e, Ahmad, Abu Tsaur, Daud az-Zahiri dan lain-lain.

- Tidak sah solat sunat di belakang imam solat fardhu, begitu juga tidak sah solat fardhu di belakang imam solat sunat, dan tidak sah juga solat fardhu di belakang imam yang solat fardhu yang berbeza. Ini pendapat Al-Hasan Al-Basri, Az-Zuhri, Yahya bin Sa'id, Rabi'ah, Abu Qilabah dan salah satu riwayat Malik.

- Tidak sah solat fardhu di belakang imam yang solat sunat, tidak boleh solat fardhu di belakang imam yang solat fardhu yang lain, akan tetapi boleh solat sunat di belakang imam yang solat fardhu. Ini pendapat At-Tsaur, Abi Hanifah dan salah satu riwayat Malik.

Mereka yang menyatakan tidak sah berdalilkan hadis berikut:

إِنَّمَا جُعِلَ الإِمَامُ لِيُؤْتَمَّ بِهِ، فَإِذَا كَبَّرَ فَكَبِّرُوا، وَإِذَا رَكَعَ فَارْكَعُوا، وَإِذَا قَالَ سَمِعَ اللَّهُ لِمَنْ حَمِدَهُ. فَقُولُوا رَبَّنَا وَلَكَ الْحَمْدُ. وَإِذَا سَجَدَ فَاسْجُدُوا، وَإِذَا صَلَّى جَالِسًا فَصَلُّوا جُلُوسًا أَجْمَعُونَ ".

Daripada Abu Hurairah radiallahu 'anhu, Nabi sallallahu 'alaihi wa sallam bersabda: Imam itu adalah untuk diikuti. Apabila dia bertakbir, maka bertakbirlah, apabila dia ruku' maka ruku'lah. Apabila dia menyebut samillahu liman hamidah, sebutlah robbana walakal hamdu. Apabila dia sujud, maka sujudlah. Apabila dia solat dalam keadaan duduk, maka solatlah kalian semua dalam keadaan duduk. [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Azan, Bab Ijab at-Takbir wa iftitah as-Solat, hadis no: 734]

Yang menyatakan sah berdalilkan kisah Mu’az bin Jabal di atas. Imam Al-Syafie juga berdalilkan kisah solat al-Khauf ketika dalam peperangan.

Jabir bin ‘Abdullah radiallahu ‘anhu meriwayatkan kisah peperangan Dzat ar-Riqa’:

وَأُقِيمَتِ الصَّلاَةُ فَصَلَّى بِطَائِفَةٍ رَكْعَتَيْنِ، ثُمَّ تَأَخَّرُوا، وَصَلَّى بِالطَّائِفَةِ الأُخْرَى رَكْعَتَيْنِ، وَكَانَ لِلنَّبِيِّ صلى الله عليه وسلم أَرْبَعٌ وَلِلْقَوْمِ رَكْعَتَيْنِ.

Iqamah dilaungkan. Lalu baginda mendirikan solat dua rakaat bersama sekumpulan jemaah. Kemudian jemaah itu berudur ke belakang. Baginda mendirikan pula solat dua rakaat dengan kumpulan yang lain. Maka Nabi sallallahu ‘alaihi wa sallam mendirikan empat rakaat, dan kaum Muslimin mendirikan dua rakaat.

[Sahih al-Bukhari, Kitab al-Maghazi, Bab Ghuzwah Dzat ar-Riqa’, hadis no: 4136].

Imam Al-Syafie menyatakan dalam Al-Umm bahawa dua rakaat akhir yang nabi sallallahu ‘alaihi wa sallam lakukan itu adalah solat sunat untuk baginda. Kemudian Imam al-Syafie juga berhujah dengan membandingkan tentang bagaimana seorang mukim yang solat tamam boleh menjadi makmum kepada imam musafir yang mengqasarkan solat.

Adapun hadis yang menyebutkan: Imam itu adalah untuk diikuti. Apabila dia bertakbir, maka bertakbirlah, apabila dia ruku’ maka ruku’lah. Ia adalah berkaitan perbuatan di dalam solat dan bukan berkaitan niat.

Imam Yang Dibenci Makmum

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ، عَنْ رَسُولِ اللَّهِ . صلى الله عليه وسلم . قَالَ " ثَلاَثَةٌ لاَ تَرْتَفِعُ صَلاَتُهُمْ فَوْقَ رُءُوسِهِمْ شِبْرًا رَجُلٌ أَمَّ قَوْمًا وَهُمْ لَهُ كَارِهُونَ وَامْرَأَةٌ بَاتَتْ وَزَوْجُهَا عَلَيْهَا سَاخِطٌ وَأَخَوَانِ مُتَصَارِمَانِ " .

Daripada Ibnu ‘Abbas radiallahu ‘anhu, Rasulullah sallallahu ‘alaihi wa sallam bersabda: Tiga golongan yang solat mereka tidak naik melebihi sejengkal daripada kepala-kepala mereka. Iaitu lelaki yang mengimami satu kaum sedangkan mereka benci kepadanya, wanita yang tidur dalam keadaan suaminya marah kepadanya, dan dua saudara yang memutuskan hubungan. [Sunan Ibnu Majah, Kitab Iqamah al-Solat wa al-Sunnah fi ha, hadis no: 1024].

- Imam al-Syafie dan ulama mazhab Syafie menyatakan makruh jika seseorang mengimami solat sedangkan majoriti makmum tidak menyukainya.
- Akan tetapi tidak makruh jika hanya separuh atau kurang yang tidak menyukainya.
- Ia hanya menjadi makruh apabila imam tersebut dibenci makmum kerana sifatnya yang tercela di sisi syara’, menjadi imam sedangkan hakikatnya dia tidak berhak menjadi imam, atau kerana solatnya yang kurang sempurna.
- Adapun untuk makmum, jika ada sebahagian makmum tidak suka kepada makmum yang lain untuk datang ke masjid, maka tidak makruh untuk makmum tersebut hadir mendirikan solat jemaah.

Solat seorang lelaki bersama wanita

- Apabila seorang lelaki mengimami mahramnya atau isterinya dalam keadaan berdua-duaan, maka ia dibolehkan dan tidak makruh.
- Seandainya seorang lelaki mengimam wanita ajnabi dan berdua-duaan dengannya maka hukumnya haram.
- Jika seorang lelaki mengimami ramai wanita yang ajnabi maka hukumnya boleh menurut majoriti ulama mazhab Syafie.
- Begitu juga dengan seorang khunsa. Tidak boleh seorang lelaki solat berdua-duaan dengan seorang khunsa. Begitu juga tidak boleh seorang khunsa solat berdua-duaan dengan seorang wanita.
- Hukum haram khulwah dengan bukan mahram ini sama sahaja dalam solat atau di luar solat, orang yang muda mahupun tua. Kesemuanya sama.

  Dalil yang mengharamkan berdua-duaan dengan bukan mahram adalah seperti berikut:

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، قَالَ : " لَا يَخْلُوَنَّ رَجُلٌ بِامْرَأَةٍ إِلَّا مَعَ ذِي مَحْرَمٍ " ، فَقَامَ رَجُلٌ ، فَقَالَ : " يَا رَسُولَ اللَّهِ ، امْرَأَتِي خَرَجَتْ حَاجَّةً وَاكْتُتِبْتُ فِي غَزْوَةِ كَذَا وَكَذَا ، قَالَ : ارْجِعْ فَحُجَّ مَعَ امْرَأَتِكَ

Ibn ‘Abbas radiallahu ‘anhuma meriwayatkan bahawa Nabi sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Janganlah seorang lelaki berdua-duaan dengan seorang wanita melainkan bersama mahram. Lalu seorang lelaki berkata: Ya Rasulullah, isteri aku akan keluar menunaikan haji sedangkan aku diwajibkan untuk berperang. Baginda menjawab: Pulanglah, dan kerjakan haji bersama isteri engkau. [Sahih al-Bukhari, Kitab an-Nikah, hadis no: 4935]

Umar al-Khattab radiallahu ‘anhu berkhutbah dan menyatakan Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda:

لَا يَخْلُوَنَّ رَجُلٌ بِامْرَأَةٍ إِلَّا كَانَ ثَالِثَهُمَا الشَّيْطَانُ

Tidaklah seorang lelaki bersunyi-sunyian dengan seorang wanita melainkan yang ketiga adalah syaitan. [Sunan at-Tirmizi, Kitab al-Fitan, hadis no: 2091, hasan sahih gharib]

Siapa yang lebih layak menjadi imam?

عَنْ أَبِي مَسْعُودٍ الأَنْصَارِيِّ ، قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " يَؤُمُّ الْقَوْمَ ، أَقْرَؤُهُمْ لِكِتَابِ اللَّهِ ، فَإِنْ كَانُوا فِي الْقِرَاءَةِ سَوَاءً ، فَأَعْلَمُهُمْ بِالسُّنَّةِ ، فَإِنْ كَانُوا فِي السُّنَّةِ سَوَاءً ، فَأَقْدَمُهُمْ هِجْرَةً ، فَإِنْ كَانُوا فِي الْهِجْرَةِ سَوَاءً ، فَأَقْدَمُهُمْ سِلْمًا ، وَلَا يَؤُمَّنَّ الرَّجُلُ الرَّجُلَ فِي سُلْطَانِهِ ، وَلَا يَقْعُدْ فِي بَيْتِهِ عَلَى تَكْرِمَتِهِ ، إِلَّا بِإِذْنِهِ

Abu Mas’ud al-Ansori radiallahu berkata: Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: Hendaklah yang mengimami satu kaum, yang paling bagus bacaan al-Quran, jika pada bacaan

mereka sama, hendaklah yang lebih memahami sunnah, seandainya mereka sama dalam bab memahami sunnah, hendaklah yang lebih awal berhijraj, seandainya mereka, hendaklah yang lebih awal memeluk Islam. Janganlah seseorang mengimami orang lain di kawasan kekuasaannya. Janganlah duduk di rumahnya di tempat yang dia sukai melainkan dengan izinya [Sahih Muslim, Kitab al-Masajid, hadis no: 1084]

Daripada Malik bin al-Huwairits radiallahu ‘anhu, Nabi sallallahu ‘alaihi wa sallam bersabda:

وَصَلُّوا كَمَا رَأَيْتُمُونِي أُصَلِّي، وَإِذَا حَضَرَتِ الصَّلاَةُ فَلْيُؤَذِّنْ لَكُمْ أَحَدُكُمْ، ثُمَّ لِيَؤُمَّكُمْ أَكْبَرُكُمْ " .

Solatlah sebagaimana kalian melihat aku solat. Apabila masuknya waktu solat, hendaklah salah seorang daripada kalian mendirikan solat, kemudian hendaklah yang paling tua mengimami kalian.

[Sahih al-Bukhari, Kitab al-Adab, Bab Rahmah Li an-Nas wa al-Bahaim, hadis no: 6008].

Ulama mazhab Syafie menyatakan terdapat 6 ciri yang diambil kira untuk menjadi imam.

1. Faqih.
2. Hafaz al-Quran.
3. Wara’.
4. Tempoh lama sudah menjadi Muslim.
5. Berhijrah kepada Rasulullah sallallahu ‘alaihi wa sallam.
6. Nasab.

- Seandainya pertembungan, siapakah yang paling layak menjadi imam. Maka menurut majoriti ulama mazhab Syafie, diutamakan mereka yang faqih sebelum yang hafaz al-Quran, wara’ dan selainnya. Inilah juga pendapat Abu Hanifah, Malik, Al-Awza’ie dan Abu Tsaur.
- Manakala menurut sebahagian ulama Syafiiyyah, diutamakan yang paling banyak hafaz al-Quran. Ini juga pendapat At-Tsauri, Ahmad dan Ishaq.
- Jika kesemua yang ada sama faqih, hafazan, wara’nya dan ciri-ciri yang lain, maka menurut hadis Malik al-Huwairits, diutamakan yang lebih tua.

Pemimpin lebih berhak menjadi imam berbanding orang lain

Dalam hadis Abu Mas’ud radiallahu ‘anhu, nabi sallallahu ‘alaihi wa sallam bersabda:

، وَلَا يَؤُمَّنَّ الرَّجُلُ الرَّجُلَ فِي سُلْطَانِهِ ، وَلَا يَقْعُدْ فِي بَيْتِهِ عَلَى تَكْرِمَتِهِ ، إِلَّا بِإِذْنِهِ

Janganlah seseorang mengimami orang lain di kawasan kekuasaannya. Janganlah duduk di rumahnya di tempat yang dia sukai melainkan dengan izinya [Sahih Muslim, Kitab al-Masajid, hadis no: 1084].

- Apabila pemimpin datang ke kawasan yang berada di bawah kekuasaannya, maka dia lebih berhak menjadi imam berbanding orang-orang yang lain hatta jika di masjid dan di rumah orang lain.

  Jika tiada pemimpin yang hadir pula:

- Jika di masjid, imam masjid lebih berhak berbanding yang lain.
- Jika di rumah, tuan rumah yang lebih berhak berbanding yang lain.
- Jika ada orang yang mukim dengan yang bermusafir, lebih diutamakan orang yang mukim agar jumlah rakaat solat imam dan makmum sama.

Posisi Imam Ketika Solat

Imam dan 1 makmum

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا ، قَالَ : " قُمْتُ لَيْلَةً أُصَلِّي عَنْ يَسَارِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، فَأَخَذَ بِيَدِي أَوْ بِعَضُدِي حَتَّى أَقَامَنِي عَنْ يَمِينِهِ ، وَقَالَ : بِيَدِهِ مِنْ وَرَائِي

Ibn ‘Abbas radiallahu ‘anhuma berkata: Pada satu malam, aku berdiri solat di sebelah kiri Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam, lalu baginda menarik tangan ku sehingga baginda menempatkan aku di kanannya. [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Azan, hadis no: 689]

- Adalah disunnahkan untuk makmum lelaki yang seorang berdiri di sebelah kanan imam tidak kira sama ada dia dewasa atau kanak-kanak.
- Di sisi mazhab Syafie, digalakkan untuk makmum itu terkebelakang sedikit daripada imam.
- Jika makmum itu berdiri di kiri atau belakang imam, digalakkan untuknya bergerak ke kanan imam.
- Jika makmum tidak melakukan hal itu, digalakkan untuk imam mengalihkan makmum itu ke kanannya.
- Jika makmum itu berterusan di kiri atau belakang imam, sah solatnya akan tetapi makruh. Hal ini disepakati oleh ulama-ulama mazhab Syafie.

Perbandingan pendapat mazhab

Menurut mazhab Syafie, sunnah makmum berada di sebelah kanan imam berdasarkan hadis yang telah disebutkan. Diriwayatkan bahawa Sa’id bin al-Musayyib berpendapat bahawa makmum yang sendirian hendaklah berdiri di sebelah kiri imam. Manakala terdapat pendapat daripada An-Nakhaie bahawa makmum tersebut hendaklah berdiri di belakang imam sehingga ruku’. Apabila sehingga ruku’ tiada makmum lain yang sampai hendaklah makmum tadi bergerak ke sebelah kanan imam. Kedua-dua pendapat ini sangat bercanggah dengan hadis nabi sallallahu ‘alaihi wa sallam.

Makmum 2 orang atau lebih

Dalam sebuah hadis yang panjang daripada Jabir bin ‘Abdullah radiallahu ‘anhu, beliau menceritakan:

ثُمَّ جِئْتُ حَتَّى قُمْتُ عَنْ يَسَارِ رَسُولِ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم فَأَخَذَ بِيَدِي فَأَدَارَنِي حَتَّى أَقَامَنِي عَنْ يَمِينِهِ ثُمَّ جَاءَ جَبَّارُ بْنُ صَخْرٍ فَتَوَضَّأَ ثُمَّ جَاءَ فَقَامَ عَنْ يَسَارِ رَسُولِ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم فَأَخَذَ رَسُولُ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم بِيَدَيْنَا جَمِيعًا فَدَفَعَنَا حَتَّى أَقَامَنَا خَلْفَهُ

Kemudian aku tiba lalu aku berdiri di kiri Rasulullah sallallahu ‘alaihi wa sallam. Baginda sallallahu ‘alaihi wa sallam menarik tanganku dan mengalihkan aku sehingga meletakkan aku di kanan baginda. Kemudian datang pula Jabbar bin Sakhr, beliau berwudhu kemudian datang lalu berdiri di kiri Rasulullah sallallahu ‘alaihi wa sallam. Lalu Rasulullah sallallahu ‘alaihi wa sallam menarik tangan kami berdua dan menolak sehingga meletakkan kami di belakangnya. [Sahih Muslim, Kitab az-Zuhud wa ar-Raqaiq, hadis no: 3014].

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ ، قَالَ : " صَلَّيْتُ أَنَا وَيَتِيمٌ فِي بَيْتِنَا خَلْفَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، وَأُمِّي أُمُّ سُلَيْمٍ خَلْفَنَا. "

Anas bin Malik radiallahu ‘anhu berkata: Aku solat bersama anak yatim di rumah kami di belakang nabi sallallahu ‘alaihi wasallam, dan ibu ku Ummu Sulaim solat di belakang kami [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Azan, hadis no: 688]

- Seandainya terdapat dua orang makmum lelaki, hendaklah mereka berdiri di belakang imam. Tidak kira sama makmum itu dua orang dewasa, atau dua orang kanak-kanak, atau satu dewasa dan satu kanak-kanak. Ini berdasarkan hadis Anas bin Malik di atas. Ini merupakan pendapat mazhab Syafie dan jumhur ulama. Adapun Abdullah bin Mas’ud dan dua muridnya, ‘Alqamah dan Al-Aswad berpegang bahawa imam dan dua orang makmum berada pada satu saf yang sama.

Jika imam sedang solat bersama seorang makmum di kanannya, kemudian datang seorang makmum mendirikan solat di kirinya, maka imam mempunyai dua cara:

- Jika ruang di hadapan imam luas sedangkan ruang di belakang adalah sempit, hendaklah imam itu bergerak ke hadapan.
- Jika ruang di hadapan imam sempit sedangkan di belakang luas, hendaklah kedua-dua makmum itu berundur ke belakang.
- Jika kedua-dua ruang hadapan dan belakang imam adalah luas, maka yang paling kuat di sisi mazhab Syafie adalah makmum hendaklah berundur ke belakang.
- Seandainya makmum kedua sampai ketika sedang duduk atau sujud, maka pergerakan membetulkan saf seperti di atas hanya dilakukan apabila telah berdiri.

- Tiada khilaf bahawa pergerakan imam ke hadapan atau makmum ke belakang hanya boleh dilakukan selepas makmum kedua itu melakukan takbiratul ihram.
- Jika kedua-dua makmum berdiri di sebelah kiri atau sebelah kanan, atau salah seorang di kanan dan salah seorang di kiri, atau seorang di sebelah dan seorang di belakang imam, atau seorang di belakang imam dan seorang lagi di belakang makmum pertama, solatnya tetap sah akan tetapi makruh.

Saf Kanak-Kanak

لِيَلِنِي مِنْكُمْ أُولُو الأَحْلاَمِ وَالنُّهَى ثُمَّ الَّذِينَ يَلُونَهُمْ ثُمَّ الَّذِينَ يَلُونَهُمْ " .

Daripada Abu Mas'ud radiallahu 'anhu, Rasulullah sallallahu 'alaihi wa sallam bersabda: Hendaklah yang dewasa dan berakal paling hampir dengan ku. Kemudian yang seterusnya, kemudian yang seterusnya. [Sahih Muslim, Kitab as-Solat, Bab Taswiyah as-Sufuf, hadis no: 432].

- Apabila jumlah makmum melebihi dua orang dan bercampur antara kanak-kanak dan dewasa, dan mereka hadir pada masa yang sama, maka keutamaan saf hadapan diberikan kepada orang dewasa. Akan tetapi jika ada ruang kosong di hadapan, kanak-kanak hendaklah memenuhkannya.
- Sebahagian ulama mazhab Syafie menggalakkan agar kanak-kanak diletakkan antara orang dewasa dalam satu saf dengan tujuan memudahkan mereka belajar solat.
- Ini tidak bermaksud kita boleh menarik kanak-kanak ke belakang jika mereka sudah datang awal ke masjid dan duduk di saf hadapan. Imam Al-Khatib Al-Syarbini menyatakan dalam Mughni al-Muhtaj:

  وَمَحَلُّ مَا ذَكَرَ مَا إذَا حَضَرَ الْجَمِيعُ دُفْعَةً وَاحِدَةً فَلَوْ سَبَقَ الصِّبْيَانُ بِالْحُضُورِ لَمْ يُؤَخَّرُوا لِلرِّجَالِ اللَّاحِقِينَ كَمَا لَوْ سَبَقُوا إلَى الصَّفِّ الْأَوَّلِ فَإِنَّهُمْ أَحَقُّ بِهِ عَلَى الصَّحِيحِ ، نَقَلَهُ فِي الْكِفَايَةِ عَنْ الْقَاضِي حُسَيْنٍ وَغَيْرِهِ وَأَقَرَّهُ لِأَنَّهُمْ مِنْ جِنْسِهِمْ بِخِلَافِ الْخَنَاثَى وَالنِّسَاءِ ، وَإِنَّمَا تُؤَخَّرُ الصِّبْيَانُ عَنْ الرِّجَالِ كَمَا قَالَ الْأَذْرَعِيُّ إذَا لَمْ يَسَعْهُمْ صَفُّ الرِّجَالِ وَإِلَّا كُمِّلَ بِهِمْ .

  Kedudukan sebagaimana yang disebutkan (iaitu kanak-kanak di belakang) ialah apabila mereka semua datang pada waktu yang sama. Seandainya kanak-kanak telah hadir terlebih dahulu, tidak boleh ditarik mereka ke belakang untuk memberi laluan kepada lelaki dewasa sebagaimana jika mereka terlebih dahulu masuk ke saf pertama, maka sesungguhnya mereka lebih berhak pada pendapat yang sahih. Ini sebagaimana dinukilkan dalam Al-Kifayah daripada Al-Qadhi Husain dan selainnya, beliau memperakui hal tersebut. Ini kerana mereka (iaitu kanak-kanak) merupakan daripada jenis mereka (iaitu lelaki dewasa) tidak seperti khunsa dan wanita. Sesungguhnya kanak-kanak hanya dikebelakangkan daripada lelaki sebagaimana kata Al-Azraie apabila saf lelaki tidak muat untuk mereka. Jika tidak hendaklah disempurnakan.

Oleh itu, dapat difahami konsep saf kanak-kanak dalam mazhab Syafie adalah seperti berikut:

1- Jika orang dewasa dan kanak-kanak hadir pada masa yang sama, maka diutamakan orang dewasa untuk memenuhi saf hadapan. Jika ada ruang kosong, hendaklah kanak-kanak mengisi ruang kosong saf hadapan itu. Jika sudah penuh, maka kanak-kanak itu berada pada saf seterusnya.

2- Jika kanak-kanak itu datang terlebih dahulu di saf pertama, maka tidak boleh ditarik mereka ke belakang.

3- Dakwaan kanak-kanak tidak berkhatan menanggung najis adalah dakwaan yang tidak benar. Sebagaimana telah disebutkan, solat berimamkan kanak-kanak adalah sah di sisi mazhab Syafie. Begitu juga Nabi sallallahu ‘alaihi wa sallam menyuruh kanak-kanak diajar mendirikan solat sejak umur 7 tahun, adakah kita mahu menyatakan solat kanak-kanak yang tidak berkhatan adalah tidak sah?

   Nabi sallallahu ‘alaihi wa sallam bersabda:

   مُرُوا أَوْلاَدَكُمْ بِالصَّلاَةِ وَهُمْ أَبْنَاءُ سَبْعِ سِنِينَ وَاضْرِبُوهُمْ عَلَيْهَا وَهُمْ أَبْنَاءُ عَشْرِ سِنِينَ وَفَرِّقُوا بَيْنَهُمْ فِي الْمَضَاجِعِ

   Suruhlah anak-anak kalian mendirikan solat ketika mereka berumur tujuh tahun. Pukullah mereka apabila mereka tidak solat ketika mereka berumur sepuluh tahun, dan asinglah tempat tidur antara mereka. [Sunan Abi Daud, Kitab as-Solat, Bab Mata Yu’maru al-Ghulam Bi As-Solat, hadis no: 495].

   Jika tidak berkhatan dikatakan menanggung najis, adakah kita mahu katakan solat mualaf dewasa yang belum berkhatan tidak sah?

Saf solat wanita sesama mereka

عَنْ عَمَّارٍ الدُّهْنِيِّ ، عَنِ امْرَأَةٍ مِنْ قَوْمِهِ يُقَالُ لَهَا حُجَيْرَةُ ، عَنْ أُمِّ سَلَمَةَ " أَنَّهَا أَمَّتْهُنَّ فَقَامَتْ وَسَطًا

Hujairah meriwayatkan Ummu Salamah radiallahu ‘anha mengimami kaum wanita dan berdiri di tengah-tengah [as-Sunan al-Kubra Lil Baihaqi, Kitab al-Haidhi, hadis no: 4929]

عَنْ رِيطَةَ الْحَنَفِيَّةِ " أَنَّ عَائِشَةَ أَمَّتْهُنَّ ، وَقَامَتْ بَيْنَهُنَّ فِي صَلاةٍ مَكْتُوبَةٍ

Rithah al-Hanafiyyah menceritakan bahawa ‘Aisyah radiallahu ‘anha mengimami kaum wanita dan berdiri di antara mereka dalam solat fardhu [Musannaf Abdil Razzaq, Kitab as-Solat, hadis no: 4944].

Adapun jika wanita solat bersama lelaki, hendaklah saf mereka di belakang saf lelaki. Di sisi mazhab Syafie, seandainya saf wanita di hadapan saf lelaki atau di sebelahnya, hukumnya makruh dan solat itu sah. Ini pendapat majoriti ulama. Abu Hanifah pula berpendapat solat itu batal.

Bolehkah solat sendirian di belakang saf?

عَنْ وَابِصَةَ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم رَأَى رَجُلاً يُصَلِّي خَلْفَ الصَّفِّ وَحْدَهُ فَأَمَرَهُ أَنْ يُعِيدَ – قَالَ سُلَيْمَانُ بْنُ حَرْبٍ – الصَّلاَةَ .

Daripada Wabisoh radiallahu 'anhu bahawa Rasulullah sallallahu 'alaihi wa sallam melihat seorang lelaki solat di belakang saf bersendirian, lalu baginda menyuruhnya mengulangi solat. [Sunan Abi Daud, Kitab as-Solat, Bab al-Rajuli Yusolli Wahdahu Khalfa al-Saf, hadis no: 682].

'Ali bin Shaiban radiallahu 'anhu berkata:

خَرَجْنَا حَتَّى قَدِمْنَا عَلَى النَّبِيِّ . صلى الله عليه وسلم . فَبَايَعْنَاهُ وَصَلَّيْنَا خَلْفَهُ ثُمَّ صَلَّيْنَا وَرَاءَهُ صَلاَةً أُخْرَى فَقَضَى الصَّلاَةَ فَرَأَى رَجُلاً فَرْدًا يُصَلِّي خَلْفَ الصَّفِّ . قَالَ فَوَقَفَ عَلَيْهِ نَبِيُّ اللَّهِ . صلى الله عليه وسلم . حِينَ انْصَرَفَ قَالَ " اسْتَقْبِلْ صَلاَتَكَ لاَ صَلاَةَ لِلَّذِي خَلْفَ الصَّفِّ " .

Kami keluar sehingga kami sampai kepada Nabi sallallahu 'alaihi wa sallam. Kami membai'ah baginda dan kami solat di belakang baginda. Kemudian kami menunaikan solat yang lain di belakang baginda. Apabila baginda selesai menunaikan solat baginda ternampak seorang lelaki bersendirian solat di belakang saf. Baginda pergi kepada lelaki itu dan apabila lelaki itu selesai solat baginda berkata: Ulangi solat kamu. Tiada solat bagi mereka yang solat di belakang saf. [Sunan Ibn Majah, Kitab Iqamah as-Solat wa al-Sunnah fi ha, hadis no: 1056].

- Di sisi mazhab Syafie jika seseorang solat sendirian di belakang saf sedangkan masih ada ruang pada saf hadapan hukumnya makruh dan solatnya sah.
- Ulama mazhab Syafie berbeza pendapat jika saf hadapan sudah penuh. Adakah makmum yang baru sampai perlu solat sendirian di saf belakang atau dia perlu menarik salah seorang jemaah di hadapan untuk solat bersamanya di saf belakang.
- Menurut pendapat yang kuat di sisi mazhab Syafie digalakkan untuk dia menarik salah seorang jemaah di hadapan untuk solat di belakang bersamanya, dan digalakkan untuk yang ditarik untuk bergerak ke belakang. Ini bertujuan agar lelaki yang baru hadir itu turun mendapat fadhilat saf yang sempurna dan keluar daripada khilaf ulama yang menyatakan tidak sah solat sendirian di belakang saf. Menarik jemaah ke saf belakang ini hendaklah dilakukan selepas makmum yang baru sampai ini takbiratul ihram.

Perbandingan pendapat mazhab berkaitan solat sendirian di belakang saf

- Di sisi mazhab Syafie, hukumnya adalah makruh. Ini juga pendapat Al-Hasan Al-Basri, Malik, Al-Awza'ie, dan lain-lain.
- Sebahagian ulama menyatakan tidak boleh solat sendirian di belakang saf. Ini pendapat An-Nakhaie, Al-Hakam, Al-Hasan bin Soleh, Ahmad dan Ishaq.
- Pendapat yang masyhur daripada Ahmad dan Ishaq pula adalah solat sendirian di belakang saf sah solatnya seandainya dia masuk ke dalam saf sebelum ruku', jika tidak, batallah solatnya.

Mereka yang melarang berdalilkan hadis-hadis yang disebut di atas. Adapun di sisi mazhab Syafie mereka berhujah dengan hadis Abu Bakrah di bawah.

عَنْ أَبِي بَكْرَةَ، أَنَّهُ انْتَهَى إِلَى النَّبِيِّ صلى الله عليه وسلم وَهْوَ رَاكِعٌ، فَرَكَعَ قَبْلَ أَنْ يَصِلَ إِلَى الصَّفِّ، فَذَكَرَ ذَلِكَ لِلنَّبِيِّ صلى الله عليه وسلم فَقَالَ " زَادَكَ اللَّهُ حِرْصًا وَلاَ تَعُدْ ".

Daripada Abu Bakrah radiallahu ‘anhu bahawa beliau sampai di masjid nabi sallallahu ‘alaihi wa sallam dalam keadaan beliau sedang ruku’. Beliau ruku’ sebelum beliau masuk ke dalam saf. Beliau menceritakan hal itu kepada Nabi sallallahu ‘alaihi wa sallam lalu baginda bersabda: Semoga Allah menambahkan kesungguhan engkau, tetapi jangan kau ulangi lagi. [Sahih al-Bukhari, Kitab al-Azan, Bab Iza Raka’a Duna al-Saff, hadis no: 783].

Manakala menurut ulama mazhab Syafie arahan nabi sallallahu ‘alaihi wa sallam agar mengulangi solat adalah arahan berbentuk sunat. Perkataan ‘tiada solat’ pula bermaksud solat itu tidak sempurna. Ini kerana nabi sallallahu ‘alaihi wa sallam membiarkan orang tersebut solat hingga selesai. Jika solat tersebut tidak sah, kenapa nabi sallallahu ‘alaihi wa sallam menunggu beliau selesai sebelum menegurnya.

Perbandingan pendapat mazhab mengenai menarik jemaah hadapan ke belakang

Pendapat yang kuat di sisi mazhab Syafie adalah sunat menarik ke belakang apabila saf sudah penuh selepas melakukan takbiratul ihram. Ini juga pendapat ‘Atho dan An-Nakhaie. Sebahagian ulama menyatakan ia makruh. Ini pendapat Malik, Al-Awza’ie, Ahmad, Ishaq, Abu Hanifah dan Daud.

Sahkah solat jika makmum di hadapan imam?

- Di sisi mazhab Syafie, jika makmum terkehadapan dari imam, maka tidak sah solatnya.
- Jika makmum selari dengan imam sah solatnya akan tetapi hukumnya makruh.
- Antara yang menyatakan batal jua ialah Abu Hanifah dan Ahmad. Malik, Ishaq, Abu Tsaur dan Daud berpendapat solat itu sah.

Fadhilat saf hadapan

عَنِ الْبَرَاءِ بْنِ عَازِبٍ، قَالَ كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم يَتَخَلَّلُ الصَّفَّ مِنْ نَاحِيَةٍ إِلَى نَاحِيَةٍ يَمْسَحُ صُدُورَنَا وَمَنَاكِبَنَا وَيَقُولُ " لاَ تَخْتَلِفُوا فَتَخْتَلِفَ قُلُوبُكُمْ " . وَكَانَ يَقُولُ " إِنَّ اللَّهَ وَمَلاَئِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى الصُّفُوفِ الأُوَلِ " .

Daripada Al-Bara’ bin ‘Azib, Rasulullah sallallahu ‘alaihi wa sallam masuk ke dalam saf daripada hujung saf ke hujung yang lain. Baginda menyentuh dada dan bahu kami. Baginda bersabda: Janganlah kalian saling berbeza nescaya nanti hati-hati kalian akan berpecah. Baginda bersabda: Sesungguhnya Allah dan malaikatNya berselawat kepada saf yang awal. [Sunan Abi Daud, Kitab as-Solat, Bab Taswiyah as-Sufuf, hadis no: 664].

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، عَنِ النَّبِيِّ صلى الله عليه وسلم قَالَ " لَوْ تَعْلَمُونَ - أَوْ يَعْلَمُونَ - مَا فِي الصَّفِّ الْمُقَدَّمِ لَكَانَتْ قُرْعَةً " . وَقَالَ ابْنُ حَرْبٍ " الصَّفِّ الأَوَّلِ مَا كَانَتْ إِلاَّ قُرْعَةً

Daripada Abu Hurairah radiallahu ‘anhu, Nabi sallallahu ‘alaihi wa sallam bersabda: Seandainya kalian tahu apa yang ada pada saf hadapan, nescaya akan terdapat cabutan undi (untuk mengisi saf hadapan). [Sahih Muslim, Kitab as-Solat, Bab Taswiyah al-Sufuf…, hadis no: 439].

Galakan saf hadapan ini adalah untuk saf lelaki dalam semua keadaan. Begitu juga ia untuk saf solat wanita apabila mereka solat sesama mereka dan solat bersama lelaki dengan disertai tabir. Akan tetapi jika Muslimah solat bersama lelaki tanpa disertai tabir, maka hadis berikut diguna pakai:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم " خَيْرُ صُفُوفِ الرِّجَالِ أَوَّلُهَا وَشَرُّهَا آخِرُهَا وَخَيْرُ صُفُوفِ النِّسَاءِ آخِرُهَا وَشَرُّهَا أَوَّلُهَا " .

Daripada Abu Hurairah radiallahu ‘anhu, Rasulullah sallallahu ‘alaihi wa sallam bersabda: Sebaik-baik saf lelaki adalah yang paling hadapan, dan seburuk-buruk saf lelaki adalah yang paling belakang. Sebaik-baik saf wanita adalah yang paling belakang, dan seburuk-buruk saf wanita adalah yang paling hadapan. [Sahih Muslim, Kitab as-Solat, Bab Taswiyah al-Sufuf…, hadis no: 440]

Kesimpulan berkaitan saf solat jemaah

1- Semua aspek berkaitan saf yang disebutkan ini hukumnya adalah sunat. Jika ia diselisihi hukumnya makruh dan solat tetap sah.

2- Begitu juga apabila terdapat wanita yang safnya di hadapan saf lelaki atau di sebelah lelaki, solatnya sah akan tetapi makruh.

3- Begitu juga jika seseorang solat sendirian di belakang saf walau saf hadapan masih ada kosong, solatnya tetap sah akan tetapi makruh.

4- Akan tetapi jika saf makmum terkehadapan daripada imam, maka batal solatnya.